

**UNSUR-UNSUR KEPIMPINAN BERDASARKAN “TAJUS
SALATIN” DALAM FILEM SULTAN MUHAMMAD AL-
FATIH: ANALISIS BERDASARKAN TEORI
HUMANISTIK**

ABDULL AQIL WAHIDUDDIN BIN ABDULL LATIB


UNIVERSITI

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

MALAYSIA

2024

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**Unsur-Unsur Kepimpinan Berdasarkan “*Tajus Salatin*”
Dalam *Filem Sultan Muhammad Al-Fatih*: Analisis
Berdasarkan Teori Humanistik**

Abdull Aqil Wahiduddin Bin Abdull Latib

C20A0893

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat memperoleh ijazah Sarjana muda
Pengajian Warisan dengan kepujian
(Kesusasteraan Warisan)**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan**

2024

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

- | | | |
|-------------------------------------|---------|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh) |
| <input type="checkbox"/> | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah |
| <input type="checkbox"/> | SULIT | Dari tarikh _____ sehingga _____
(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972) |
| <input type="checkbox"/> | TERHAD | (mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan) |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan bagi tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Pelajar

Tandatangan Penyelia

Nama: Abdull Aqil Wahiduddin Bin
Abdull Latib
No. Kad Pengenalan: 000812-08-0369
Tarikh: 12 Februari 2024

Nama: Dr. Afidatul Syazwani Binti
Afandi
Tarikh: 20 Februari 2024

PENGHARGAAN

Alhamdulillah saya ucapkan atas syukurnya nikmat yang diberikan oleh Allah SWT, kerana bertemu dengan pensyarah yang memberi bimbingan kepada saya sepanjang proses penyelidikan ini dijalankan. Tanpanya, saya tidak dapat ilmu yang bermanfaat dan bermakna untuk digunakan dalam kehidupan seharian, terutamanya merentas alam pekerjaan. Saya Abdull Aqil Wahiduddin bin Abdull Latib dengan rendah hati ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang membantu saya dalam menyiapkan projek penyelidikan ini, terutamanya pensyarah yang saya hormati lagi kagumi dengan ilmu yang telah dicurahkan kepada saya iaitu Dr. Afidatul Syazwani binti Afandi. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang banyak membantu dan membimbing dalam memberi pendapat dan pandangan sepanjang tugas ini disiapkan pada tempoh yang ditetapkan. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan kerana banyak memberi kerjasama sepanjang saya menyiapkan tugas ini. Dengan bantuan dan maklumat yang diberikan, saya dapat menyiapkan projek penyelidikan ini.

Selain itu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya yang banyak memberi nasihat dan membantu saya dari segi sokongan kewangan serta kemudahan yang diperlukan bagi menyiapkan tugas ini. Mereka juga sentiasa memberi sokongan moral agar projek penyelidikan ini dilakukan dengan jayanya.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang memberi kerjasama dan pertolongan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung semasa saya menjalankan penyelidikan ini. Tanpa pertolongan dan bantuan daripada mereka semestinya saya tidak akan dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan baik. Sekian terima kasih diucapkan untuk semua.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI RAJAH	v
SENARAI GAMBAR RAJAH	vi
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Skop Kajian	10
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.7.1 Individu	11
1.7.2 Institusi	13
1.7.3 Masyarakat	14
1.7.4 Negara	15
1.8 Definisi Operasional	18
1.8.1 Filem	18
1.8.2 Teori Humanistik	19
1.8.3 Kepimpinan	19
1.9 Organisasi Bab	21
1.10 Kesimpulan	22
BAB 2: KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	23
2.2 Kajian Mengenai Filem	23
2.3 Kajian Mengenai Teori Humanistik	32
2.4 Kajian Mengenai Kepimpinan	37
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	44
3.2 Reka Bentuk Kajian	45
3.3 Kaedah Kajian	47
3.4 Proses Pengumpulan Data	55
3.5 Kaedah Analisis Data	57
3.5.1 Konseptual	58
3.5.2 Struktural	59
3.6 Instrumen Kajian	61
3.7 Kerangka Kajian	62

3.8 Kesimpulan	63
BAB 4: ANALISIS DAN PERBINCANGAN	
4.1 Pengenalan	64
4.2 Unsur-Unsur Kepimpinan Dalam Filem <i>Sultan Muhammad Al-Fatih</i> Berdasarkan Kitab <i>Tajus Salatin</i> Oleh Bukhari Al-Jauhari	64
4.2.1 Ketaatan	64
4.2.2 Berani	67
4.2.3 Adil	71
4.2.4 Berilmu	74
4.2.5 Bertaqwa	77
4.2.6 Gagah	79
4.2.7 Toleransi	83
4.3 Unsur-Unsur Kepimpinan Yang Ditonjolkan Dalam Filem	87
4.3.1 Physiological Need atau Keperluan Fisiologi	87
4.3.2 Safety atau Keperluan Rasa Aman	91
4.3.3 Belongingness atau Keperluan Sosial	94
4.3.4 Self-esteem atau Keperluan Harga Diri	98
4.3.5 Sel-actualization atau Keperluan Aktualisasi Diri	101
4.4 Menilai Ciri-Ciri Pemimpin Yang Terdapat Dalam Filem <i>Sultan Muhammad Al-Fatih</i> Diaplikasikan Dalam Konteks Kepimpinan Masa Kini	103
4.4.1 Pemimpin Yang Taat	103
4.4.2 Pemimpin Yang Berani	105
4.4.3 Pemimpin Yang Berilmu	109
BAB 5: RUMUSAN	
5.1 Pengenalan	114
5.2 Hasil Perbincangan	114
5.3 Implikasi	117
5.3.1 Masyarakat	117
5.3.2 Individu	118
5.3.3 Negara	118
5.4 Cadangan	119
5.4.1 Peranan Kerajaan Malaysia Memasukkan Unsur-Unsur Kepimpinan Dalam Silibus Pembelajaran	120
5.4.2 Kitab <i>Tajus Salatin</i> Sebagai Panduan Untuk Kegunaan Struktur Pemerintahan	121
5.4.3 Peranan Pengkaji Lain Terhadap Kajian Yang Dijalankan	122
5.5 Kesimpulan	123
RUJUKAN	124

SENARAI RAJAH

HALAMAN


Rajah 1: Reka Bentuk Kajian	45
Rajah 2: Piramid Teori Humanistik Abraham Maslow	48
Rajah 3: Kerangka Kajian	62



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

SENARAI GAMBAR RAJAH**HALAMAN**

Gambar Rajah 1: Tangkapan Layar	66
Gambar Rajah 2: Tangkapan Layar	68
Gambar Rajah 3: Tangkapan Layar	71
Gambar Rajah 4: Tangkapan Layar	71
Gambar Rajah 5: Tangkapan Layar	75
Gambar Rajah 6: Tangkapan Layar	75
Gambar Rajah 7: Tangkapan Layar	77
Gambar Rajah 8: Tangkapan Layar	77
Gambar Rajah 9: Tangkapan Layar	79
Gambar Rajah 10: Tangkapan Layar	80
Gambar Rajah 11: Tangkapan Layar	81
Gambar Rajah 12: Tangkapan Layar	81
Gambar Rajah 13: Tangkapan Layar	82
Gambar Rajah 14: Tangkapan Layar	84
Gambar Rajah 15: Tangkapan Layar	84
Gambar Rajah 16: Tangkapan Layar	88
Gambar Rajah 17: Tangkapan Layar	89
Gambar Rajah 18: Tangkapan Layar	90
Gambar Rajah 19: Tangkapan Layar	92
Gambar Rajah 20: Tangkapan Layar	93
Gambar Rajah 21: Tangkapan Layar	95
Gambar Rajah 22: Tangkapan Layar	95
Gambar Rajah 23: Tangkapan Layar	97
Gambar Rajah 24: Tangkapan Layar	99
Gambar Rajah 25: Tangkapan Layar	100
Gambar Rajah 26: Tangkapan Layar	101
Gambar Rajah 27: Keratan Akhbar <i>News Straits Times</i>	107
Gambar Rajah 28: Keratan Akhbar <i>The Straits Times</i>	111

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRAK

Kajian ini melihat kepimpinan yang perlu ada pada seorang pemimpin dalam menjalankan tanggungjawab menguruskan hal ehwal negara dan kebajikan rakyat. Kajian ini ingin melihat kriteria-kriteria yang perlu ada pada seorang pemimpin dalam menguruskan negara melalui pelbagai aspek. Sedia maklum, semua orang boleh menjadi pemimpin, tetapi adakah seseorang itu mempunyai kriteria-kriteria yang sesuai sebagai seorang pemimpin. Justeru, kajian ini bertujuan melihat unsur-unsur kepimpinan yang terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* berdasarkan kitab *Tajus Salatin* oleh Bukhari Al-Jauhari. Kajian ini juga berlandaskan kepada tiga objektif yang ingin dicapai iaitu mengenalpasti unsur-unsur kepimpinan yang ditonjolkan dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* berdasarkan kitab *Tajus Salatin* oleh Bukhari Al-Jauhari, menganalisis unsur-unsur kepimpinan yang ditonjolkan dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* berdasarkan teori Humanistik dan menilai ciri kepimpinan yang terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* diaplikasikan dalam konteks kepimpinan masa kini. Kajian ini menggunakan kaedah struktural, pemerhatian dan teoritikal bagi mendapatkan penelitian melalui pembacaan kitab *Tajus Salatin* oleh Bukhari Al-Jauhari dan melalui tontonan filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*. Tontonan filem bagi melihat kriteria-kriteria yang ditonjolkan berdasarkan kitab *Tajus Salatin* dan bahan-bahan rujukan akhbar, jurnal, artikel, buku dan tesis kajian lepas. Perkara ini bagi membantu kajian yang dilakukan dalam mendapatkan maklumat mengenai kepimpinan menurut kitab *Tajus Salatin* yang ada terdapat pada filem tersebut. Selain itu, kajian ini menggunakan pendekatan teori Humanistik untuk melihat perkaitan kepimpinan dan kitab *Tajus Salatin* mengenai kriteria-kriteria yang perlu ada pada seorang pemimpin. Oleh itu, hasil daripada kajian ini memperolehi bahawa pemimpin masa kini haruslah mempunyai kriteria-kriteria kepimpinan seperti yang terdapat pada filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*.

Kata kunci: Filem, *Tajus Salatin*, Teori Humanistik, kepimpinan, pemimpin.

ABSTRACT

This study looks at the leadership that a leader needs to have in carrying out the responsibility of managing the affairs of the country and the welfare of the people. This study wants to see the criteria that a leader needs to have in managing the country through various aspects. As you know, everyone can be a leader, but does someone have the right criteria to be a leader. Thus, this study aims to see the elements of leadership found in the film Sultan Muhammad Al-Fatih based on the book *Tajus Salatin* by Bukhari Al-Jauhari. This study is also based on three objectives to be achieved, which are to identify the elements of leadership highlighted in the film Sultan Muhammad Al-Fatih based on the book *Tajus Salatin* by Bukhari Al-Jauhari, analyzing the elements of leadership highlighted in the film Sultan Muhammad Al-Fatih based on Humanistic theory and evaluate the leadership characteristics found in the film Sultan Muhammad Al-Fatih applied in the context of today's leadership. This study uses structural, observational and theoretical methods to obtain research through the reading of the book *Tajus Salatin* by Bukhari Al-Jauhari and through watching the film Sultan Muhammad Al-Fatih. Watch the film to see the criteria highlighted based on *Tajus Salatin*'s book and reference materials from newspapers, journals, articles, books and past research theses. This is to help the research done in obtaining information about leadership according to *Tajus Salatin*'s book which is found in the film. In addition, this study uses a Humanistic theory approach to see the relationship between leadership and *Tajus Salatin*'s book on the criteria a leader must have. Therefore, the results of this study obtained that today's leaders should have the leadership criteria as found in the film sultan Muhammad Al-Fatih.

Keyword: Film, *Tajus Salatin*, Teori Humanistic, leadership, leader.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Kepimpinan merujuk kepada satu sosok pemimpin yang mampu mempengaruhi individu lain dalam satu organisasi. Pemimpin memainkan peranan penting dalam satu organisasi untuk mengarah organisasi tersebut bagi mencapai matlamat yang telah dirancang. Pemimpin juga haruslah mempunyai kemahiran berkomunikasi dan kepribadian yang tinggi selain ilmu pengetahuan yang berkualiti yang ada pada dirinya. Menurut kartono (1994) kepemimpinan yang ada pada seorang pemimpin mempunyai karakter khas khususnya memahami dan mengawal sesuatu situasi. Seterusnya menurut William G. Scott (1962) memberi pendapat bahawa kepemimpinan mampu mempengaruhi sesuatu kelompok dalam melakukan sesuatu kegiatan bagi mencapai tujuan. Begitu juga yang dilakukan dalam kajian ini untuk melihat unsur-unsur kepemimpinan dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*.

Kitab *Tajus Salatin* dihasilkan di Aceh. Isi kandungan yang terdapat dalam kitab *Tajus salatin* adalah bercorakkan ketatanegaraan. Taj dalam bahasa Arab membawa maksud mahkota manakala Salatin berbentuk jamak dari sultan. Jamak membawa maksud banyak yang diertikan dalam bidang linguistik. Dari sini dapat dilihat *Tajus Salatin* diertikan sebagai cerminan raja-raja iaitu mencerminkan adab, moral, kepribadian dan akhlak yang perlu ada pada seorang raja. Kitab ini dikarang oleh Bukhari Al-Jauhari. Kitab ini berteraskan corak pemerintahan dalam Islam yang bersumberkan al-Quran dan Hadis, model yang dijadikan sebagai tunjang utama bagi kitab ini adalah Rasulullah SAW. Kitab ini ditujukan khusus kepada Sultan Alauddin

Riayat Syah. Walaupun begitu, kitab ini bukan sahaja patut dipelajari oleh golongan bangsawan seperti para pembesar dan raja-raja, tetapi orang awam juga turut diperbolehkan untuk mempelajarinya. Isi kandungan dalam kitab *Tajus Salatin* memberi penerangan hubungan manusia dengan Allah serta tauladan yang ditunjukkan oleh raja atau sultan dan para bangsawan pada zaman dahulu. Kitab *Tajus salatin* digunakan untuk melihat unsur-unsur kepimpinan yang didasari dengan kitab ini.

Teori Humanistik merupakan satu aliran psikologi yang memberi penekanan terhadap kepribadian, kegembiraan, pertumbuhan dan sebagainya yang ada dalam diri seseorang. Tujuan aliran ini adalah untuk mengenal dan membantu manusia dalam mempelajari diri supaya lebih kreatif dan mengeluarkan potensi yang ada dalam diri seorang manusia. Aliran Humanistik ini juga telah muncul pada tahun 1950. Terdapat beberapa tokoh yang membincangkan aliran Humanistik seperti Arthur Combs, Abraham Maslow, Carl Rogers dan beberapa pengkaji lain yang mengkaji aliran ini. Teori Humanistik pendekatan Abraham Maslow digunakan bagi melihat hierarki bertingkat untuk melihat potensi yang ada dalam diri seorang pemimpin.

Sultan Muhammad Al-Fatih merupakan sultan yang telah menakluki Kota Rom iaitu Kota Konstaninople. Disebabkan usai peperangan tersebut kota tersebut menjadi pusat pemerintahan Kerajaan Uthmani. Sekarang kota itu diganti nama menjadi Istanbul yang terdapat di negara Turkey. Sultan Muhammad Al-Fatih telah memimpin tentera sebanyak 4 juta lebih untuk menakluki kota tersebut. Peperangan itu melarutan tidak kurang dari 50 hari hingga mampu menguji kesabaran, keberanian, pikiran dan bekal mereka. Peperangan besar itu akhirnya tamat pada tanggal 20 Jumadil Awal 857 hijrah hingga mengakibatkan 265 000 pasukan umat Islam gugur dalam medan pertempuran. Melalui kejadian ini, tidak dapat disangkal lagi kaedah pemimpin Sultan Al-Fatih telah

berjaya menakluki kota itu yang berdiri megah selama 11 abad akhirnya jatuh ke tangan umat Islam. Bukan itu sahaja, hadis Rasulullah merupakan pemangkin semangat mereka sepanjang peperangan bagi menakluki kota konstantinopel.

Sabda Rasulullah S.A.W. ketika menggali parit dalam peperangan Khandaq: “Konstantinopel akan jatuh ke tangan tentera-tentera Islam. Rajanya ada sebaik-baik raja, tenteranya adalah sebaik-baik tentera.”

(Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Tambahan pula, Sultan Muhammad Al-Fatih adalah satu sosok pemimpin yang berjaya dalam menyebarkan ajaran Islam hingga sampai ke Tanah Melayu melalui sektor perdagangan. Justeru dapat dilihat Sultan Muhammad Al-Fatih adalah satu sosok pemimpin yang perlu dicontohi oleh pemimpin masa kini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini dilakukan bagi menganalisis dan pemerhatian terhadap unsur-unsur kepimpinan dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* berdasarkan kitab *Tajus Salatin* dan analisis teori Humanistik. Hasil sorotan kajian lepas mendapati kajian yang dilakukan ini masih belum dikaji oleh pengkaji lain yang berunsurkan ataupun berkonsepkan kepimpinan. Kesusasteraan mempunyai pelbagai aliran, teori dan kitab bagi mengemukakan idea dan pandangan dalam hasil karya yang dilakukan. Kitab *Tajus Salatin* merupakan sebuah kitab yang dijadikan sebagai satu panduan yang ditujukan untuk Sultan Alauddin Riayat Syah. Saban tahun kitab ini dijadikan sebagai satu panduan dalam penghasilan karya yang mempunyai unsur-unsur Islam di dalamnya.

Teori Humanistik adalah menyatakan seorang individu berhak untuk mengenali diri sendiri dalam mempelajari sehingga mampu mencapai satu tingkat iaitu aktualisasi. Teori ini juga mampu mengenal potensi diri seseorang yang telah memahami dan mempelajari yang ada pada dirinya. Kemampuan mengenal hakikat diri, berpotensi menyebabkan individu tersebut mempunyai kelebihan dan kemampuan yang tiada pada orang lain seperti memimpin suatu organisasi. Kajian yang dilakukan ini menggunakan teori Humanistik untuk mempelajari kepimpinan yang ditonjolkan dalam filem Sultan Muhamad Al-Fatih untuk dianalisis dan mengkaji kepimpinan tersebut mampu untuk diaplikasikan kepada individu yang berpotensi sebagai seorang pemimpin pada masa kini.

Rentetan itu, akan diceritakan serba sedikit latar belakang pemimpin Muhammad Al-Fatih penakluk Kota Konstantinopel. Sejak dalam buaian lagi Muhammad Al-Fatih sudah diisyaratkan bakal mencipta sejarah oleh seorang alim iaitu Syekh Syamsuddin Al-Wali. Sultan Muhammad Al-Fatih telah menaiki takhta ketika

berusia 19 tahun. Pada waktu itu, baginda sudah arif dengan tipu helah musuh. Pernah sekali pemerintah Konstantinopel menghantar guru-guru terbaik untuk mengajar Sultan Muhammad Al-Fatih mengenai adab dan adat istiadat kehidupan raja-raja. Namun baginda menolak dengan tegas lalu menyuruh rombongan itu pulang. Tindakan yang dilakukan oleh beliau adalah mengelak perilaku lalai pada dirinya hingga mengabaikan tanggungjawab dan amanah yang diberikan sebagai seorang penguasa di kerajaannya. Kemudian, baginda juga telah membina benteng yang diberi nama Rumeli Hisarri membawa maksud benteng orang-orang Rom. Baginda sendiri membuka baju dan serbannya lalu mengangkat batu dan pasir sehingga menyebabkan ulama-ulama dan menteri-menteri turut ikut serta. Usaha baginda itu tidak sia-sia. Hal ini dikatakan kerana Kota Konstaninople yang paling kukuh di dunia akhirnya tumbang di tangan muslim dengan kepimpinan Sultan Muhammad Al-Fatih.

1.3 Pernyataan Masalah

Perdana Menteri kesepuluh Malaysia iaitu YAB Dato Seri Anwar Ibrahim memperkenalkan konsep Membangun Malaysia Madani pada 19 Januari 2023 bersamaan 26 Jamadilakhir di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Konsep ini dirangka sebagai satu ikhtiar yang berkesan dari segi pentadbiran dan tata kelola. Perkara ini lebih menekankan kepada aspek ekonomi dan budaya berteraskan akhlak dan nilai. Melalui konsep yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri kesepuluh Malaysia telah menyakinkan rakyat bahawa kerangka yang diperkenalkan ini akan memainkan peranan besar terhadap perubahan negara. Kerangka ini juga akan memberikan ruang dan peluang kepada rakyat B40 dalam sektor ekonomi bagi membuka peluang kerjaya yang lebih luas terutamanya untuk golongan B40 dan golongan muda yang menganggur yang saban hari makin mencemaskan.

Konsep Madani juga merupakan satu harapan kepada rakyat untuk melihat kematangan dalam bidang politik agar lebih stabil demi kebaikan negara. Seperti yang diketahui, isu politik yang ada di Malaysia begitu banyak berkaitan dengan isu gejala rasuah, isu kemiskinan dan kemusnahan alam sekitar yang sebahagian antara mereka hanya memandang remeh serta kurang mengambil langkah bagi menangani untuk mengurangkan isu yang disenaraikan. Contohnya dapat dilihat dalam parlimen Malaysia yang sering disiarkan di saluran RTM 1. Perkara dapat memperlihatkan tindakan dan perilaku ahli-ahli parlimen yang saling bantah-membantah dengan menggunakan perkataan celupar yang tidak begitu manis dilihat oleh penonton. Jika ada satu orang ahli parlimen menekankan isu rasuah ataupun memberi pandangan dalam menstabilkan negara, ada diantara ahli parlimen yang membangkang walaupun perkara

yang diusulkan itu untuk kepentingan negara dan kebajikan rakyat. Bahkan antara mereka juga masih memainkan sentimen perkauman dan sentimen agama.

Oleh yang demikian, kajian yang dilakukan ini untuk melihat isu yang dikaitkan dapat menjadi asbab kajian ini dijalankan bagi melihat kepimpinan yang ditonjolkan oleh Perdana Menteri Kesepuluh Malaysia menjayakan konsep Malaysia Madani. Bahkan perkara ini juga dapat dilihat kepada individu yang mempunyai keupayaan dalam memimpin suatu organisasi mempunyai potensi diri yang terdapat dalam teori dan *Tajus Salatin*.

1.4 Persoalan Kajian

1. Apakah unsur-unsur kepimpinan yang ditonjolkan dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* berdasarkan kitab *Tajus Salatin* oleh Bukhari Al-Jauhari.
2. Sejauhmanakah unsur-unsur kepimpinan yang ditonjolkan dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* berdasarkan teori Humanistik.
3. Bagaimanakah ciri-ciri pemimpin yang terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* diaplikasikan dalam kontek kepimpinan masa kini.

1.5 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti unsur-unsur kepimpinan yang ditonjolkan dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* berdasarkan kitab *Tajus Salatin* oleh Bukhari Al-Jauhari.
2. Menganalisis unsur-unsur kepimpinan yang ditonjolkan dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* berdasarkan teori Humanistik.
3. Menilai ciri-ciri pemimpin yang terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* diaplikasikan dalam konteks kepimpinan masa kini.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini berfokuskan kepada filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* untuk melihat unsur-unsur kepimpinan yang ada dalam filem tersebut. Kepimpinan yang ditonjolkan dalam filem tersebut akan diambil lalu diaplikasikan dalam konteks kepimpinan masa kini yang ada pada pemimpin. Kajian ini juga untuk mengenalpasti ciri-ciri kepimpinan yang ada pada Sultan Muhammad Al-Fatih boleh diguna pakai oleh khalayak dalam memimpin sesuatu kumpulan atau organisasi yang ingin mencapai suatu matlamat tertentu. Kajian ini juga menganalisis unsur-unsur kepimpinan yang ditonjolkan dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* berdasarkan kitab *Tajus salatin*. Dalam kitab tersebut pengkaji akan memakai fasal satu, fasal dua dan fasal tiga yang terdapat dalam kitab *Tajus Salatin* oleh Bukhari Al-Jauhari. Selain itu, kajian ini menggunakan teori Humanistik untuk melihat unsur-unsur kepimpinan yang ada pada pemimpin melalui filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*. Teori yang digunakan ini bagi melihat potensi diri yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang dilakukan ini adalah mengenai sebuah filem Turkey, mengisahkan seorang pemimpin Islam yang berjaya menakluki sebuah empayar Rom pada zamannya. Filem tersebut mempamerkan tentang ciri kepimpinan yang ada pada seorang pemimpin berlandaskan al-Quran dan Hadis. Pentingnya kajian ini adalah untuk melihat ciri-ciri kepimpinan yang ditonjolkan dalam filem berdasarkan kitab *Tajus Salatin*. Hal ini kerana kitab ini merupakan sebuah panduan raja-raja dalam memerintah ataupun memimpin sebuah kerajaan atau negara. Kajian ini juga turut memberi kepentingan kepada pengkaji kerana kepimpinan berasaskan al-Quran dan Hadis memberi impak yang positif dalam pelbagai aspek seperti ekonomi, politik dan sosial. Bahkan filem ini juga menunjukkan seorang pemimpin yang ingin mengejar sabda Nabi:

Sabda Rasulullah S.A.W. ketika menggali parit dalam peperangan Khandaq: “Konstantinopel akan jatuh ke tangan tentera-tentera Islam. Rajanya ada sebaik-baik raja, tenteranya adalah sebaik-baik tentera.”

(Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Melalui sabda Rasulullah telah menyebabkan jalan penceritaan filem *Sultan Muhammad AL-Fatih* adalah berdasarkan sejarah sebenar kerajaan Islam ketika itu iaitu penaklukan Kota Konstantinopel yang diceritakan semula dalam sebuah filem.

1.7.1 Individu

Kepentingan kajian kepada individu ialah dapat memberikan pemahaman tentang konsep kepimpinan yang terdapat dalam kitab *Tajus Salatin* terhadap kajian filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*. Penggunaan teori Humanistik dalam kajian ini juga dapat membantu individu untuk memahami karakteristik, nilai kepimpinan, potensi diri dan aktualisasi diri ada pada diri dengan melibatkan

unsur-unsur kepimpinan yang terdapat dalam kajian ini. Selain itu, kajian ini dapat membantu individu dalam mengembangkan keterampilan kepimpinan yang diperlukan bagi memberi arahan dan mempengaruhi orang lain secara efektif iaitu melibatkan pemahaman mengenai teori, strategi dan praktik. Keterampilan individu dalam menonjolkan kepimpinan kepada satu organisasi ataupun pasukan yang diketuai olehnya dapat meningkatkan lagi kebolehan kerja berpasukan dan mengelola organisasi. Kitab *Tajus Salatin* dan teori Humanistik dijadikan satu panduan asas kepada individu bagi memahami lagi konsep kepimpinan berlandaskan ajaran agama Islam.

Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* ini dijadikan sebagai tunjang utama untuk melihat unsur-unsur kepimpinan yang ada pada pemimpin dalam filem tersebut sekaligus menjadikan kajian ini rujukan kepada individu dalam pemahaman konsep kepimpinan. Hal ini demikian kerana pemahaman mengenai kepimpinan dapat membantu individu dalam membuat keputusan dan membentuk keberanian dalam menghadapi kesukaran bagi memahami kerangka dan strategi untuk menyelesaikan masalah, membuat penilaian, menganalisis situasi yang dihadapi dan membuat keputusan yang berkualiti. Kepribadian tokoh utama dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* dapat dijadikan sebagai contoh teladan kepada individu sebagai satu pakej sosok pemimpin yang dikenali oleh seluruh penduduk dunia dan umat Islam dengan pencapaian dan kebijaksanaan beliau untuk menakluk Kota Konstaninople.

1.7.2 Institusi

Kepentingan kajian kepada institusi adalah keberkesanan kerjasama secara organisasi. Hal ini dikatakan demikian kerana mampu meningkatkan kerja yang efektif dan komunikasi baik dengan tunjuk ajar dan arahan yang diberikan oleh ketua ataupun pemimpin suatu organisasi. Pemahaman teori dan kitab *Tajus Salatin* dalam kajian ini akan membantu institusi mengembangkan pemimpin yang mampu memberi arahan strategi, mengurus ahli pasukan ataupun organisasi, mencapai objektif dan moto yang dikehendaki oleh suatu institusi. Institusi dapat menggunakan kajian yang dilakukan dengan mengambil unsur-unsur kepimpinan ada pada Sultan Muhammad Al-Fatih dengan berlandaskan penggunaan teori Humanistik dan kitab *Tajus Salatin* untuk mencari ataupun menyerlah bakat individu bagi memikul tanggungjawab dalam memimpin pasukan ataupun organisasi bagi projek yang dikehendaki oleh institusi berkenaan. Institusi juga haruslah mengeluarkan dana untuk mengajar individu yang mempunyai bakat dalam memimpin organisasi untuk mengembangkan lagi pemahaman dan tugas yang perlu dilakukan ketika diberi tanggungjawab yang sedemikian dengan berlandaskan penggunaan teori dan kitab *Tajus Salatin* untuk mencipta karakteristik seorang pemimpin ataupun ketua pasukan yang bertanggungjawab dan berkebolehan.

Tambahan pula, kerjasama antara pasukan dan organisasi dapat diperkuatkan atas sebab arahan, kerjasama, kebolehan, objektif dan moto yang ingin dicapai oleh ketua pasukan ataupun organisasi. Hal ini dikatakan kerana pemimpin yang mempunyai kebolehan baik dan bertanggungjawab dalam memberi arahan akan membuat pasukan dan organisasi di bawah arahnya

membangun satu hubungan baik dengan ahli pasukan hingga mampu menyelesaikan sebarang masalah, konflik dan tugas diberikan oleh institusi dilakukan dengan kerjasama mantap demi mencapai satu tujuan yang sama. Perkara ini juga akan memberikan kelebihan kepada institusi ataupun syarikat dengan hasil kerja yang dilakukan oleh mereka. Justeru, mempelajari konsep kepimpinan akan membantu institusi dapat memperbaiki cara kerja berpasukan, komunikasi ketua ataupun pemimpin pasukan terhadap ahlinya dan memperbaiki diri atas arahan yang diberikan olehnya iaitu pemimpin ataupun ketua pasukan dengan berlandaskan kitab *Tajus Salatin*, teori Humanistik dan model pemimpin Sultan Muhammad Al-Fatih mengenai unsur-unsur kepimpinan yang perlu ada pada diri seorang pemimpin.

1.7.3 Masyarakat

Kajian ini akan memberi kepentingan kepada masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat boleh menggunakan kajian ini bagi membentuk diri mereka yang baharu terutamanya kepada individu yang mempunyai tanggungjawab dalam memimpin sesebuah organisasi untuk menjadi lebih baik dengan memasukkan ciri-ciri kepimpinan melalui kajian ini. Bahkan kajian ini juga akan dapat mengajar masyarakat untuk menjadi seorang pemimpin yang menjalankan tanggungjawab dengan lebih sistematik dan menimbulkan sifat integriti dalam diri. Kepimpinan yang berkesan dapat mendorong inovasi dan kreativiti dalam masyarakat. Kajian unsur kepimpinan membantu mengenal pasti ciri-ciri pemimpin yang dapat memotivasikan anggota kumpulan untuk berfikir di luar kotak, mencuba pendekatan baru dan menghasilkan idea-idea inovatif. Ini penting untuk menghadapi cabaran dan perubahan dalam dunia

yang sentiasa berubah. Kajian ini juga akan dapat memupuk satu hubungan sosial yang sihat. Hal ini dikatakan kerana membantu masyarakat bahawa betapa pentingnya kemahiran sosial seperti mendengar, berkomunikasi, memberi kerjasama dan menyelesaikan suatu masalah.

Disebabkan perkara itu, memperkukuhkan kemahiran ini dapat membina hubungan yang harmoni dan saling menguntungkan antara pemimpin dan masyarakat. Kajian unsur mengenai kepimpinan memberi peluang kepada masyarakat untuk mengenal pasti bakat kepimpinan dan membentuk pemimpin masa depan dengan melibatkan pemahaman yang mendalam tentang unsur kepimpinan. Hal ini juga menyebabkan masyarakat dapat melaksanakan program-program pembangunan kepimpinan, latihan dan *mentorship* yang sesuai untuk melahirkan pemimpin yang berkualiti di pelbagai bidang seperti politik, perniagaan, pendidikan dan ahli perundangan.

Kajian unsur kepimpinan dalam filem ini juga dapat menginspirasi masyarakat dengan menunjukkan seorang pemimpin yang gigih, berani dan berintegriti dapat membawa perubahan positif dalam masyarakat. Ini dapat memotivasikan individu-individu untuk mengembangkan kemahiran kepimpinan mereka sendiri dan berusaha untuk mencapai matlamat yang tinggi.

1.7.4 Negara

Kepentingan kajian ini ingin melihat ciri kepimpinan yang ditunjukkan dalam filem diaplikasikan dalam konteks kepimpinan masa kini. Kajian ini akan membantu semua pihak yang mempunyai tanggungjawab dalam memimpin kumpulan ataupun kelompok ataupun negara dengan mengambil inti pati yang ada dalam filem tersebut.

Selain itu, pentingnya kajian yang dilakukan ini juga melihat ciri kepemimpinan yang ada pada seorang pemimpin negara menjalankan tanggungjawab seperti yang terdapat dalam filem walaupun tidak sepenuhnya ada ciri-ciri kepemimpinan yang ditonjolkan. Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* memaparkan kisah kepemimpinan yang kuat dan inspirasi dari seorang pemimpin yang berjuang untuk mencapai matlamat yang besar. Filem ini menyajikan cerita kepemimpinan Sultan Muhammad Al-Fatih yang membawa kejayaan besar kepada negara.

Kajian unsur kepemimpinan dalam filem ini dapat memberikan inspirasi kepada pemimpin negara dalam usaha mereka untuk membawa kejayaan dan kemajuan kepada negara dengan melihat contoh kepemimpinan yang kuat dan gigih. Pemimpin negara dapat mengambil motivasi untuk menghadapi cabaran dan mengimplementasikan kebijakan-kebijakan yang berani untuk kepentingan negara.

Kajian unsur kepemimpinan dalam filem ini turut memberikan gambaran tentang strategi kepemimpinan yang digunakan oleh Sultan Muhammad Al-Fatih dalam menakluk Konstantinopel. Kajian unsur kepemimpinan dalam filem ini dapat memberikan pelajaran berharga kepada pemimpin negara mengenai strategi dan taktik kepemimpinan dalam menghadapi tantangan dan mencapai matlamat negara. Pemimpin negara dapat belajar dari pendekatan Sultan Muhammad Al-Fatih dalam menguruskan pasukan, mengambil keputusan yang bijaksana dan memimpin dengan penuh ketegasan.

Tambahan pula, unsur kepemimpinan dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* mampu memberikan gambaran tentang kepemimpinan berdasarkan nilai-

nilai Islam. Kajian unsur kepimpinan dalam filem ini dapat membantu dalam meningkatkan pemahaman pemimpin negara tentang gaya kepimpinan Islam, prinsip-prinsip dan keberkaitannya dalam konteks negara. Pemimpin negara dapat memanfaatkan pelajaran ini untuk mengembangkan pendekatan kepimpinan berlandaskan nilai-nilai Islam yang mempromosikan keadilan, keberanian, dan kebijaksanaan.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.8 DEFINISI OPERASIONAL

1.8.1 Filem

Filem merupakan satu bentuk penceritaan secara visual yang mempunyai pergerakan dan bunyi. Filem juga adalah salah satu tempat dalam menyampaikan mesej tersirat dan tersurat kepada khalayak samada berbentuk fiksyen dan bukan fiksyen yang meliputi pelbagai genre seperti drama, komedi, cerita pendek, aksi dan sebagainya. Filem ini biasanya dapat ditonton di kaca televisyen, panggung wayang, telefon pintar dan platform-platform lain. Selain itu, proses membuat filem mempunyai kru-kru yang melaksanakan bidang tugas yang tersendiri seperti pengarah filem, pelakon, penulis skrip, penyunting, jurugambar dan sebagainya.

Menurut Effendi (1986) filem adalah satu hasil budaya dan seni dalam menyampaikan sesuatu mesej dan gambaran kepada khalayak terhadap perkara yang benar berlaku ataupun imaginasi semata. Perkara ini juga merupakan sebagian satu perubahan teknologi yang dahulunya menggunakan radio sebagai tempat hiburan. Menurut Francis Ford Coppola (1989) pawagam, filem dan magik merupakan satu benda berkait rapat dalam memberikan hiburan. Orang pertama yang membuat satu perubahan ini merupakan seorang ahli silap mata dan berfikiran kreatif.

Pembuatan filem juga ada memasukkan unsur-unsur adaptasi. Menurut Linda Seger (1992) adaptasi merupakan sebuah proses yang melibatkan konversi dan transisi dari medium ke satu medium lain. Dapat difahamkan adaptasi karya sastera kepada filem akan mengubah jalan penceritaan kepada tiga kriteria atau tahap iaitu secara terus, sederhana dan semua. Pembuatan filem

yang melibatkan unsur adaptasi adalah disebabkan permintaan tinggi khalayak dengan menggunakan penghasilan karya-karya terkenal yang melibatkan jalan penceritaan berkaitan sejarah-sejarah suatu kerajaan, tokoh-tokoh terkenal dan sebagainya. Bahkan filem adaptasi ini kebiasaannya mendapat pulangan yang lumayan.

1.8.2 Teori Humanistik

Menurut Rogers (1959), asas hidup manusia adalah dunia pribadi dan subjektifnya sendiri. Malah kebanyakan objektif yang ada pada diri manusia berfungsi sebagai sains, matematik dan seumpama dengannya. Dari sini juga dapat dilihat bagaimana hasil tujuan subjektif dan pilihan subjektif yang dilakukan oleh seseorang manusia.

Selain itu, menurut Maslow (1962), seseorang itu haruslah menjadi individu yang menganalisis diri adalah proses secara berterusan dan bukannya dilakukan untuk destinasi akhir. Apa yang cuba disampaikan Maslow adalah individu itu haruslah melihat keupayaan diri dalam mencoba segala hal agar proses yang dilakukan itu akan berterusan berkembang untuk dirinya dan tidak perlu menanggung segala hal bagi mengembangkan potensi yang ada pada diri sampai ke akhirnya.

1.8.3 Kepimpinan

Kepimpinan secara umumnya melibatkan seseorang yang mempunyai kriteria-kriteria tertentu yang mampu membimbing ahli dalam menjalankan suatu matlamat yang ada motto dan objektif perlu dicapai. Kepimpinan berkonsepkan Islam melibatkan al-Quran dan As-Sunnah sebagai tunjang yang perlu diikuti

oleh umat Islam dalam mengelola sistem pentadbiran sesebuah negara. Bahkan konsep kepimpinan barat dan kepimpinan Islam mempunyai jurang yang begitu besar. Hal ini dikatakan kerana konsep kepimpinan Islam merupakan satu amanat tuhan yang perlu ditunaikan dalam mengurus hal ehwal dunia dan memelihara agama. Manakala konsep kepimpinan barat adalah seseorang individu yang mempunyai pengaruh besar dalam suatu institusi ataupun masyarakat bagi mencapai suatu matlamat tertentu. Konsep kepimpinan barat lebih menjurus kepada urusan duniawi dan manusiawi berbanding dengan konsep kepimpinan Islam.

Perkara ini juga dapat dilihat melalui sejarah pemilihan khalifah selepas kewafatan Rasulullah iaitu sewaktu pelantikan Saidina Abu Bakar R. A setelah beliau dilantik, lalu dalam ucapannya:

“Aku dilantik bukan kerana aku lebih baik daripada kamu. Sokonglah aku sekiranya aku melaksanakan perintah Allah dan jika aku menyeleweng, perbetulkanlah aku”.

Hadis Rasulullah SAW ada juga memerihalkan pemilihan pemimpin iaitu:

“Jika kamu bertiga, maka lantiklah salah seorang daripada kamu menjadi ketua”.

Untuk konsep kepimpinan barat yang diambil dari kata-katanya iaitu:

Menurut Weschler dan Massarik (1961) kepimpinan yang mempunyai kepribadian tertentu dalam memberi arahan melalui komunikasi bagi mencapai suatu tujuan dan matlamat tertentu.

1.9 Organisasi Bab

Dalam kajian ini telah berlaku beberapa pembahagian bagi menjalankan proses penyelidikan berjalan dengan lancar dan lebih sistematik.

Bab 1

Bab satu merangkumi pendahuluan yang dalamnya membincangkan mengenai pengenalan, latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian, definisi operasi, organisasi bab dan rumusan.

Bab 2

Bab dua pula merangkumi kajian literatur hasil daripada sorotan kajian lepas melalui pelbagai sumber yang jelas mengenai kajian yang dikaji. Antaranya, kajian mengenai kepimpinan, kajian mengenai filem, kajian mengenai teori Humanistik dan kajian mengenai kepimpinan.

Bab 3

Bab tiga akan memperihalkan metodologi kajian iaitu kaedah kajian bagi mendapatkan data. Bab ini merangkumi pengenalan, kaedah kajian, reka bentuk kajian, proses pengumpulan data, kaedah analisis data dan rumusan.

Bab 4

Bab empat akan memperihalkan data-data yang didapati oleh pengkaji berdasarkan kepada pengenalan iaitu kepimpinan dalam filem “Sultan

Muhammad Al-Fatih”. Secara khususnya, bab ini akan didasari kitab *Tajus Salatin* dan teori Humanistik.

Bab 5

Bab ini akan mengandungi rumusan daripada hasil perbincangan yang telah dilakukan dalam bab yang keempat. Hasil dapatan kajian turut diletakkan dalam bab ini bagi menjawab segala persoalan yang dibincangkan. Tambahan pula, bab ini turut akan memasukkan cadangan, implikasi dan rumusan.

1.10 Rumusan

Kajian ini merupakan sebuah kajian berkualiti yang menggunakan kitab *Tajus Salatin* dan teori Humanistik yang terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* bagi melihat unsur kepimpinan dalam filem tersebut untuk dikaji dan diaplikasikan terhadap kepimpinan masa kini. Perkara ini dapat dilihat dalam permasalahan kajian yang menimbulkan berbagai persoalan perlu dijawab dan terhasilnya satu objektif bagi mencapai kajian yang dilakukan. Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* diambil sebagai satu bahan kajian bagi mencari dan mencapai objektif dan persoalan yang dilakukan oleh pengkaji. Sedia maklum, penggunaan teori Humanistik dan *Tajus Salatin* telah banyak digunakan oleh pengkaji lain yang akan dibentangkan dalam sorotan kajian lepas. Bahkan filem ini juga diambil sebagai satu bahan kajian yang berkualiti kerana melibatkan sejarah Islam yang mempunyai pemimpin yang berjaya menakluk Kota Konstantinopel. Justeru kajian terhadap filem ini sesuai dilakukan kerana masih belum diambil dan dibuat oleh pengkaji lain terhadap kajian filem mengenai unsur kepimpinan berdasarkan kitab *Tajus Salatin* dan teori Humanistik. Bahkan kajian ini juga dapat memberi manfaat kepada pengkaji akan datang yang ingin mengkaji sebuah filem, teori Humanistik dan *Tajus Salatin* dalam kajian mereka.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kajian ini menggunakan kajian-kajian lepas sebagai satu rujukan. Rujukan dalam sesebuah kajian sudah pasti sering dilakukan oleh ramai pengkaji dalam membuat kajian. Melalui rujukan dari kajian lepas, pengkaji telah mengambil beberapa kajian untuk dijadikan sebagai bahan rujukan.

2.2 Tinjauan Literatur Berkaitan Kepimpinan

Menurut Sakdiah (2016) dalam kajian *Karakteristik Kepemimpinan Dalam Islam Satu Kajian Filosofi Sejarah Mengenai Sifat-Sifat Rasulullah*. Kajian ini membincangkan kepribadian Nabi Muhammad SAW sebagai pemimpin berkualiti bagi seluruh umat Islam dalam menyampaikan ajaran agama Islam. Kajian yang dilakukan menggalakkan seluruh umat Islam di dunia untuk mencontohi beliau dengan kepribadian yang adil, kuat, amanah, bijak dan tegas dalam menjalankan amanah yang disandang. Dalam kajian ini ada menyenaraikan sifat-sifat rasullullah iaitu *amanah, tabligh, shiddiq* dan *fathanah*. Perkara ini juga ada tercatat dalam sejarah bahawa Nabi Muhammad merupakan satu sosok pemimpin yang berperanan tidak memfokuskan kepada satu hal sahaja. Hal ini dikatakan kerana beliau juga mengambil bahagian dalam menjaga politik, ekonomi, ketenteraan dan dakwah. Walaupun, beliau memegang jawatan sebagai pemimpin, beliau tidak pernah mengabaikan isu permasalahan masyarakat pada masa tersebut. Selain itu, beliau juga hebat dalam menjalinkan hubungan dengan berbagai kerajaan, antaranya Rom, Parsi dan

kerajaan-kerajaan lain sewaktu beliau menjalankan tanggungjawab dan amanah sebagai seorang pemimpin. Hasil kajian ini mendapati seseorang yang diberikan amanah dan tanggungjawab sebagai pemimpin haruslah menjalankan dengan adil dan saksama seperti yang ditetapkan syariat Islam. Rasulullah dijadikan sebagai sosok pemimpin yang patut dicontohi oleh pemimpin dunia lain dari segi kepribadian dan tanggungjawab dengan amanah yang diberikan.

Menurut Maryam Syafiqa Mohd Sayuti dan Jamilah Omar (2017) dalam kajian *Nilai Kepimpinan Pembesar Empayar Melayu Melaka Berdasarkan Teks Sulalatus Salatin*. Dalam kajian ini memperihalkan berdasarkan teks sulalatus salatin mengenai nilai-nilai murni kepimpinan terhadap pembesar-pembesar kerajaan Melaka. Terdapat tiga objektif kajian yang dilakukan oleh pengkaji iaitu Mengenalpasti kesan nilai kepimpinan yang terdapat dalam teks Sulalatus Salatin terhadap teks Sejarah Melayu, mengkaji nilai-nilai kepimpinan dalam meningkatkan modal insan daripada proses pembacaan secara kritis terhadap teks Sulalatus Salatin serta peranannya dan menganalisis nilai-nilai yang ada dalam teks Sulalatus Salatin mengenai kepimpinan. Batasan kajian yang dilakukan adalah lebih tertumpu kepada beberapa pembesar dalam teks Sulalatus Salatin mengenai nilai kepimpinan untuk diterapkan pada pemerintahan masa kini. Metode kajian yang digunakan adalah kaedah kepustakaan yang mengambil sepenuhnya data dan maklumat dari buku-buku, artikel-artikel, jurnal dan teks Sulalatus Salatin. Hasil dapatan kajian ini dapat dilihat pada pembesar Melaka dengan ciri kepimpinan ditonjolkan supaya masyarakat tidak memandang rendah terhadap pemerintahan yang dilakukan dan diamalkan oleh pemimpin terdahulu. Hal ini dikatakan kerana menjadi satu perkara penting dalam mentadbir negara dengan baik sehingga menimbulkan

rasa taat setia rakyat kepada pemerintah pada zaman Kerajaan Melaka. Justeru, ciri-ciri kepimpinan dalam kajian ini dapat dijadikan sebagai satu panduan dan iktibar bagi melahirkan masyarakat yang taat setia kepada pemimpin pada arus kemodenan ini.

Muhd Norizam Jamian, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghaddafi Hanafiah dan Yusmilayati Yunos (2017) dalam kajian *Keadilan Teras Kepimpinan Raja Melayu Dari Era Tradisi Ke Kontemporari*. Kajian ini memperihalkan pembicaraan karya tatanegara tradisional terhadap kepimpinan raja-raja Melayu dalam konsep keadilan. Perkara ini menjadikan karya tatanegara tradisional Melayu penting sebagai satu pembentukan dalam melahirkan pemimpin adil dan saksama yang memenuhi tanggungjawab sebagai seorang pemimpin berkualiti mengikut syariat Islam. Kajian ini ada melibatkan beberapa karya tatanegara tradisional Melayu yang telah dihasilkan pada abad ke-15 dan ke-19 iaitu kaya *Bustan Al-Salatin*, *Taj Al-Salatin*, *Kitab Nasihat Raja-Raja* dan *Thamarat Al-Muhimmah*. Karya-karya ini akan dijadikan sebagai panduan bagi menganalisis raja-raja Melayu adil dalam era kontemporari bersumberkan Perlembagaan di Malaysia. Kajian ini juga mengaplikasikan pendekatan adab daripada pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas. Hasil kajian mendapati karya tatanegara Melayu tradisional memainkan peranan dalam melahirkan pemimpin yang adil dan seimbang dari rohani serta jasmani hingga melibatkan ukhrawi dan duniawi. Karya tatanegara tradisional Melayu dapat dijadikan sebagai panduan kepada masyarakat dari segi agama dan sesama manusia. Malahan, prinsip yang digunakan oleh raja-raja Melayu dalam era kontemporari masih diteruskan iaitu prinsip keadilan.

Menurut Ahmad Nabil Amir (2021) dalam kajian *Kepimpinan Wanita Menurut Perspektif Hamka*. Kajian ini membincangkan kepimpinan yang ada pada wanita mengenai urusannya dan satu perbandingan dengan pandangan ulama berhubung dengan syariat dan keabsahan. Metode kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah deskriptif, komparatif dan analitis bagi melihat pandangan Hamka mengenai kepimpinan. Objektif kajian yang dilakukan lebih tertumpu kepada pandangan ulama mengenai kepimpinan wanita dalam konteks yang betul diselaraskan dengan keupayaan, fitrah dan kepribadian wanita itu sendiri. Bahkan pandangan daripada Hamka turut dijadikan sebagai satu objektif sebab mengapa kajian ini dilakukan. Hasil dapatan kajian mendapati prinsip kepimpinan wanita dikaitkan dengan dukungan sejarah dan tradisi Islam disertakan dalil yang kukuh bagi mempertahankan keabsahannya dari sudut positif. Selain itu, kajian yang dilakukan mengambil beberapa sumber daripada majalah, internet, buku dan karya ilmiah bagi mengumpulkan teori untuk disesuaikan dalam kajian ini. Dalam kajian yang dilakukan, pengkaji telah membahaskan asas kepimpinan wanita Islam dari sudut pandangan Hamka iaitu beliau telah menyenaraikan beberapa kriteria mengenai status dan hak wanita sebagai pemimpin. Hal ini dikatakan kerana untuk mengangkat martabat mereka dengan tanggungjawab yang sama sebagai seorang pemimpin. Hasilnya, mampu mengangkat martabat umat dan meninggikan kedudukan mereka ketika melibatkan diri dalam pemerintahan.

Menurut Nur Ikhsan Kholil (2022) dalam kajian *Nilai Kepimpinan Dalam Kisah al-Quran iaitu Satu Kajian atas Kisah Thalut dalam Surah Al-Baqarah ayat 246-252*. Kajian ini membincangkan isu-isu yang pernah terjadi

pada masa kini. Umumnya, pemimpin sesebuah negara pada saat ini tidak menjalankan tanggungjawab kepada negara dan rakyat. Kajian yang dilakukan menggunakan metode kualitatif iaitu menggunakan kaedah kepustakaan dalam mencari penelitian mengani data-data yang berhubung dengan masalah yang dibincangkan tadi. Pengkaji yang melakukan kajian ini mengambil kisah yang terdapat dalam al-Quran surah Al-Baqarah ayat 246-252 iaitu kisah Thalut. Dalam kisah ini pengkaji mendapati terdapat beberapa nilai kepemimpinan iaitu kecerdasan berfikir dan intelek. Dapatan kajian mendapati Thalut mendapat anugerah Allah SWT iaitu pengetahuan ilmu yang luas sehingga menyebabkan darjat beliau diangkat sebagai pemimpin yang mampu menyusun strategi perang hingga membawa kemenangan untuk pasukannya. Bahkan, kepemimpinan yang ada pada Thalut bukan sahaja kepada kesihatan fizikal sahaja malahan keberanian, keikhlasan dan rohani yang mendekatkan diri kepada Allah SWT. Aspek-aspek tersebut memberi sifat dan pengaruh yang positif yang perlu ada pada seorang pemimpin. Justeru, nilai kepemimpinan dalam kisah Thalut dijadikan sebagai satu panduan yang boleh dicontohi buat pemimpin masa kini terutamanya pemimpin negara-negara Islam.

Menurut Saravanan (2019) dalam kajian *Kepemimpinan Dalam Novel Perang Sangkil iaitu Satu Bacaan Pendekatan Pengurusan*. Kajian ini membincangkan penggunaan pendekatan pengurusan dalam Novel Perang Sangkil untuk melihat sejauh mana pendekatan ini digunakan melalui berbagai aspek iaitu watak dan perwatakan yang terdapat dalam novel. Hal ini dikatakan kerana kajian ini lebih memfokuskan kepada watak utama dalam novel yang bernama Dirik dalam konteks kepemimpinan Umumnya, Pendekatan Pengurusan merupakan satu kaedah baru digunakan dalam karya-karya sastera terutamanya

dalam bidang akademik dan kritik. Metode kajian yang digunakan adalah analisis teks bertumpukan kepada tiga peristiwa yang dipilih oleh pengkaji. Hal ini dikatakan kerana peristiwa-peristiwa dipilih adalah untuk melihat ciri-ciri pemimpin yang ada terdapat dalam Novel Perang Sangkil. Dapatan kajian mendapati watak Dirik berpandangan jauh dan bijak dalam pengurusan. Bahkan keupayaan dan kemampuan yang ditunjukkan oleh watak Dirik dalam mempengaruhi dan bertanggungjawab terhadap masyarakat telah menepati ciri-ciri seorang pemimpin yang berwibawa. Justeru, kajian yang dilakukan memberikan kesan positif seperti berani mengharungi berbagai rintangan demi menjaga kebajikan masyarakat.

Menurut Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah Muhamad Affendi (2018) dalam kajian *Karisma Pemimpin Wanita dalam Novel Nenek Karya Razali Ednun*. Kajian ini membincangkan kepada perbezaan pendapat dari sudut positif dan negatif. Hal ini dikatakan kerana tidak semua pengarang-pengarang lelaki memberikan sudut pandangan negatif terhadap wanita. Disebabkan itu, pengkaji membuat kajian ini bagi memperoleh maklumat mengenai wanita dalam Novel Nenek. Metode kajian yang digunakan adalah kaedah analisis teks untuk melihat watak dan perwatakan wanita dalam novel tersebut. Penggunaan teori psikoanalisis telah digunakan dalam kajian untuk mengukuhkan lagi hasil dapatan kajian. Hasil dapatan kajian mendapati watak dan perwatakan wanita yang ada pada novel Nenek adalah karisma sebagai cinta akan budaya, karisma sebagai pemimpin wanita, karisma sebagai tanggungjawab seorang wanita dan karisma sebagai intelektual dan berfikir seorang wanita. Tuntasnya, karisma yang ada pada seseorang memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian dalam menentukan dan membezakan mana perkara baik dan tidak baik dalam

memberikan impak positif kepada individu, masyarakat dan negara terutamanya pemimpin yang bertanggungjawab.

Menurut Amirul Mohd Yusof dan Norazimah Zakaria (2021) dalam kajian *Ciri Kepimpinan Dan Kesannya Dalam Tuhfat Al-Nafis Karya Raja Ali Haji*. Kajian ini membincangkan karya Ali Haji iaitu *Tuhfat Al-Nafis* sebuah karya sastera sejarah Melayu. Sedia maklum, karya ini memberi gambaran sejarah sistem pemerintahan beraja dan feudal dari segi kepimpinan yang menjadi teras peranan raja dengan ciri-ciri kepimpinan dalam menentukan masa depan negara. Disebabkan perkara yang sedemikian, kajian ini akan memperjelaskan ciri-ciri kepimpinan dalam karya Ali Haji iaitu *Tuhfat Al-Nafis*. Metode kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif tekstual bagi mendapatkan sebarang data atau maklumat dalam karya Ali Haji berkaitan kepimpinan. Hasil dapatan dalam kajian dilakukan mendapati ciri-ciri kepimpinan yang mengikut ajaran Islam seperti kuat, akhlak mulia dan bersikap musyawarah. Melalui hasil dapatan kajian ini, dapat disimpulkan pemimpin yang berlandaskan ajaran Islam akan menyebabkan sesebuah negara itu berada dalam keadaan makmur dan aman. Perkara ini dapat dilihat dengan pemimpin-pemimpin Islam terdahulu yang menjadikan tunjang agama Islam dalam sistem pemerintahan mereka. Hasilnya, negara tersebut akan mampu mendidik rakyat untuk mempelajari dan mendalami ilmu pemerintahan bercorakan Islam bagi memberi pelajaran dan pengajaran terhadap peristiwa-peristiwa yang pernah dihadapi oleh pemerintah sebelumnya bagi generasi akan datang.

Menurut A. Halim Ali dan Abdul Malik (2021) dalam kajian *Ciri-ciri Bijaksana Bendahara Tun Perak Dalam Pembentukan Model Kepimpinan*

Berintegriti. Kajian ini membincangkan kebijaksanaan Tun Perak dalam ciri-ciri kepimpinannya. Kaedah kajian yang digunakan adalah bersifat kepustakaan dengan melibatkan kaedah analisis teks dan analisis deskriptif. *Sulalatus Salatin* dan teks *Tun Perak Pencetus Wawasan Empayar Melaka* dijadikan sebagai satu sumber utama dalam kajian yang dilakukan. Konteks bijaksana yang ada pada diri manusia seperti arif, pandai, akal budi dan hati-hati merupakan satu aspek utama dalam analisis kajian. Hal ini dikatakan kerana perkara tersebut telah membentuk satu jajaran yang membawa maksud kepada integriti. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat tiga sifat utama bijaksana yang ada pada Tun Perak iaitu sikap berwaspada, pandai dan berakal budi. Kepandaian Tun Perak dapat dilihat dengan mentadbir, memberi nasihat kepada sultan, membuat strategi perang dan memberikan idea dalam memajukan sektor perdagangan. Kebijaksanaan Tun Perak dapat dikesan dengan melihat ciri-ciri kepimpinan yang ditonjolkan dapat menjadi contoh kepada masyarakat dan negara untuk menjadi seorang pemimpin yang berintegriti.

Menurut Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2019) dalam kajian *Interaksi Sosioekonomi Dalam Cerita Rakyat Kilatan Emas Mencetus Revolusi Kepimpinan Terhadap Kanak-Kanak Dan Remaja*. Kajian ini membincangkan cerita rakyat telah mencetuskan beberapa idea terhadap penglipur lara masa dulu bagi memberikan satu didikan akhlak kepada masyarakat melalui komunikasi dalam bentuk lisan. Kaedah penyampaian yang dilakukan telah membentuk masyarakat satu akhlak mulia daripada jalan penceritaan cerita rakyat terkandung pengajaran dan iktibar. Disebabkan perkara sedemikian, para sarjana kurang mendedahkan interaksi sosioekonomi dalam kajian mereka. Kaedah kajian yang digunakan berbentuk

kaedah kualitatif. Hal ini dikatakan kerana melibatkan kepustakaan dan kajian lapangan bagi mendapatkan maklumat dalam menghasilkan kajian berilmiah. Karya *Kilatan Emas* adalah satu cerita rakyat yang diambil untuk menjalankan kajian ini. Objektif kajian yang dilakukan adalah untuk menganalisis dan mengenalpasti cerita rakyat terhadap interaksi sosioekonomi berdasarkan satu pendekatan teori pengkaedahan Melayu. Hasil dapatan kajian mendapati sikap kepimpinan yang ditonjolkan terhadap remaja dan kanak-kanak daripada interaksi sosioekonomi cerita rakyat *Kilatan Emas*, turut mengekalkan tradisi masyarakat Melayu dari segi kebudayaannya. Justeru, kajian yang dilakukan ini telah memberikan satu impak positif kepada pengkaji lain untuk mengkaji konsep kepimpinan bukan sahaja melibatkan cerita rakyat semata. malahan , turut melibatkan karya-karya lain dan perfileman samada dalam dan luar negara. Walaupun berlandaskan dengan penggunaan teori yang berbeza.

2.3 Tinjauan Literatur Berkaitan Filem

Rujukan pertama bertajuk *Pencitraan Polemik Ekonomi Orang Melayu Dalam Filem Abang*. Menurut Siri Normala Hamzah (2021) dalam kajiannya, filem yang dicipta selepas sepuluh tahun merupakan satu kritikan sosial Rahim Razali terhadap masyarakat Melayu pada era 80-an. Filem itu membincangkan mengenai transformasi ekonomi yang tidak berkesan dengan meletakkan watak-watak orang kampung menggunakan aliran realisme.

Menurut Salasilah Hanin et al. (2014) dalam kajiannya iaitu *Filem dan Gaya Kepimpinan Keluarga Melayu, Analisis Perspektif Islam* yang menerangkan filem berperanan memberikan gambaran mengenai cara hidup sesebuah keluarga yang ada dalam masyarakat. Filem-filem berkaitan kekeluargaan yang ada di Malaysia ada memasukkan elemen positif dan negatif. Elemen positif yang ditonjolkan dalam filem seperti tolong menolong, bekerjasama dan sebagainya manakala elemen negatif pula yang ditonjolkan dalam filem adalah mengumpat, dendam dan elemen negatif yang lain. Kajian yang dilakukan ini juga berfokuskan kepada ciri dan gaya kepimpinan berdasarkan perspektif Islam.

Menurut Azimah dan Rosmawati (2016) dalam kajian berkaitan *Tahap Penontonan Filem Genre Dakwah Dalam Kalangan Audien di Malaysia*. Perfileman genre dakwah memberi nilai dan pengajaran kepada penonton terutamanya bab agama. Namun kebanyakan karya filem masa kini kurang memasukkan elemen-elemen dakwah serta berlaku pengurangan terhadap perkembangan dakwah. Dalam kajian yang dilakukan ini juga untuk melihat tahap audien penonton mengenai filem dakwah yang ada di Malaysia.

Menurut Mohd Helmi dan Jamaluddin Aziz (2018) dalam kajian *Pemeriksaan Watak wanita dalam Filem Berunsurkan Islam iaitu Ketika Cinta Bertasbih*. Kajian yang dilakukan memerihalkan penindasan watak yang terdapat dalam filem Ketika Cinta Bertasbih untuk melihat tingkah laku atau perbuatan yang ditonjolkan oleh watak tersebut. Kajian ini juga menggunakan teori Feminisme dalam mengkritik dan menggunakan teori ilmu sosial profetik seperti shot penggunaan kamera dan dialog yang terdapat dalam filem. Bahkan, penggunaan konsep seperti libersasi dan humanisme bagi membahas kelakuan pada watak-watak wanita dalam filem iaitu penindasan dan pemeriksaan. Pemeriksaan yang didapati dalam kajian ini ialah pemeriksaan dalam konsep Islam dan pemeriksaan femanisme. Secara keseluruhannya, kajian ini memberi satu kefahaman mengenai filem Islam dengan memaparkan watak wanita yang ada dalam filem ketika Cinta Bertasbih yang melibatkan gabungan teori bagi menganalisis dalam bentuk dimensi baharu perfileman konsep Islamik.

Menurut Fauzlah Hassan dan Sofia Hayati (2018) dalam kajian *Membangun Tema Filem Berunsur Islam iaitu Filem Bisik Pada Langit*. Kajian ini membincangkan filem yang mendapat persepsi buruk dari masyarakat Islam dan imej Islam itu sendiri. Disebabkan perkara yang sedemikian, kajian ini dilakukan untuk melihat dan menganalisis filem yang bukan berkonsepkan Islam boleh menggambarkan ajaran Islam. Filem Bisik Pada Langit (BPL) dijadikan sebagai sampel kajian ini. Kaedah kajian yang digunakan bersifat kuantitatif bagi melihat kekerapan kebaikan yang berunsurkan Islam. Hasil daripada kaedah tersebut menunjukkan ajaran Islam yang terdapat dalam BPL seperti solat, menghormati kedua ibu bapa, membaca al-Quran, menjaga aurat dan sebagainya. Dapat disimpulkan fail bukan Islam turut memainkan peranan

dalam menyampaikan mesej-mesej berkaitan Islam untuk kebaikan dan kepentingan masyarakat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Kajian ini membuktikan ada keterkaitan atau korelasi antara filem bukan Islam dan ajaran Islam dalam filem BPL.

Rosmawati Mohamad Rasit (2016) dalam kajian *Analisis Elemen Patuh Syariah Dalam Filem Nur Kasih*. Kajian memperihalkan mengenai filem genre dakwah haruslah mempunyai konsep Islam seperti syariat, akidah, ibadah dan akhlak. Kajian yang dilakukan ini ingin melihat sejauhmanakah hasil filem Islamik dalam menyampaikan konteks dakwah. Justeru, filem Nur Kasih dijadikan sebagai tunjang kajian ini dijalankan. Hasilnya, filem ini mempunyai elemen-elemen bertepatan dengan konsep Islam walaupun tidak secara keseluruhan berdasarkan teori Ar-Risalah.

Menurut Mohd Syamir Alias (2020) dalam kajian *Keselarian antara Filem Inception dengan Pemikiran Imam Al-Ghazali*. Kajian yang dilakukan ini menerangkan kesedaran mimpi yang terdapat dalam filem dibincangkan oleh para falsafah barat. Hal ini kerana perbincangan mengenai mimpi begitu lama dikaji dan menjadi perbincangan. Justeru, kajian mengenai filem yang diceritakan mengenai mimpi dibincangkan dalam konteks Islam berdasarkan pemikiran Imam Ghazali. Justeru, hasil kajian mendapati kerelevanan filem mimpi yang dikaji mempunyai unsur-unsur kefalsafahan dari aspek epistemologi dan ontologi.

Hasrul Hashim, Jamaluddin dan Faridah Ibrahim (2014) dalam kajian *Persepsi Penggunaan CGI Aspek Estetik dan Kreativiti*. Kajian ini memperihalkan revolusi dalam pembikinan filem serta memberikan satu

dinamik mengenai kualiti dan potensi filem tempatan. Kajian ini juga melakukan satu perbincangan aspek penggunaan teknologi mampu memberikan impak yang positif dalam membuat filem yang berkualiti. Hasil kajian ini mendapati satu pandangan yang berbeza terhadap nilai estetik dalam filem sebelum dan selepas kemunculan teknologi CGI.

Abdull Yusof et al. (2010) dalam kajian *Konsep Feminisme dalam Filem Ketika Cinta Bertasbih*. Kajian ini memfokuskan kepada unsur feminisme yang terdapat dalam filem Islam disertakan dengan kupasan utama dalam filem tersebut. Antara perkara yang akan diulaskan dalam kajian adalah respon sarjana Islam mengenai konsep feminisme, pengenalan konsep feminisme yang tersebar dalam masyarakat, keistimewaan filem kajian, analisis terhadap tema dalam filem Ketika Cinta Bertasbih berkonsepkan feminisme dan kesimpulan. Filem yang dikaji mengandungi elemen sastera bagi menyampaikan suatu mesej tertentu. Penggunaan elemen sastera dalam filem ini akan membantu para pengkaji lain terhadap filem berkonsepkan Islam dalam kajian akademik. Hasilnya, filem Islamik akan menunjukkan keindahan Islam di mata masyarakat yang saling melengkapi dalam menyelesaikan pelbagai isu seperti ekonomi, politik dan sosial.

Muahaimin Zainal dan Rosmawati Mohamad (2016) dalam *kajian Analisis Mesej dalam Filem Munafik*. Penyampaian dakwah masa kini telah mula berkembang dalam kalangan masyarakat mengikut arus kemodenan teknologi. Kajian yang dilakukan merupakan dalam bentuk kajian analisis yang terdapat mesej-mesej dakwah berlandaskan al-Quran dan As-Sunnah dalam filem munafik. Penelitian secara menyeluruh terhadap watak, perwatakan dan plot

dengan kaedah kualitatif. Hasil keseluruhan kajian ini mendapati terdapat enam mesej dakwah yang disampaikan dalam filem tersebut. Bahkan kajian ini juga mendapati filem munafik tidak sesuai dengan ajaran Islam sebenarnya walaupun mempunyai mesej yang cuba disampaikan kepada masyarakat.



2.4 Tinjauan Literatur Berkaitan Teori Humanistik

Menurut Lony Felianda (2022) dalam kajian *Novel Sepotong Senja Untuk Pacarku menggunakan teori Humanistik* dapat dirumuskan melalui hasil penelitian yang menunjukkan kebutuhan bertingkat. Di mana, melibatkan fisiologi, harga diri dan aktualisasi diri. Perkara ini berkait rapat dengan realiti psikologi manusia. Kajian yang dilakukan ini juga mempunyai hierarki terhadap tingkat kebutuhan manusia. Antaranya, kebutuhan kasih sayang, kebutuhan harga diri, kebutuhan aktualisasi dan kebutuhan psikologi. Senarai hierarki ini menunjukkan seseorang itu haruslah melalui proses yang sedemikian bagi mencapai tahap potensi diri yang tertinggi.

Kajian oleh Erna Nur Utami (2020) dalam kajian *Implikasi Teori Belajar Humanistik Dalam Pembelajaran Agama Islam*, menjelaskan kebanyakan pelajar tidak memahami tujuan mereka dalam proses menuntut ilmu. Di mana, mereka hanya bersaing dengan menghafal buku-buku, tajuk dan melakukan latihan semata untuk menghadapi peperiksaan dalam mendapatkan gred yang lebih baik tanpa memahami hasil pembelajaran yang mereka lakukan. justeru, penggunaan teori Humanistik dalam kajian ini bagi melihat dan melakukan perubahan kepada pelajar untuk melakukan satu perubahan terhadap diri mereka dengan perubahan persekitaran sekeliling. Hasilnya, membantu pendidik terutamanya dalam pendidikan agama Islam untuk mengubah sistem mengajar dengan menggunakan bahan-bahan pembelajaran dengan pengalaman sebenar untuk menjadikan sistem pembelajaran tersebut lebih aktif, kreatif dan menyeronokkan.

Menurut Sulaiman dan Neviyarni (2021) dalam kajian *Psikologis Humanistik Implikasinya dalam Proses Belajar dan Pembelajaran*. Kajian ini membincangkan sistem pendidikan haruslah memerhati dalam semua aspek kemampuan intelek individu, motivasi dan sebagainya. Bahkan, kajian ini berpendapat psikologi Humanistik amat relevan dalam dunia pendidikan terutamanya pembelajaran pelbagai subjek. Hal ini dikatakan kerana bagi melihat psikologi diri seorang pelajar dalam daya berfikir, emosi dan tingkah laku. Hasil kajian mendapati penggunaan psikologi Humanistik merangkumi pelbagai aspek khususnya dalam dunia pendidikan yang membantu murid dalam mempelajari hakikat diri ke tahap yang lebih tinggi untuk kebolehan sendiri yang ada pada mereka. Justeru, pembelajaran subjek yang ada di peringkat rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi merupakan satu proses dalam membentuk jati diri pelajar hingga mampu mentadbir sesebuah organisasi mahupun pemimpin demi masa depan negara.

Menurut Muhammad Yusuf (2019) dalam kajian *Pengembangan Pembelajaran Bahasa Arab Berdasarkan Humanistik di Madrasah Ibtidaiyah*. Kajian ini memperihalkan satu fenomena berlaku di Madrasah yang tidak memperhatikan potensi diri dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana proses pembelajaran lebih tertumpu kepada bahasa Arab dengan melebihkan aspek kognitif. Disebabkan perkara itulah kajian ini dilakukan dengan penggunaan teori Humanistik dalam kalangan pelajar di madrasah bagi menonjolkan potensi diri mereka seperti potensi bersosial berkumpul dalam menyelesaikan masalah dan spiritual melibatkan keagamaan. Hasil kajian mendapati bahawa pembelajaran bahasa Arab merupakan bantuan untuk para pelajar bagi kajian lapangan mengenai ilmu dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Kajian

yang dilakukan menegaskan proses pembelajaran di madrasah haruslah mempunyai unsur problematik bersifat ilahiyah dan insaniyah. Selain itu, guru madrasah juga disebut dalam kajian untuk membentuk potensi diri mereka berdasarkan teori Humanistik seperti berprofesional, kematangan sosial seorang guru dan pelajar dan kepribadian yang perlu ditonjolkan sebagai seorang guru. Justeru, bahasa Arab memainkan peranan sebagai alat pembangunan peradaban yang direalisasikan.

Menurut Rahmawati (2018) dalam kajian *Kebutuhan Bertingkat Tokoh Utama dalam Novel Vegetarian Karya Hang Tuah berdasarkan teori psikologi Humanistik*. Kajian ini membincangkan kebutuhan manusia berbentuk hierarki yang terdapat dalam diri tokoh karya sastera. Penelitian yang dilakukan, bagi mengetahui kebutuhan bertingkat tokoh utama dalam novel yang dikaji meliputi berbagai aspek seperti kebutuhan cinta, kebutuhan psikologi, kebutuhan rasa tenteram, kebutuhan harga diri dan kebutuhan aktualisasi diri. Hasil kajian ini mendapati tokoh utama dalam novel *Vegetarian* memenuhi aspek-aspek kebutuhan diri yang didasari teori Abraham Maslow untuk melihat kecenderungan tokoh dalam mencapai tujuan kehidupan. Kaedah penelitian untuk mengumpul data adalah menggunakan kaedah deskriptif dan teknik dokumentatif.

Menurut silviandari dan Redyanti Noor (2023) dalam *kajian Kepribadian Tokoh Meirose dalam Filem Surga Yang Tak Dirindukan berdasarkan teori Humanistik*. Kajian ini membincangkan tokoh Meirose dalam filem yang dikaji menunjukkan tingkah laku dan perubahan pribadi secara drastik. Hal ini dikatakan kerana awal penceritaan, tokoh meirose menunjukkan

kepribadian yang begitu rendah seperti mudah putus asa, pendendam dan murung. Perkara ini terjadi disebabkan tokoh tersebut tidak mendapat kebutuhan psikologi diri iaitu kebutuhan rasa cinta, kebutuhan rasa tenteram atau aman, kebutuhan aktualisasi dan kebutuhan harga diri hinggalah kebutuhan pribadi tokoh dipenuhi atas sebab berkahwin dengan tokoh wanita iaitu Prasetya. Hasil kajian mendapati perbuatan tokoh lelaki mengahwini tokoh wanita telah menyebabkan kebutuhan kepribadian tokoh Meisos dipenuhi walaupun tidak sempurna iaitu mempunyai kepribadian yang sabar, kepribadian harga diri yang kuat dan kepribadian dalam agama.

Menurut Gaby Rostanawa (2018) dalam kajian *Kebutuhan Tokoh Utama dalam Novel Pulang dan Laut Bercerita berdasarkan teori Humanistik*. Kajian ini memperihalkan satu penelitian mengenai kebutuhan watak dalam karya untuk melihat dan menyenaraikan kebutuhan yang ada terdapat dalam teori Humanistik. Data dalam kajian ini diambil melalui dialog, frasa dan kalimat. Hasil kajian ini mendapati watak dalam novel Pulang dan Laut bercerita mempunyai kebutuhan yang terdapat dalam teori Humanistik dalam berbagai bentuk seperti kebutuhan harga diri, kebutuhan rasa cinta, kebutuhan aktualisasi diri dan sebagainya.

Menurut Dirck Julian Abraham Samallo (2012) dalam kajian *Motif Pelaku Kejahatan Dalam Moeru Dari Karya Higashino Keigo Yang Berjudul Tantei Galileo*. Kajian ini membincangkan motif pelaku pembunuhan dalam karya Higashino Keigo dengan menggunakan pendekatan teori Psikologi Humanistik yang diasaskan oleh Abraham Maslow dalam konteks Hierarki Teori Terhadap Kebutuhan Dasar. Disebabkan perkara itu, pengkaji melakukan

kajian ini bagi meneliti pelaku kejahatan yang terdapat dalam karya *Tantei Galileo* sebab mengapa seseorang individu mendorong dirinya melakukan kejahatan. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kepustakaan dan deskriptif analisis. Hasil dapatan kajian mendapati perilaku pelaku yang terdapat dalam karya *Tantei Galileo* terdapat beberapa kebutuhan dasar yang tidak dipenuhi. Hal ini dikatakan kerana kebutuhan dasar yang tidak dipenuhi mungkin sahaja disebabkan orang lain hingga mendorong pelaku melakukan kejahatan. Disebabkan perkara itu, kajian ini mendapati terdapat dua kebutuhan dasar yang tidak dipenuhi iaitu kebutuhan rasa cinta dan kebutuhan rasa aman. Dua kebutuhan tersebut sudah pasti diperlukan dalam diri seseorang bagi mendapatkan kekuatan dirinya untuk meneruskan kehidupan. Mungkin sahaja punca utama kebutuhan itu datang daripada keluarga kita, kasih sayang pasangan dan agama. Justeru, kedua-dua kebutuhan itu telah mengalami satu gangguan hingga membuatkan pelaku dalam karya *Tantei Galileo* berani untuk melakukan pembunuhan.

Menurut Rafli Ardiansyah Lukman (2019) dalam kajian *Kondisi Hierarki Bertingkat Pada Tiga Tokoh Dalam Novel Bulan Di Langit Athena Karya Zhaenal Fanani Berdasarkan Pendekatan Teori Kepribadian Humanistik*. Kajian ini membincangkan berlakunya gangguan psikologi terhadap tiga tokoh ataupun watak yang terdapat dalam novel *Bulan Di Langit Athena* iaitu Queen, Tiwi dan Ebi. kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kajian tekstual bagi mendapat data-data mengenai gangguan psikologi yang ada pada ketiga-tiga tokoh. Teori Humanistik merupakan satu dasar mengapa kajian ini dijalankan untuk melihat perubahan dan kepribadian diri yang ada pada seseorang. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat beberapa kebutuhan diri

yang ada pada ketiga-tiga tokoh ataupun watak yang ada dalam novel *Bulan Di Langit Athena* iaitu kebutuhan rasa cinta, kebutuhan aktualisasi diri seperti kepuasan pada diri, kebutuhan rasa dihargai, kebutuhan fisiologi dan kebutuhan rasa aman. Kelima-lima kebutuhan ini memainkan peranan penting terhadap ketiga-tiga tokoh ataupun watak dalam novel bagi mencapai potensi diri yang sepenuhnya. Analisis data akan dijalankan menggunakan hierarki bertingkat teori Humanistik yang diasaskan oleh Abraham Maslow dengan kebutuhan-kebutuhan ada pada tokoh ataupun watak dalam novel *Bulan Di Langit Athena*. Justeru, kajian yang dijalankan ini akan menilai setiap satu daripada ketiga tokoh ataupun watak terhadap kebutuhan yang disenaraikan bagi melihat kerelevanan dalam meningkatkan potensi diri watak. Bahkan kajian yang dijalankan akan membantu pengkaji lain untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai kebutuhan-kebutuhan yang ada tersenarai dalam teori Humanistik bagi memudahkan pengkaji lain menjalankan kajian mereka dengan berlandaskan teori Humanistik.

Menurut Nur Amalia dan Sinta Yulianingsih (2020) dalam kajian *Psikologis Humanistik Abraham Maslow Pada Tokoh Utama Dalam Novel Surat Dahlan Karya Khrisna Pabichara*. Kajian ini membincangkan sebuah kajian psikologi teori Humanistik yang diasaskan oleh Abraham Maslow terhadap tokoh utama dalam novel *Surat Dahlan*. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk dijadikan sebagai satu alternatif dalam sumber pembelajaran sastera. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif deskriptif untuk menilai dan meneliti kepribadian yang ada pada tokoh utama novel. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat beberapa kebutuhan yang ada pada tokoh utama iaitu kebutuhan rasa cinta, kebutuhan rasa aman, kebutuhan harga diri

dan kebutuhan aktualisasi diri. Kebutuhan-kebutuhan yang disenaraikan menunjukkan kepribadian yang ditonjolkan oleh watak utama novel iaitu Dahlan dalam menyelesaikan masalah dan sikap sosial kepada orang lain. Kajian ini lebih memfokuskan kepada psikologi Humanistik dalam bentuk hierarki kebutuhan yang perlu ada pada diri seseorang. Justeru, kajian yang dijalankan ini memberikan satu pengetahuan dan pemahaman yang lebih mendalam mengenai kebutuhan pada diri seseorang dalam konteks hierarki psikologi teori Humanistik. Tambahan pula, kebutuhan-kebutuhan yang disenaraikan amat membantu pengkaji lain dengan penggunaan teori yang sama tetapi tajuk kajian berbeza.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan


Metodologi kajian berasal dari perkataan Yunani iaitu “metodos” yang mempunyai dua suku kata “metha” dan “hodos”. “Metha” membawa maksud melewati manakala “hodos” membawa maksud jalan. Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, metodologi merupakan satu cabang mencari jalan penyelesaian yang mempunyai peraturan dan ilmu dalam menjalankan suatu penyelidikan bagi mencapai objektif. Menurut Bakker (1984) metodologi adalah satu cara dalam mendapatkan dapatan kajian bagi mendapatkan suatu data dalam bidang masing-masing dengan penggunaan kaedah yang lebih sistematik. Dalam kajian ini, terdapat dua pendekatan utama yang digunakan bagi mencapai objektif iaitu kaedah kualitatif.

Menurut Rohana Yusof (2003), kaedah kualitatif lebih menekankan kepada pengalaman individu yang subjektif. Kaedah ini juga mencari dan mengumpul data melalui teks dan imej, memiliki cara analisis yang unik dalam pengumpulan data dan kepelbagaian reka bentuk. Dalam kajian ini juga terdapat dua sumber dalam kaedah kualitatif iaitu sumber sekunder dan sumber primer. Sumber sekunder melibatkan bahan-bahan dari perpustakaan manakala sumber primer melalui pemerhatian yang ada dalam filem.

Kajian ini adalah berbentuk tekstual terhadap filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* dengan memasukkan fasal pertama, fasal kedua dan fasal ketiga yang terdapat dalam kitab *Tajus Salatin* serta melibatkan penggunaan teori Humanistik untuk memperlihatkan unsur-unsur kepimpinan dalam filem tersebut. Kajian ini turut

menggunakan kaedah kualitatif iaitu pemerhatian, filem, kaedah pustaka, penggunaan kitab dan deskriptif. Kaedah ini akan memudahkan pengkaji untuk memperoleh data-data dengan melibatkan tontonan filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* bagi mengisi ruang perbincangan.

3.2 Reka Bentuk Kajian



Rajah 1: Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan satu susunan dalam membuat kajian bagi mendapatkan suatu data mengikut landasan yang lebih sistematik. Kajian yang dilakukan ini menggunakan kaedah kajian kualitatif dalam mengumpul data dan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian dan objektif kajian semasa pengkaji menyempai data yang diperolehi dari mana-mana sumber. Reka bentuk kajian akan memudahkan kajian dijalankan dengan lancar dalam memberi gambaran struktur-struktur yang perlu dilakukan sepanjang kajian ini dijalankan. Struktur yang dimaksudkan berbentuk objektif kajian yang ingin dicapai. Perkara ini menjadi sebab utama bagi pengkaji dalam mencapai hala tuju kajian yang dilakukan iaitu mengkaji unsur-unsur kepimpinan dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* berdasarkan kitab *Tajus Salatin* dan berdasarkan teori Humanistik.

Dengan struktur yang dibina ini akan menjadikan kajian yang dilakukan mempunyai nilai dan intipati yang memenuhi kehendak jelas dalam penyelidikan ilmiah. Teori Humanistik dan kitab *Tajus Salatin* menjadi satu asbab utama kajian ini dijalankan dalam menentukan unsur-unsur kepimpinan dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* dapat dikaitkan dengan kepimpinan masa kini yang memberikan kepentingan kepada individu, masyarakat, institusi dan negara. Teori Humanistik yang diasaskan oleh Abraham Maslow sangat sesuai digunakan untuk mengkaji kepribadian yang ada pada watak utama dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* iaitu satu sosok pemimpin yang berjaya menakluk Kota Konstantinopel dan memakmurkan kerajaan mengikut ajaran Islam.

Reka bentuk kajian yang dilakukan dalam penyelidikan ini lebih menitikberatkan penyelesaian dan kaedah bagi mendapatkan data semasa proses analisis untuk menjawab persoalan-persoalan yang terdapat dalam kajian. Perkara ini untuk mencapai objektif kajian yang ditetapkan oleh pengkaji. Rentetan itu, objektif yang ditetapkan oleh pengkaji akan menjadi satu tunjang dalam menjalankan proses kajian dengan mencapai objektif tersebut. Semasa pengkaji menjadikan tajuk kajian ini, berlakunya beberapa proses bagi menilai dengan melakukan beberapa tinjauan kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji lain. Hal ini dikatakan kerana bagi mengelakkan pertindihan tajuk kajian dari segi penggunaan teori. Setelah berlakunya proses pemilihan tajuk, pengkaji mendapati filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* dan penggunaan kitab *Tajus Salatin* serta teori Humanistik tidak pernah dilakukan oleh mana-mana pengkaji lain. Skop kajian ini, hanya berfokuskan kepada filem tersebut bagi menganalisis unsur-unsur kepimpinan.

3.3 Kaedah Kajian

Internet

Sumber internet digunakan mendapatkan maklumat lengkap dan berkualiti semasa kajian ini dijalankan. Pengkaji menggunakan sumber ini bagi mendapatkan rujukan dari artikel, tesis dan akhbar yang bersangkutan paut dengan kajian yang dilakukan. Hal ini dikatakan kerana pengkaji menggunakan platform Google untuk mengakses laman sesawang mengenai tajuk yang dikaji iaitu unsur-unsur kepimpinan, filem, teori Humanistik dan kitab *Tajus Salatin*. Antara laman sesawang yang diakses adalah Youtube, Google Scholar, Scribd, Academia, Dewan Bahasa dan Pustaka. Perkara ini mendapati terdapat banyak maklumat yang diperolehi dalam membantu kajian yang dijalankan. Pengkaji tidak sewenang-wenangnya mengambil maklumat yang kurang diyakini dan tidak sahih yang tidak menepati terhadap tajuk kajian yang dijalankan. Pengkaji berhati-hati dan teliti dalam memilih maklumat yang tepat dan kukuh untuk dijadikan sebagai rujukan bagi menjamin kualiti dan ketulenan maklumat.

Kepustakaan

Kaedah kepustakaan lebih terumpu kepada perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Perkara ini dilakukan mendapat bahan-bahan bacaan secara ilmiah bagi mencapai objektif kajian yang dilakukan. Maklumat-maklumat yang diperolehi adalah melalui bacaan bertulis dan elektronik seperti jurnal, artikel, buku, thesis dan akhbar. Dalam kajian ini pengkaji akan mendapat maklumat mengenai kepimpinan berdasarkan Kitab *Tajus Salatin* dan Teori Humanistik.

Pemerhatian

Kaedah pemerhatian dilakukan bagi melihat unsur kepimpinan yang ada dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*. Teknik ini dilakukan bagi melihat unsur-unsur kepimpinan yang ada dalam filem tersebut untuk disandarkan dengan penggunaan Kitab *Tajus Salatin* dan Teori Humanistik. Tambahan pula, perkara ini bagi melihat ciri pemimpin yang ada dalam filem tersebut untuk diaplikasikan dalam konteks kepimpinan masa kini.

Teori Humanistik

Teori Humanistik merupakan satu pendekatan psikologi yang menekankan terhadap potensi yang ada pada diri seseorang dalam berkembang dan mencapai keselamatan untuk memenuhi kehendak potensi yang ada pada diri. Teori ini lebih memfokuskan kepada aspek-aspek positif manusia seperti kebebasan diri, kesedaran, pengalaman dan keinginan bagi mencapai potensi pada tahap tertinggi. Terdapat beberapa tokoh yang telah mengembangkan teori Humanistik. Antaranya, Abraham Maslow, Carl Rogers dan Rollo May.



Rajah 2: Piramid Teori Humanistik Abraham Maslow

Rentetan itu, pendekatan teori Humanistik Abraham Maslow digunakan dalam kajian yang dijalankan. Teori Humanistik pendekatan Abraham Maslow adalah sebuah teori yang dikembangkan oleh psikologi Amerika Syarikat Abraham Maslow pada tahun 1940-an dan 1950-an. Teori ini memberi penekanan tentang kepentingan pemenuhan keperluan manusia untuk mencapai potensi penuh mereka. Maslow mengusulkan hierarki keperluan manusia yang terdiri dari lima tingkat yang berbeza, yang dikenali sebagai Piramid Keperluan Maslow atau Hierarki Keperluan Maslow. Berikut merupakan penjelasan tentang teori Humanistik pendekatan Abraham Maslow:

Konsep Dasar Pendekatan Teori Humanistik Abraham Maslow:

1. *Self-Actualization* atau Aktualisasi Diri: Salah satu konsep penting dalam teori Maslow adalah *self-actualization* atau aktualisasi diri. Konsep ini mengacu pada dorongan manusia untuk mencapai potensi penuh dan mengembangkan diri secara kreatif. Maslow juga percaya bahwa setiap individu memiliki kemampuan untuk tumbuh dan berkembang menjadi yang terbaik untuk diri mereka sendiri.
2. Hierarki Keperluan: Maslow mengajukan konsep hierarki keperluan, yang menyatakan bahwa keperluan manusia diatur secara hierarki dan urutan merupakan satu perkara penting. Individu harus memenuhi keperluan dasar sebelum mereka dapat melangkah ke tingkat keperluan yang lebih tinggi.

Piramid Keperluan Maslow atau Hierarki Keperluan Maslow:

1. Keperluan Fisiologi: Ini adalah keperluan dasar manusia seperti makanan, air, tidur, udara, dan perlindungan dari bahaya fisik. Keperluan ini harus dipenuhi terlebih dahulu kerana memberi kepentingan dalam kelangsungan hidup.
2. Keperluan Keamanan atau Rasa Aman: Selepas keperluan fisiologi dipenuhi. Hal ini dikatakan kerana keperluan ini memberikan panduan kepada individu mencari rasa aman, perlindungan dari ancaman fisik, gangguan emosi, keadaan diri yang stabil dan keamanan simpanan kewangan.
3. Keperluan Sosial atau *Belongingness*: Ini melibatkan keinginan manusia untuk memiliki hubungan sosial yang positif dan saling terkait dengan orang lain. Keperluan ini mencakup persahabatan, kasih sayang, cinta, dan menjadi anggota yang diterima di dalam suatu kelompok atau komuniti.
4. Keperluan Penghargaan: Ini melibatkan keperluan akan pengakuan, rasa hormat, penghargaan, dan prestasi. Individu ingin merasa dihargai atas perbuatan atau kerja yang dilakukan demi mendapatkan pengakuan dari orang lain.
5. Keperluan Aktualisasi Diri: Ini adalah keperluan tertinggi dalam hierarki Abraham Maslow. Ketika keperluan yang lebih rendah telah dipenuhi, individu memiliki dorongan untuk mencapai potensi penuh mereka dan mengembangkan diri secara kreatif. Proses aktualisasi diri melibatkan pertumbuhan pribadi, pemenuhan potensi, dan pencarian tujuan hidup yang memberi makna pada dirinya.

Prinsip-prinsip Teori Humanistik:

1. Pendekatan Non-Determinisme: Teori Maslow menolak pandangan determinisme tentang manusia yang menganggap individu sebagai makhluk yang terbatas oleh faktor-faktor biologi dan lingkungan persekitaran. Sebaliknya, ia melihat manusia sebagai makhluk yang bebas dan memiliki kemampuan untuk mempengaruhi kehidupan mereka sendiri.
2. Fokus pada Pengalaman Subjektif: Teori ini menekankan pentingnya memahami pengalaman subjektif individu dalam memahami perilaku manusia. Abraham Maslow mempromosikan pendekatan kualitatif untuk memahami pengalaman manusia melalui cara berfikir yang serius serta cermat melibatkan motif, perilaku dan emosi yang ada pada diri sendiri.
3. Pemenuhan Keperluan dan Pertumbuhan Pribadi: Teori ini menekankan pentingnya pemenuhan keperluan manusia sebagai prasyarat untuk pertumbuhan pribadi yang positif. Ketika keperluan yang lebih rendah telah dipenuhi, individu dapat berkembang secara optimal dan mencapai tingkat aktualisasi diri.
4. Konsep Diri yang Positif: Maslow percaya bahwa manusia memiliki kecenderungan yang alami untuk merasa baik tentang diri mereka sendiri dan mencapai potensi penuh mereka. Abraham Maslow menekankan pentingnya memiliki konsep diri yang positif dan percaya bahwa individu dapat mencapai kehidupan yang memuaskan jika mereka membangun konsep diri yang positif.

Pengaruh Teori Maslow dalam Bidang Psikologi:

1. Psikologi Kepribadian: Teori Humanistik pendekatan Abraham Maslow telah memberikan sumbangan penting dalam bidang psikologi kepribadian. Konsep aktualisasi diri menjadi dasar untuk memahami motivasi individu dalam mencapai potensi peribadi mereka. Teori ini juga telah menginterpretasikan pengembangan model kepribadian yang menekankan pertumbuhan dan pengembangan individu.
2. Psikologi Pendidikan: Dalam konteks pendidikan, Teori Humanistik pendekatan Abraham Maslow memberikan panduan bagi pendidik dalam merancang persekitaran pembelajaran yang memberi dukungan penuh terhadap keperluan para pelajar. Pemahaman tentang hierarki keperluan membantu guru memahami bahwa keperluan yang lebih rendah harus dipenuhi terlebih dahulu sebelum para pelajar dapat mencapai potensi belajar yang terbaik.
3. Psikoterapi: Konsep aktualisasi diri dalam Teori Humanistik pendekatan Abraham Maslow telah mempengaruhi bidang psikoterapi. terutamanya dalam pendekatan Humanistik seperti terapi klien-dihubungkan dan terapi keberadaan. Terapi-terapi ini menekankan pentingnya pertumbuhan peribadi dan pengembangan individu melalui pemahaman potensi diri.
4. Psikologi Organisasi: pendekatan Teori Humanistik Abraham Maslow digunakan untuk memahami keperluan dan motivasi karyawan di tempat kerja. Pendekatan ini membantu pengurus atau ketua organisasi dalam menciptakan lingkungan kerja yang mendukung pemenuhan keperluan

ahli organisasi iaitu staf-staf kerja yang dapat meningkatkan hasil kerja yang bagus dan kepuasan terhadap persekitaran tempat pekerjaan.

5. Psikologi Positif: Teori Humanistik pendekatan Abraham Maslow memiliki keterkaitan dengan bidang psikologi positif yang menekankan pertumbuhan peribadi, kebahagiaan dan pencapaian potensi manusia. Konsep aktualisasi diri dalam teori Maslow menjadi dasar untuk pemahaman tentang kesejahteraan psikologi dan faktor-faktor yang memberi sumbangan pada kehidupan dalam memberikan makna dan kepuasan.

Pengembangan Lanjutan dari Teori Humanistik oleh Abraham Maslow:

1. Keperluan Keterhubungan: Beberapa pengembangan dari teori Maslow telah mencoba untuk memasukkan keperluan keterhubungan sebagai keperluan yang mendasar dalam hierarki keperluan. Keperluan akan hubungan sosial yang intim dan saling terkait dianggap sebagai keperluan yang kuat dan dasar bagi individu.
2. Keterkaitan teori Humanistik dengan teori Lain: teori Humanistik pendekatan Abraham Maslow telah dikaitkan dengan teori lain, seperti teori Otonomi dan teori Pertumbuhan Diri untuk memberikan pemahaman yang lebih komprehensif tentang motivasi manusia dan pertumbuhan peribadi.
3. Variasi Budaya: penelitian telah menunjukkan bahwa hierarki keperluan Abraham Maslow dapat mengalami variasi budaya. Keperluan yang ditekankan dan urutan pemenuhannya dapat bervariasi di antara budaya-budaya yang berbeza.

Teori Humanistik pendekatan Abraham Maslow memberikan pemahaman tentang pentingnya pemenuhan keperluan manusia dan dorongan untuk mencapai potensi penuh. Teori ini memberi inspirasi banyak pendekatan dalam bidang psikologi, pendidikan, dan pengembangan pribadi.

Disebabkan perkara itu, pengkaji menggunakan teori Humanistik untuk melihat keperibadian yang ditunjukkan oleh sultan Muhammad Al-Fatih sebagai pemimpin yang bijak, bertanggungjawab, adil dan saksama dalam menjalankan syariat Allah SWT dan sabda Nabi Muhammad SAW terdapat pada filem yang dikaji. Bahkan penggunaan teori ini juga membantu pengkaji dalam mencapai objektif iaitu pengaplikasian kepimpinan Sultan Muhammad Al-Fatih terhadap pemimpin masa kini. Hal ini dikatakan kerana melihat keberkesanan penggunaan teori Humanistik pendekatan Abraham Maslow dalam kajian yang dijalankan.

3.4 Proses Pengumpulan Data

Kaedah Pemerhatian Secara Visual

Kaedah ini tebahagi kepada dua iaitu secara terus dan penglibatan. Kaedah pemerhatian secara terus melibatkan keterlibatan pemimpin dalam filem Muhammad Sultan Al-Fatih dalam memimpin rakyatnya. Kaedah pemerhatian secara penglibatan pula melibatkan rakyat ataupun masyarakat dalam filem tersebut menerima dan mematuhi perintah pemimpin Sultan Muhammad Al-Fatih yang terdapat dalam filem. Dengan ini pengkaji akan menonton filem tersebut untuk melihat dan mengambil unsur kepimpinan yang ditonjolkan oleh Sultan Muhammad Al-Fatih yang terdapat dalam filem yang dikaji.

Teknik pemerhatian oleh Moleong (1989):

1. Pemerhatian yang melibatkan penglihatan, rasa dan peristiwa dengan penggunaan gejala sosial dalamnya. Secara ringkasnya, pengkajian yang melihat, makna dan rasa.
2. Pemerhatian membantu pengkaji dalam membentuk satu pengetahuan antara pengkaji dan subjek kajiannya.

Teknik pemerhatian oleh Patton (1990):

1. Hanya meletakkan pengkaji sebagai penonton dalam memainkan peranan terbatas, peranan penuh dan peranan serta.
2. Berdasarkan kepada tahap keterbukaan pengkaji. Terdapat beberapa tahap keterbukaan iaitu keterbukaan penuh, keterbukaan terbatas dan keterbukaan tertutup.

3. Teknik ini menerangkan peranan keterbukaan yang akan dilakukan oleh pengkaji. Pertama keterbukaan penuh iaitu melibatkan pengkaji dijelaskan secara menyeluruh terhadap subjek kajian. Kedua, keterbukaan terbatas iaitu melibatkan pengkaji dijelaskan secara sebahagian sahaja. Ketiga, keterbukaan tertutup iaitu pengkaji tidak mendapat sebarang penjelasan daripada subjek kajian. Keempat, pemalsuan iaitu subje kajian kepada pengkaji hanya memberikan penjelasan palsu dan kebohongan.
4. Melibatkan jangka waktu atau masa iaitu jangka pendek dan jangka panjang. Jangka pendek adalah pemerhatian secara ringkas antara dua jam sahaja. Jangka panjang adalah pemerhatian yang memakan masa lama iaitu berbulan atau bertahun.
5. Didasari dengan himpunan pemerhatian iaitu himpunan luas dan sempit. Himpunan sempit melibatkan pada suatu unsur sahaja makala himpunan luas melibatkan semua unsur dalam satu tinjauan.

Kesimpulannya, kaedah-kaedah pemerhatian ini akan dilakukan bagi mendapatkan maklumat mengenai unsur-unsur kepimpinan yang terdapat dalam Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* berdasarkan kitab *Tajus Salatin* dan teori Humanistik.

3.5 Kaedah Analisis Data

Kaedah ini merujuk kepada pendekatan yang terperinci dan sistematik untuk menganalisis data dalam konteks penyelidikan atau kajian. Data yang dikumpulkan untuk analisis perlu disusun dan disiapkan. Ini termasuk memastikan data lengkap, diperiksa kebolehpercayaan dan ketepatan, dan dimasukkan ke dalam format yang sesuai untuk analisis. Langkah ini melibatkan pemeriksaan data secara menyeluruh untuk memahami jenis data yang ada, nilai-nilai yang ada dalam setiap variabel, serta pola dan hubungan awal yang mungkin terdapat. Teknik seperti statistik deskriptif, grafik, dan visualisasi data dapat digunakan untuk membantu pemahaman awal ini.

Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data kualitatif yang melibatkan penggunaan teknik statistik untuk menguji hipotesis, mencari hubungan antara variabel atau membuat perkiraan berdasarkan data yang ada. Kaedah ini akan melibatkan pengolahan data secara mendalam dengan mengidentifikasi pola, tema atau konsep yang muncul dari data tersebut. Pendekatan seperti analisis isi, analisis wacana atau analisis tematik sering digunakan dalam analisis kualitatif. Pada tahap ini, hasil analisis diinterpretasikan dan ditafsirkan dalam konteks tujuan kajian atau penyelidikan. Implikasi, kesimpulan dan temuan penting akan dihasilkan berdasarkan analisis yang telah dilakukan. Akhirnya, hasil analisis disusun dalam laporan yang jelas dan sistematik. Laporan tersebut biasanya mencakup deskripsi metode analisis, temuan utama, interpretasi, dan kesimpulan. Grafik, tabel atau visualisasi data lainnya juga dapat digunakan untuk membantu menjelaskan hasil analisis.

3.5.1 Konseptual

Penentuan konsep kepemimpinan dalam kajian yang dilakukan akan diidentifikasi konsep kepemimpinan yang relevan dari kitab *Tajus Salatin* dan teori Humanistik. Menonton film *Sultan Muhammad Al-Fatih* dengan cermat dan catat adegan ataupun dialog yang menunjukkan unsur-unsur kepemimpinan yang berkaitan dengan konsep yang telah ditentukan. Disebabkan itu, tinjauan setiap adegan atau dialog dengan memperhatikan konteksnya dan pemerhatian terhadap faktor-faktor seperti latar belakang, hubungan interpersonal, situasi dan situasi yang dihadapi oleh Sultan Muhammad Al-Fatih dalam memperlihatkan unsur kepemimpinan yang berkaitan.

Analisis temuan berdasarkan pola yang telah diidentifikasi. Seterusnya, akan berlakunya satu penyelidikan dengan konsep kepemimpinan yang telah ditentukan dari kitab *Tajus Salatin* dan teori Humanistik untuk sejauh mana Sultan Muhammad Al-Fatih menunjukkan sikap-sikap kepemimpinan yang sesuai dengan konsep-konsep tersebut. Penemuan data mengenai unsur kepemimpinan akan diberikan penjelasan tentang unsur kepemimpinan dalam film *Sultan Muhammad Al-Fatih* mencerminkan konsep kepemimpinan yang telah ditentukan serta berikan kesimpulan tentang sejauh mana Sultan Muhammad Al-Fatih memperlihatkan kepemimpinan yang sesuai dengan konsep-konsep yang dipilih.

3.5.2 Struktural

Analisis struktural dimulai dengan mengidentifikasi struktur naratif dalam filem. Tinjau elemen-elemen seperti pengenalan, konflik, klimaks dan penyelesaian. Fahaman perkembangan jalan cerita dan karakter Sultan Muhammad Al-Fatih terlibat dalam kajian ini. Tontonan terhadap filem tersebut akan membantu proses pengumpulan data yang relevan terkait dengan unsur kepimpinan Sultan Muhammad Al-Fatih bagi mencatat adegan, dialog atau tindakan yang menunjukkan karakteristik kepimpinan yang berkaitan dengan kitab *Tajus Salatin* dan teori Humanistik.

Analisis secara struktural juga akan melibatkan pemahaman tentang posisi dan peranan karakter dalam struktur naratif bagi meninjau Sultan Muhammad Al-Fatih berperanan sebagai pahlawan, antagonis atau karakter utama lainnya. Turut juga akan memperhatikan kehadiran dan tindakan beliau mempengaruhi alur cerita dan hubungan dengan karakter lainnya. Kaedah analisis secara struktural juga akan melibatkan penelusuran tema dan motif yang berkaitan dengan kepimpinan untuk melihat apakah ada tema yang mencerminkan konsep kepimpinan dari kitab *Tajus Salatin* dan teori Humanistik. Contohnya, tema tentang keadilan, inspirasi atau pengaruh kepimpinan. Penglibatan terhadap perkembangan karakter Sultan Muhammad Al-Fatih dari awal hingga akhir filem bagi melihat perubahan sikap, motivasi dan tindakan yang berkaitan dengan kepimpinan. Identifikasi peranan-peranan penting yang mempengaruhi perkembangan karakter kepimpinan Sultan Muhammad Al-Fatih.


Analisis struktural memungkinkan pemahaman tentang keterkaitan antara struktur naratif dan unsur kepemimpinan. Tinjauan struktur cerita dan elemen-elemen naratif mempengaruhi penonjolan kepemimpinan Sultan Muhammad Al-Fatih. Misalnya, kehadiran konflik yang menguji kepemimpinan beliau atau apakah ada momen klimaks yang menyoroti kepemimpinan beliau. Melalui analisis struktural akan berlakunya satu pentafsiran mengenai unsur kepemimpinan dalam filem ini terkait dengan kitab *Tajus Salatin* dan teori Humanistik serta akan melakukan satu kesimpulan tentang penggambaran kepemimpinan Sultan Muhammad Al-Fatih dalam konteks struktur naratif dan perkara yang mempengaruhi pemahaman tentang kepemimpinan beliau.

3.6 Instrumen Kajian

Kajian ini merupakan satu alat yang sesuai untuk menganalisis unsur kepemimpinan dalam filem ini. Kajian yang dilakukan ini menggunakan objektif-objektif yang dipilih untuk mendapatkan data-data yang diperolehi. Objektif pertama kajian ini ialah Mengenalpasti unsur kepimpinan yang ditonjolkan dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* berdasarkan kitab *Tajus Salatin* oleh Bukhari Al-Jauhari. Bagi mencapai objektif pertama, data-data akan didasari dengan kita *Tajus Salatin* mengenai unsur-unsur kepimpinan yang ada dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*. Objektif kedua pula ialah menganalisis unsur kepimpinan yang ditonjolkan dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* berdasarkan teori Humanistik. Pengkaji akan menggunakan pendekatan Abraham Maslow iaitu hierarki bertingkat untuk melihat potensi diri yang ada pada Sultan Muhammad Al-Fatih sebagai seorang pemimpin yang mengikut syariat Islam terdapat dalam filem tersebut. Objektif yang terakhir iaitu menilai ciri pemimpin yang terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* diaplikasikan dalam konteks kepimpinan masa kini.

Data-data yang telah diperolehi berdasarkan objektif satu dan objektif dua akan dilakukan suatu penelitian secara terperinci bagi memasukkan unsur-unsur kepimpinan yang ada dalam filem berdasarkan kitab *Tajus Salatin* dan teori Humanistik terhadap gaya kepimpinan masa kini. Instrumen kajian ini akan memberikan pemahaman mengenai unsur ataupun konsep kepimpinan berdasarkan kitab *Tajus Salatin* dan teori Humanistik yang terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*.

3.7 Kerangka Kajian



Rajah 3: Kerangka Kajian

3.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini memberi penjelasan mengenai kaedah kajian yang dilakukan bagi mendapatkan data untuk dimasukkan ke dalam bab empat dan bab lima. Hasil dapatan kajian berkualiti memberikan kepentingan kepada masyarakat mengenai pemahaman konsep kepimpinan yang didasari dengan kitab *Tajus Salatin* dan Humanistik. Melalui bab ini juga pengkaji telah menerangkan secara detail ataupun terperinci terhadap data-data diperolehi dengan melibatkan kaedah kajian yang sesuai iaitu kaedah pemerhatina filem, penggunaan teori Humanistik, penggunaan kitab *Tajus Salatin*, konseptual, struktural dan kaedah kualitatif. Bab ini merupakan satu bimbingan kepada pengkaji dalam mendapatkan data-data secara sah dan berilmiah. Data-data yang diperolehi akan memberikan satu kajian yang berkualiti dan memberikan kesan positif kepada pengkaji serta pengkaji lain yang melakukan kajian yang sama dengan penggunaan teori yang berbeza pada masa akan datang.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Kajian dalam bab ini akan membincangkan unsur kepimpinan yang ditonjolkan dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* berdasarkan kitab *Tajus Salatin* dan teori Humanistik dan aplikasikan unsur kepimpinan dalam konteks masa kini. Penelitian dan analisis dibataskan dengan mengambil fasal satu, fasal dua dan fasal tiga yang terdapat dalam kitab *Tajus Salatin* dan penggunaan teori Humanistik menggunakan kaedah Abraham Maslow iaitu keperluan piramid bertingkat. Hasil penelitian dan analisis yang dilakukan akan diaplikasikan dalam konteks kepimpinan masa kini.

4.2 Unsur-unsur kepimpinan dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* berdasarkan Kitab *Tajus Salatin* oleh Bukhari Al-Jauhari

4.2.1 Ketaatan

Ketaatan yang ditunjukkan oleh Sultan Muhammad Al-Fatih dalam melaksanakan perintah Allah dalam menunaikan tanggungjawab sebagai seorang beragama Islam. Perkara ini dapat dikaitkan berdasarkan kitab *Tajus Salatin* dalam fasal dua iaitu mengenal tuhan yang menjadikan segala makhluk. Hal ini dikatakan kerana segala perbuatan yang dilakukan oleh mereka ke atas dunia ini akan di hisab pada akhirat kelak. Ketaatan juga merupakan seseorang atau individu yang mengikut perintah tuhan dengan menjauhkan diri dari larangan yang telah ditetapkan dalam al-Quran dan Hadis dengan keyakinan tinggi kepada Allah dan Rasul. Perkara ini terbukti dalam al-Quran mengenai ketaatan kepada Allah dan Rasul dalam surah An-Nisa, ayat 59.

“Wahai orang-orang yang beriman! Taatilah Allah dan taatilah Rasul (Muhammad), dan Ulil Amri (pemegang kekuasaan) di antara kamu, Kemudian, jika kamu berbeda (sunnahnya), jika kamu beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.”


(Surah An-Nisa, Ayat 59)

Taat merupakan sebuah kecintaan seorang hamba kepada tuhan dalam melakukan sebarang perbuatan dan tindakan hanya berlandaskan ajaran agama Islam. Dzikir, doa, membaca al-Quran dan mengamalkan sunnah yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW merupakan ketaatan seorang hamba kepada tuhan. Bahkan jika seseorang hamba tidak mempunyai sikap taat kepada tuhan nescaya sepanjang hari dalam kehidupannya akan mengalami banyak kesulitan. Perkara ini dapat dibuktikan dalam ayat al-Quran, Surah Ar-Ra'd ayat 28:

“Orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan berzikir (mengingat) Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingat Allah hati menjadi tenteram.

(Surah Ar-Ra'd, ayat 28)

Melalui ayat al-Quran maka terbukti bahawa seorang hamba Allah yang beriman mengalami sebarang kesulitan dan tidak tenteram hati dan jiwanya maka berzikir untuk mengingati Allah untuk diberikan petunjuk ke atas kesulitan untuk mendapatkan jalan penyelesaian.



Gambar Rajah 1: Tangkapan Layar

(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*, 2012: Minit 3:32)

Melalui filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* pada minit 3:32 ada menunjukkan satu babak seorang hamba yang taat perintah tuhan berzikir di atas sejadah untuk mendekatkan diri kepada Allah dan mententeramkan hati dan jiwanya untuk melakukan amanah yang begitu besar pada usia muda iaitu Sultan Muhammad Al-Fatih itu sendiri dapat dijadikan sebagai panduan dan contoh kepada pemimpin-pemimpin Islam. Bahkan sewaktu perang dalam penaklukan Kota Konstantinopel Sultan Muhammad Al-Fatih juga melakukan perbuatan yang sama ketika dalam kesulitan untuk membawa kapal perang memasuki sempadan perairan Konstantinopel bagi mendapat petunjuk dari Allah untuk menyelesaikan kesulitannya itu. Akhirnya, Sultan Muhammad Al-Fatih mendapat idea iaitu mengangkat sebanyak 70 buah kapal perang melintasi daratan dengan menggunakan kayu gelondongan disapu minyak untuk memudahkan pergerakan. Perkara tersebut merupakan satu fenomena yang luar biasa dalam sejarah dunia tanpa sebarang teknologi waktu itu yang hanya berbekalkan ketaatan dan ketakwaan kepada Allah semata. Bahkan tentera-tentera bawah pimpinan Sultan Muhammad Al-Fatih mengikut segala arahan yang disuruh dengan yakin terhadap hadis Nabi Muhammad SAW.

Melalui babak yang ditunjukkan dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* berdasarkan kitab *Tajus Salatin* fasal yang pertama iaitu mengenal hakikat diri manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana babak tersebut menunjukkan hubungan seorang hamba kepada tuhan dengan taat kepada suruhan dan larangan dalam ajaran agama Islam hingga menyebabkan fenomena sedemikian menjadi luar biasa dan tidak dapat difikir akal pemikiran manusia. Melalui dua dalam kitab *Tajus Salatin* ini juga membawa memperihalkan manusia itu memerlukan satu tempat untuk bergantung dalam menyelesaikan kesulitan, rasa sedih, tempat untuk dicerita dan rasa syukur. Dari situlah, dapat difahami siapa lagi tempat untuk bergantung kalau bukan raja seluruh alam ini iaitu Allah SWT.

4.2.2 Berani

Perkataan berani biasanya digunapakai bagi menggambarkan sifat ataupun sikap seseorang yang tidak takut dan tidak ragu dalam menghadapi sebarang kesulitan ataupun keadaan yang berisiko tinggi. Individu yang mempunyai sifat berani ini memiliki keberanian dalam mengambil sebarang tindakan atau keputusan yang mungkin pilihannya itu menimbulkan satu cabaran dan dugaan bagi dirinya maupun komuniti yang dibimbing olehnya.

Berani ini kebanyakan lebih kepada perkara yang positif iaitu mengatasi ketakutan pribadi, mengambil risiko dalam melakukan perniagaan dan menegakkan kebenaran. Bahkan, berani ini juga merupakan satu tekad, keteguhan dan ketangguhan yang ada pada diri.



Gambar Rajah 2: Tangkapan Layar

(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*, 2012: Minit 2:13:34)

Perkataan berani ini juga ada terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* iaitu memberi arahan kepada tentera-tenteranya dalam medan peperangan demi membebaskan kota konstantinopel untuk membawa satu perubahan dan ajaran agama. Pada minit 2:13:34 dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* ada menunjukkan sikap berani sultan Al-Fatih yang berada di barisan hadapan ketika melakukan penaklukan Kota Konstantinopel. Hal ini dikatakan demikian kerana sultan Muhammad Al-Fatih yakin dan percaya terhadap ganjaran yang bakal diterima olehnya yang berjihad dijalan Allah akan memperoleh syurga. Bahkan, keberanian yang ditonjolkan oleh sultan Muhammad Al-Fatih turut memberikan motivasi kepada para tenteranya untuk turut yakin dengan ganjaran yang akan diperolehi. Keberanian yang ditonjolkan juga mampu menyebabkan tentera-tentera musuh begitu takut dengan keberanian tentera muslimin yang mempunyai satu tujuan dalam peperangan tersebut iaitu memperoleh ganjaran syurga. Maka dari sini dapatlah diambil dan dipelajari bahawa seorang pemimpin haruslah mempunyai sifat berani dalam diri mereka ketika memerintah negara walaupun negara tersebut akan menghadapi cabaran besar.

Berdasarkan Kitab *Tajus Salatin* terhadap filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* fasal pertama iaitu mengenal hakikat diri manusia mendapati bahawa sifat berani yang ada pada diri kepimpinan Sultan Muhammad Al-Fatih lebih kepada menegakkan kebenaran. Hal ini dikatakan kerana fasal pertama dalam kitab *Tajus Salatin* lebih kepada untuk mengenal tuhan dan segala amalan yang dilakukan akan dihisab di hari akhirat kelak. Berani dalam menegakkan ajaran agama dan keadilan dalam Islam adalah perkara yang harus dilakukan oleh kebanyakan pemimpin. Perkara ini dapat dibuktikan bahawa tiada apa yang perlu ditakuti selain dari Allah SWT. Bahkan sifat berani yang ditonjolkan dalam filem tersebut juga menunjukkan keberanian dalam menakluk kota konstantinopel yang telah berdiri megah selama beratus tahun dengan pertahanan tembok yang kuat dan tidak terkalahkan. Walaupun peperangan tersebut memakan masa yang amat panjang dengan menghadapi sebarang kesulitan yang dihadapi sepanjang proses penaklukan ke atas kota tersebut dilakukan.

Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* menunjukkan rancangan pengepungan yang berani. Penggunaan meriam berskala besar telah menyebabkan berlakunya revolusi penggunaan senjata pada ketika itu. Meriam yang digunakan itu juga telah menghancurkan tembok Kota Konstantinopel hingga beroleh kemenangan. Bahkan beliau juga berani mengubah Hagia Sophia iaitu dari gereja Ortodoks kepada sebuah masjid dalam menyampaikan transformasi budaya ajaran agama Islam. Keberanian dalam mengubah gereja kepada masjid telah menyebabkan identiti agama Islam dan Kesultanan Uthmaniyah mencapai kegemilangan yang tinggi hingga melakar sejarah terbesar dunia pada ketika itu. Sultan Muhammad Al-Fatih juga turut melakukan

hubungan diplomatik berbagai negara Eropah setelah penaklukan kota Konstantinopel. Sifat keberanian yang ditunjukkan telah berjaya membentuk dasar dalam memperluaskan kekuasaan Kesultanan Uthmaniyah sebelum runtuhnya kekuasaan tersebut.

Babak-babak keberanian yang ditunjukkan dalam filem berdasarkan kitab *Tajus Salatin* iaitu hakikat diri menunjukkan kebergantungan kepada tuhan dalam melakukan sebarang perbuatan dan kerja. Keberanian yang ditunjukkan oleh Sultan Muhammad Al-Fatih memahami dan mengetahui ajaran agama Islam merupakan sebuah agama yang suci dan benar. Bahkan berani mengambil dan mengikuti sabda Rasulullah untuk menakluk Kota Konstantinople hingga beliau menjadi panglima perang yang berada di barisan hadapan. Rasa cinta dan pengabdian diri kepada tuhan juga menyebabkan Sultan Muhammad Al-Fatih sebagai seorang pemimpin yang berwibawa dan perlu dicontohi oleh semua pemimpin-pemimpin Islam. Hal ini dikatakan kerana beliau berani dalam mengakkan keadilan sesuai ajaran agama Islam demi kebajikan rakyat dan negara.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.2.3 Adil



Gambar Rajah 3: Tangkapan Layar

(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*, 2012: minit 38:17)

Babak yang ditunjukkan dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* menunjukkan sifat adil dalam struktur pemerintahannya. Hal ini dikatakan kerana minit 38.12 menunjukkan satu babak sultan Muhammad Al-Fatih menunjukkan surat yang berunsurkan pengkhianatan dalam struktur pemerintahan negara iaitu Halil Pasha yang mendukung Orhan dalam pemberontakan kepada beliau. Halil Pasha menafikan kesahihan surat tersebut dengan mengucapkan sebaris ayat “Allah sebagai saksi”, bagi mengukuhkan lagi ketidaksahihan surat tersebut.



Gambar Rajah 4: Tangkapan Layar

(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*, 2012: Minit 38:51)

Pada minit 38:51 satu babak memperlihatkan hukuman yang diberikan kepada pasukan tenteranya dengan beralasan menghukum pasukan yang lalai akan tugasnya. Sifat adil yang ditonjolkan dalam filem ini menunjukkan beliau iaitu Sultan Muhammad Al-Fatih ingin mengukuhkan moto tenteranya dan masyarakat.

Perkara ini dapat dibincangkan berdasarkan kitab *Tajus Salatin* fasal yang ketiga iaitu hakikat dunia dalam kehidupan manusia. Fasal ini memberitahu bahawa sifat manusia itu akan terus leka dengan nikmat dunia hingga membuat para pemerintah berasa merekalah yang paling berkuasa dengan apa yang dimiliki oleh mereka. Sifat adil yang ditonjolkan dalam filem dapat difahamkan bahawa berlaku adil dengan sesama makhluk merupakan satu amanah terbesar kepada pemimpin. Hal ini demikian kerana pemimpin yang tidak berlaku adil sudah pasti akan dicemuh oleh rakyat, bahkan dalam konteks agama juga pemimpin yang tidak adil akan menerima azab yang berat di akhirat kelak. Dalam al-Quran juga ada membicarakan adil sesama makhluk iaitu dalam Surah Al-Ma'idah ayat 8:

“Hai orang-orang yang beriman hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.”

(Surah Al-Ma'idah, ayat 8)

Melalui potongan ayat diatas bersikap adil itu bukan sahaja melibatkan pemimpin tetapi kepada semua makhluk. Melalui konteks kajian yang dilakukan sifat adil ini lebih ditumpukan kepada pemimpin sama seperti yang terdapat

dalam kitab *Tajus Salatin*. Sedia maklum, orang yang berlaku adil sudah pasti akan mendapat darjat yang tinggi disisi Allah kerana adil ini melibatkan banyak benda bukan sahaja berfokuskan kepada pemerintahan tetapi berlaku adil atas diri sendiri juga membantu individu tersebut untuk menjadi lebih baik.

Dari Abu Hurairah ra, Rasulullah SAW bersabda:

“Ada tujuh golongan yang dinaungi Allah dalam naungan-Nya pada hari dimana tidak ada naungan kecuali naungan-Nya: (1) pemimpin yang adil, (2) seorang pemuda yang tumbuh dewasa dalam beribadah kepada Allah, (3) seorang yang hatinya bergantung ke masjid, (4) dua orang yang saling mencintai di jalan Allah, keduanya berkumpul kerana-Nya dan berpisah kerana-Nya, (5) seorang laki-laki yang diajak berzina oleh seorang wanita yang mempunyai kedudukan lagi cantik, lalu berkata, ‘Sesungguhnya aku takut kepada Allah’ Dan (6) seseorang bershadaqah dengan satu shadaqah lalu ia menyembunyikannya sehingga tangan kirinya tidak tahu apa yang diinfaqkan tangan kanannya, serta (7) seseorang yang berdzikir kepada Allah dalam keadaan sepi lalu ia menitiskan air matanya.”

(HR Bukhari Muslim)

Melalui riwayat diatas ada meletakkan pemimpin yang adil akan mendapatkan naungan Allah di akhirat kelak. Hal ini dikatakan kerana tidak semua pemimpin dapat berlaku adil dalam sistem pemerintahannya terutamanya kepada pemimpin yang hanya mementingkan diri mereka dengan memuaskan hawa nafsu semata. Melalui filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* digambarkan sebagai salah satu pemimpin yang berlaku adil dalam sistem pemerintahan hingga menyebabkan sepanjang pemerintahan beliau tidak ada rakyat yang ditindas walaupun berbeza agama selepas berjaya menakluki Kota Konstantinopel.

4.2.4 Berilmu

Menurut Ali Mu'ammam (2019) dalam jurnal *Kualifikasi Pemimpin dalam Tafsir Al-AZhar dari perspektif Buya Hamka*. Dalam karya tersebut penulis iaitu Buya Hamka telah menyenaraikan lapan perkara yang perlu ada pada pemimpin. Perkara ini telah dibahas oleh Buya Hamka dengan penuh teliti iaitu pemimpin perlulah beragama Islam, berjantina lelaki, mempunyai ilmu pengetahuan, memiliki kekuatan fisik, menjaga amanah, berlaku adil, bersifat jujur dan seorang yang bijaksana.

Pemimpin yang hebat mempunyai ilmu pengetahuan yang baik. Hal ini dikatakan demikian kerana seorang pemimpin yang tidak mempunyai ilmu sudah pasti akan mendatangkan kemudaratan bagi sesebuah negara yang diperintah olehnya. al-Quran menjadi peranan penting dalam sistem pemerintahan bukan sahaja dalam pemilihan pemimpin bahkan corak pemerintahan yang lebih sistematik. Terdapat juga kisah yang diceritakan dalam al-Quran, surah Al-Baqarah ayat 247. Ayat ini mengisahkan kepimpinan:

"Dan Nabi mereka pula berkata kepada mereka: "Bahawasanya Allah telah melantik Talut menjadi raja bagi kamu. Mereka menjawab: "Bagaimana dia mendapat kuasa memerintah kami sedang kami lebih berhak dengan kuasa pemerintahan itu daripadanya, dan ia pula tidak diberi keluasan harta kekayaan?" Nabi mereka berkata: " Sesungguhnya Allah telah memilihnya (Talut) menjadi raja kamu, dan telah mengurniakanNya kelebihan dalam lapangan ilmu pengetahuan dan kegagahan tubuh badan". Dan (ingatlah), Allah jualah yang memberikan kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang dikehendakiNya; dan Allah Maha Luas (rahmatNya dan pengurniaanNya), lagi meliputi ilmuNya."

(Surah Al-Baqarah, Ayat 247)

Melalui kisah tersebut dapatlah difahamkan bahawa pemilihan pemimpin yang baik dan mengikut kehendak Islam adalah mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dan kekuatan fisik hingga menyebabkan Talut dipilih sebagai pemimpin seperti yang terdapat dalam surah Al-Baqarah ayat 247. Sangat jelas diperincikan kriteria-kriteria untuk menjadi seorang pemimpin kerana pemimpin tersebut akan mengalas tanggungjawab yang besar kepada negara yang melibatkan berbagai aspek seperti politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Rasulullah sebagai model utama yang dapat dicontohi kerana sifatnya yang fathonah.



Gambar Rajah 5: Tangkapan Layar

(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*,2012: Minit 43:55)




Gambar Rajah 6: Tangkapan Layar

(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*,2012: Minit 44:24)

Pada minit 43:55 dan minit 44:24 dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* menunjukkan pengetahuan dengan membina benteng hingga menyebabkan para petinggi kerajaan begitu gusar dengan tindakan yang dilakukan oleh Sultan Al-Fatih. Hal ini dikatakan kerana pembinaan benteng tersebut akan menghalang kapal barang yang datang dari Laut Hitam sebelum sampai ke Kerajaan Rom lalu menyebabkan kerajaan tersebut kekurangan bekalan makanan. Tindakan yang dilakukan oleh beliau merupakan salah satu strategi perang ke pihak lawan. Di mana, dengan kurangnya bekalan makanan akan menyukarkan tentera pihak lawan kekurangan tenaga bahkan mungkin akan berlaku pergelutan dari dalam kerajaan samada melibatkan ketenteraan dan golongan atasan. Ilmu pengetahuan dalam penyusunan strategi perang yang ditunjukkan oleh Sultan Muhammad Al-Fatih adalah salah satu contoh yang perlu dicontohi oleh pemimpin Islam masa kini. Hal ini kerana pemimpin yang memiliki ilmu sudah pasti akan berjaya mengatasi sebarang masalah yang berlaku di suatu kerajaan.

Berdasarkan fasal kedua dalam kitab *Tajus Salatin* iaitu mengenal tuhan yang menjadikan segala makhluk dapat difahamkan setiap perbuatan dan arahan yang diberi adalah satu usaha dan ikhtiar manusia dengan yakin pertolongan Allah pasti akan menjayakan penaklukan Kota Konstantinopel. Disebabkan perkara itu, tentera-tentera Sultan Muhammad Al-Fatih bersiap siaga jika arahan diberikan oleh beliau sewaktu proses penyiapan perang bagi menakluk kerajaan yang sudah lama berdiri megah. Berdasarkan fasal kedua ini juga dapat difahamkan bahawa tentera dan Sultan Al-Fatih mempercayai dan yakin bahawa mereka diciptakan untuk beribadat kepada Allah dan berjihad di jalan-Nya dengan memperoleh ganjaran iaitu syurga dan redha-Nya.

4.2.5 Bertaqwa



Gambar Rajah 7: Tangkapan Layar

(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*, 2012: Minit 2:12:00)



Gambar Rajah 8: Tangkapan Layar

(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*, 2012: minit 2:13:45)

Berdasarkan kitab *Tajus Salatin* fasal kedua iaitu mengenal tuhan yang terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* pada minit 2:12:00 menunjukkan babak Sultan Muhammad Al-Fatih bersama tentera-tenteranya menunaikan solat sebelum melakukan serangan dahsyat pada Kota Konstantinople. Pada minit 2:13:45 menunjukkan babak seorang daripada tentera Al-Fatih menunjukkan sifat berani atau jihad ke jalan Allah dengan mempunyai keyakinan dan takwa yang tinggi kerana tidak ingin berlaku sebarang kesalahan untuk serangan terakhir bagi merobohkan benteng Kota Konstantinopel.

Melalui babak-babak yang ditunjukkan dapat difahami sultan Muhammad Al-Fatih begitu yakin dengan janji Allah dan sabda Rasulullah bahawa Kota Konstantinopel akan jatuh ke tangan umat Islam.

Sabda Rasulullah S.A.W. ketika menggali parit dalam peperangan Khandaq: “Konstantinopel akan jatuh ke tangan tentera-tentera Islam. Rajanya ada sebaik-baik raja, tenteranya adalah sebaik-baik tentera.”

(Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Taqwa merupakan satu kesedaran yang mendalam terhadap kehadiran Allah dalam setiap aspek kehidupan iaitu mematuhi ajaran-Nya. Seorang hamba Allah yang memiliki taqwa sudah pasti akan menghindari diri daripada melakukan dosa, melakukan ibadat dan meramalkannya. Berdasarkan kitab *Tajus Salatin* fasal kedua tindakan atau perbuatan yang dilakukan oleh Sultan Muhammad Al-Fatih dan tenteranya menunjukkan individu yang bertaqwa kerana menyedari kehadiran Allah dalam setiap aspek kehidupan mereka. Kesedaran ini sudah pasti akan memotivasikan diri mereka untuk bertindak sesuai dengan nilai dan etika agama Islam. Bahkan mereka juga melaksanakan perintah tuhan seperti berjihad di jalan Allah, solat, berpuasa dan melakukan amal kebajikan.

“Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (Isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.”

(Surah An-Nisa, Ayat 1)


“Hai orang-orang yang beriman, Bertaqwalah kepada Allah dan hendaklah setiap diri memperhatikan apa yang telah diperbuatnya untuk hari esok (akhirat); dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan”.

(Surah Al-Hasyr, Ayat 18).

Melalui ayat-ayat al-Quran diatas dapat difahamkan bahawa setiap manusia haruslah bertaqwa kepada Allah dengan mengerjakan ibadat kepada-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Hal ini kerana Nabi Adam diciptakan adalah untuk menjadi khalifah di atas muka bumi ini. Bahkan dunia ini adalah penjara kepada umat Islam dan syurga kepada kaum kafir. Dengan memahami konsep taqwa, umat Islam dapat menginterpretasikan kehidupan mereka sesuai dengan ajaran agama Islam. Maka sudah pastilah fasal kedua *Tajus Salatin* lebih kepada seorang pemimpin haruslah mengenal Allah terlebih dahulu.

4.2.6 Gagah

Gagah merupakan satu istilah yang mencerminkan sifat-sifat positif seperti berani, kuat dan teguh. bahkan, istilah gagah ini juga merujuk kepada kesan ketegasan dan kewibawaan. Menurut Kamus Dewan Edisi keempat, gagah didefinisikan sebagai individu yang kuat dan bertenaga dalam menghadapi sebarang rintangan atau ujian yang diterima olehnya.



Gambar Rajah 9: Tangkapan Layar

(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*, 2012: Minit 1:53:56)



Gambar Rajah 10: Tangkapan Layar
(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*, 2012: Minit 1:54:25)

Melalui filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* pada minit 1:53:56 dan minit 1:54:25 menunjukkan babak kegagalan dalam menakluki Kota Konstantinopel melibatkan banduan tentera Al-Fatih mati di hadapannya bagi mengugat mental tentera Al-Fatih dan kehancuran armada laut iaitu kapal-kapal perang yang menghampiri Kota Konstantinopel. Perkara ini tidak mengugut kegagahan Sultan Muhammad Al-Fatih dan bala tenteranya kerana mereka yakin dan percaya bahawa hari kemenangan pasti akan tiba. Kegagalan demi kegagalan bagi menakluki Kota Konstantinopel itu semakin hampir dengan kejayaan dalam proses penaklukan. Hal ini kerana Sultan Muhammad Al-Fatih mendapat mimpi yang serupa selama tiga hari iaitu mengerakkan armada laut atau kapal-kapal perang laut menggunakan jalan darat. Cara tersebut adalah mustahil tetapi dengan pertolongan Allah SWT ianya berjaya hingga mengejutkan pemimpin Kota Konstantinople iaitu Byzantine kerana kapal perang Sultan Muhammad Al-Fatih memasuki sempadan perairan Kota Konstantinopel dalam satu malam. Maka mimpi ngeri tentera-tentera musuh semakin menjadi kenyataan setelah 40 hari peperangan berkesinambungan.



Gambar Rajah 11: Tangkapan Layar
(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*,2012: Minit 2:05:16)

Menunjukkan babak tentera sultan Muhammad Al-Fatih mengerakkan 70 buah kapal laut melintasi daratan hanya dengan satu malam sahaja untuk sampai ke Teluk Golden Horn.



Gambar Rajah 12: Tangkapan Layar
(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*,2012: Minit 2:07:05)

Babak ini dapat dilihat pada minit 2:05:16 dan minit 2:07:05 menunjukkan kejayaan membawa kapal-kapal perang merentasi bukit curam lalu dilepaskan ke Teluk Golden Horn yang merupakan titik terlemah Kota Konstantinopel hingga menyebabkan penduduk dan pemimpin kota berada dalam situasi yang gelisah.



Gambar Rajah 13: Tangkapan Layar
(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*, 2012: Minit 2:10:16)

Pada minit 2:10:16 Sultan Muhammad Al-Fatih gagah memberikan kata-kata semangat kepada tentera untuk menakluki kota konstaninople dengan kata-kata jihad disertakan laungan “*Allahu Akbar (Allah Maha Besar)*”. Maka bermulalah esok harinya peperangan terakhir tentera Sultan Muhammad Al-Fatih dengan pertempuran yang amat dahsyat dan beroleh kemenangan.

Berdasarkan kitab *Tajus Salatin* fasal ketiga iaitu hakikat dunia dan kehidupan. Fasal ini menerangkan manusia sering leka dengan kehidupan dunia kerana menyangka pemimpin yang mempunyai kuasa mampu memiliki apa perkara yang diinginkannya. Dengan kata mudahnya seorang pemimpin haruslah beriman dengan ajaran agama Islam dan tidak mengikut kehendak nafsu semata. Hal ini dikatakan kerana pemimpin yang melebihkan nafsu dari sistem pemerintahannya akan menyebabkan sesebuah negara itu mengalami kemudaran. Melalui filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* dapat difahami dengan babak pemimpin yang bersifat gagah tidak mudah berputus asa dengan kegagalan yang dihadapi olehnya sepanjang proses penaklukan sedang dijalankan. Pelbagai strategi telah dikeluarkan hingga pada saat-saat akhir Sultan Muhammad Al-Fatih berjaya menakluk Kota Konstantinopol. Kecemerlangan dan keunggulan yang ditunjukkan oleh beliau merupakan satu

prestasi yang luar biasa hingga perkara tersebut tercatat dalam sejarah dunia Islam yang merupakan salah satu pemimpin Islam terbaik sepanjang zaman setelah Salahuddin Al-Ayyubi. Bahkan sifat gagah yang ditonjolkan juga mempunyai keteguhan hati untuk menghadapi sebarang cabaran dan kesulitan, serta mendapat kekuatan untuk mengatasi masalah tersebut. Perkara ditunjukkan pada babak Sultan Muhammad Al-Fatih mengalami kesulitan sepanjang perang penaklukan Kota Konstantinopel.

4.2.7 Toleransi

Toleransi merupakan sikap atau perilaku yang sedia menerima dan menghormati perbezaan dari segi budaya, agama, suku dan sudut pandangan politik. Seorang pemimpin yang bertoleransi lebih cenderung menghargai dan menghormati perbezaan agama dan kepercayaan yang bersedia untuk bekerjasama dengan perbezaan pendapat dan kepercayaan. Seorang pemimpin menunjukkan sikap toleransi dalam interaksinya dengan orang lain adalah menerima kepelbagaian yang terdapat dalam sesebuah negara. Bahkan menggalakkan dialog yang terbuka dan konstruktif bagi membuka ruang kepada rakyat untuk memberi pandangan dalam memacu ekonomi, sosial dan politik negara tanpa diskriminasi sesama sendiri. Pemimpin yang mempunyai sikap toleransi juga menghormati hak asasi manusia iaitu dengan membuat keputusan yang adil dan menciptakan lingkungan inklusif sesama rakyat dan orang bawahannya.



Gambar Rajah 14: Tangkapan Layar
(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*,2012: Minit 2:26:55)

Perkara ini dapat dilihat pada minit 2:26:55 dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* yang menunjukkan sikap toleransi kepada tahanan Rom untuk memakamkan raja mereka sesuai dengan kepercayaan dan keyakinan agama mereka. Dari babak yang ditunjukkan ini dapat difahamkan seorang pemimpin yang bertoleransi akan menyebabkan rakyat di bawah pemerintahannya akan lebih menghormati pemimpin mereka dengan mentaati dan menghormati ajaran agama Islam yang dibawa olehnya.



Gambar Rajah 15: Tangkapan Layar
(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*,2012: Minit 2:28:46)

Pada minit 2:28:46 menunjukkan sultan Muhammad Al-Fatih bertoleransi dengan penduduk Rom di Hagia Sophia selepas melakukan

penaklukan terhadap Kota Konstantinopel. Dari babak ini dapat dilihat reaksi penduduk Rom selepas ditawan menunjukkan minat mereka kepada sultan Muhammad Al-Fatih kerana beliau menyuarakan satu ucapan iaitu “Kalian bebas hidup menurut keyakinan kalian”. Perkara ini tidak dapat dinafikan, walaupun selepas menakluk Kota Konstantinopel terdapat berbagai agama lain di bawah pemerintahnya. Bahkan tindakan yang sebegini dapat menarik minat anutan agama lain lebih tertarik dengan ajaran agama Islam hingga menyebabkan kerajaan dibawah pimpinan Sultan Muhammad Al-Fatih merupakan satu era kegemilangan Kerajaan Uthmaniyah yang bertahan beratus tahun sebelum runtuhnya kerajaan tersebut.

Berdasarkan kitab *Tajus Salatin* fasal pertama iaitu mengenal hakikat diri mengenai unsur toleransi dalam kepimpinan menunjukkan seseorang itu haruslah mengenal hakikat diri terlebih dahulu. Kata mudahnya mengenal hakikat diri sebagai seorang pemimpin kerana seorang pemimpin sudah pasti akan cuba menjadi seorang pemimpin yang menjalankan kerja dengan penuh adil dan amanah. Bahkan dalam al-Quran surah Al-Mumtahanah ayat 8:

“Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu) dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu,) dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.”

(Surah Al-Mumtahanah, Ayat 8)


Berdasarkan ayat al-Quran diatas jelas menunjukkan sikap toleransi dalam sistem pemerintahan dan agama amat diperlukan bagi mengekalkan keharmonian dalam kalangan masyarakat. Melalui ayat ini dapat difahamkan bahawa bertoleransi dengan penganut agama lain adalah amat diperlukan kerana Islam mengajar kita untuk berlaku adil dan berbuat kebaikan. Bahkan dalam ayat ini juga melarang kita untuk berkawan rapat dengan orang-orang yang memerangi disebabkan ajaran agama kamu (Islam) kerana perbuatan demikian adalah satu kezaliman.

4.3 unsur-unsur kepemimpinan yang ditonjolkan dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* berdasarkan teori Humanistik.

Pendekatan teori Humanistik Abraham Maslow digunakan dalam kajian unsur kepemimpinan berdasarkan penggunaan teori tersebut. Teori Humanistik pendekatan Abraham Maslow adalah sebuah teori yang dikembangkan oleh psikologi Amerika Syarikat Abraham Maslow pada tahun 1940-an dan 1950-an. Teori ini memberi penekanan tentang kepentingan pemenuhan keperluan manusia untuk mencapai potensi penuh mereka. Maslow mengusulkan hierarki keperluan manusia yang terdiri dari lima tingkat yang berbeda, yang dikenali sebagai Piramid Keperluan Maslow atau Hierarki Keperluan Maslow. Terdapat lima keperluan yang disenaraikan oleh Abraham Maslow iaitu *physiological need* atau keperluan fisiologi, *safety* atau keperluan rasa aman, *belongingness* atau keperluan sosial, *self-Esteem* atau keperluan harga diri dan *self-actualization* atau keperluan aktualisasi diri. Keperluan-keperluan ini akan menjadi dasar bagi unsur kepemimpinan yang terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*.

4.3.1 *Physiological Need* atau Keperluan Fisiologi

Physiological need atau keperluan fisiologi adalah keperluan dasar manusia seperti makanan, air, tidur, udara, dan perlindungan dari bahaya fisik. Keperluan ini harus dipenuhi terlebih dahulu kerana memberi kepentingan dalam kelangsungan hidup.




Gambar Rajah 16: Tangkapan Layar
(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*, 2012: Minit 4:25)

Melalui filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* pada minit 4:26 menunjukkan aksi lawan pedang sebagai sesi latihan sultan Al-Fatih bersama Hasan untuk mengekalkan kekuatan fizik pada dirinya. Latihan berpedang ini juga memiliki banyak kebaikan baik dari segi mental dan fizik. Manfaat latihan ini akan meningkatkan kemampuan untuk melindungi diri dan orang di sekitarnya, serta mampu membentuk kepercayaan diri dalam situasi yang memerlukan teknik beladiri ini.

Bahkan latihan sedemikian akan meningkatkan kekuatan dan keseimbangan otot serta meningkatkan stamina yang memberi efektif kepada jantung dan sistem pernafasan. Selain itu, latihan berpedang mampu meningkatkan daya fikiran yang lebih kritis dan ketajaman mental. Hal ini dikatakan kerana latihan ini memerlukan fokus dan ketekunan, jika tidak memiliki perkara yang sedemikian maka ketika berlaku pertempuran dengan pihak lawan akan menyebabkan kekalahan pada dirinya dan merisikokan orang yang ada di sekelilingnya.

Latihan berpedang secara keseluruhan seperti yang terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* mampu membentuk karakteristik, meningkatkan

mental dan pandangan positif. Kombinasi antara unsur fisik, mental dan spiritual menyebabkan latihan berpedang ini mempunyai berbagai kebaikan. Perkara ini merupakan asbab penting kepada Sultan Al-Fatih kerana latihan tersebut akan memberi pengalaman dan teknik beladiri yang beragam ketika berhadapan dengan musuh. Bukan itu sahaja, orang-orang bawahannya juga akan memandang dengan penuh hormat disebabkan beliau bukan sahaja mampu memerintah negara tetapi mahir dengan aksi beladiri iaitu berpedang hingga mampu berduel atau bersaing dengan panglima terbaik tentera iaitu Hasan sebelum wafatnya selepas berjaya menakluki Kota Konstantinopol.



Gambar Rajah 17: Tangkapan Layar

(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*, 2012: Minit 8:27)

Pada minit 8:27 menunjukkan pemakaian Sultan Muhammad Al-Fatih sewaktu pemerintahan. Pemakaian yang dipakai olehnya amat berbeza dengan rakyat jelata bahkan orang bawahannya. Hal ini dikatakan kerana bagi membezakan golongan pemerintah dan yang diperintah. Bahkan pemakaian yang dipakai oleh Sultan Al-Fatih menunjukkan kriteria-kriteria seorang pemimpin yang berwibawa, adil, bijak dan saksama.



Gambar Rajah 18: Tangkapan Layar
(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*: Minit 1:28:28)

Pada minit 1:28:28 pula menunjukkan pemakaian perang sultan Muhammad Al-Fatih yang berlainan dari bala tenteranya yang lain iaitu berpakaian seragam. Pemakaian yang dipakai olehnya kelihatan gagah, hebat dan mempunyai ilmu pengetahuan seni bela diri lebih mendalam dari yang lain. Pemakaian yang dipakai oleh Sultan Muhammad Al-Fatih mampu memperkuat kepemimpinannya di hadapan rakyat dan bala tenteranya. Pemakaian seorang pemimpin adalah satu bentuk komunikasi *non-verbal* untuk memberi pesan kuat kepada masyarakat dan bala tentera. Bahkan, ia juga mampu membina motivasi dan inspirasi. Dalam filem ini juga ada babak menunjukkan Sultan Muhammad Al-Fatih memberi kata-kata semangat kepada bala tenteranya lalu diselitkan dengan kata-kata jihad dan hadis sebelum memulai peperangan dengan pemakaian yang gagah bagi menaikkan motivasi bala tenteranya supaya tidak luntur semangat jihad mereka. Disebabkan itulah, pemakaian seorang pemimpin mampu menjadi peranan penting kepada masyarakat dan bala tentera yang tidak hanya berfokuskan kepada kata-kata semata.

Melalui babak-babak dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* terdapat unsur-unsur kepimpinan yang berdasarkan dengan teori Humanistik iaitu unsur ketaatan dan ketakwaan. Hal ini kerana gambar rajah 16 menunjukkan persiapan seorang pemimpin yang taat akan perintah tuhan untuk sentiasa bersiap siaga dengan segala persiapan dari segi fizik dan mental bagi menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pemerintah. Babak pada gambar rajah 17 menunjukkan ketakwaan seorang pemimpin berkomunikasi dengan pakaian perang untuk menyuruh musuh menyerah diri dan menerima ajaran agama Islam bagi mengubah sistem pemerintahan Kerajaan Konstantinopel. Jika enggan menerima satu perubahan dalam pemerintahan berpkasikan ajaran agama Islam maka peperangan akan berlangsung yang disertai semangat jihad dalam diri tentera Sultan Muhammad Al-Fatih bagi menakluki kota tersebut dengan mempunyai keyakinan dan ketaqwaan kepada Allah SWT.

4.3.2 Safety atau Keperluan Rasa Aman

Pendekatan teori yang dikemukakan oleh Abraham Maslow mempunyai lima tingkat keperluan, setelah keperluan lebih rendah dipenuhi maka akan ke peringkat keperluan yang seterusnya, dengan kata mudahnya keperluan yang lebih tinggi. Keperluan rasa aman merupakan salah satu keperluan yang terdapat dalam piramid keperluan bertingkat. Keperluan rasa aman ini merangkumi keinginan individu manusia untuk rasa aman dan terlindung dari bahaya dan ancaman. Antara contoh keperluan rasa aman seperti kesihatan, kesejahteraan mental, pekerjaan yang stabil dan lingkungan yang bebas dari konflik atau ancaman.



Gambar Rajah 19: Tangkapan layar

(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*, 2012: Minit 35:35)

Pada minit 35:35 menunjukkan babak Sultan Muhammad Al-Fatih menegur Karamanoglu Ibrahim yang mengancam kedaulatan dan pemerintahan sultan Muhammad Al-Fatih semasa ekspedisi ke Kota Konstantinopel. Pada awalnya Karamanoglu Ibrahim ingin memerangi ekspedisi sultan Al-Fatih ke Kota Konstantinopel tapi terbantut disebabkan jumlah tentera yang begitu ramai dalam perjalanan menuju ke kota tersebut. Karamanoglu Ibrahim terpaksa berdamai dengan sultan Muhammad Al-Fatih hingga berlaku perbalahan sesama pembesar disebabkan pembohongan Karamanoglu Ibrahim yang ingin berdamai dengan sultan Al-Fatih semasa sesi perbincangan ekspedisi ke Kota Konstantinopel.

Babak yang ditunjukkan pada minit 35:35 berupa satu peringatan kepada Karamanoglu Ibrahim yang masih memberi peluang kepadanya untuk tidak melakukan pengkhianatan semasa berada di bawah pemerintahan Sultan Muhammad Al-Fatih. Jika tidak, Karamanoglu Ibrahim akan menerima balasan iaitu berlaku pertumpahan darah. Perkara yang dilakukan oleh sultan Muhammad Al-Fatih merupakan satu solusi ataupun jalan penyelesaian bagi

mengamankan struktur pemerintahan dan mengelakkan berlakunya perbalahan sesama para pembesar. Berikut menunjukkan keperluan Abraham Maslow iaitu keperluan rasa aman. Hal ini demikian kerana melibatkan struktur pemerintahan dalam kerajaan sultan Muhammad Al-Fatih dari berlakunya pergelutan.



Gambar Rajah 20: Tangkapan Layar
(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*,2012: Minit 36:37)

Pada minit 36:37 menunjukkan babak Sultan Muhammad Al-Fatih menerima utusan daripada Kerajaan Rom untuk membayar wang tunjangan lipat kali ganda daripada jumlah 300,000 koin emas sebagai perdamaian antara dua kerajaan, malangnya dengan lipat kali ganda bayaran yang dikenakan menyebabkan Sultan Muhammad Al-Fatih merasa kerajaan Orhan ingin mengambil kesempatan ke atas kerajaan yang dipimpin beliau yang mampu menyebabkan kerajaan di bawah kepemimpinannya jatuh muflis disebabkan lipat ganda tunjangan tersebut yang beralasan ingin perdamaian. Disebabkan perkara itu sultan Muhammad Al-Fatih mengambil keputusan untuk tidak membayar tunjangan tersebut hingga memberi teguran kepada perdana menteri iaitu Halil Pasha dengan percakapan:

“kurasa, mereka bahkan tak punya nyali atau kekuatan. Ini gagasanmu untuk berdamai, Perdana Menteri, Apa ini gagasanmu untuk berdamai?”

(Sultan Muhammad Al-Fatih, 2012: minit 37:28)

Berdasarkan teori Humanistik Abraham Maslow iaitu keperluan rasa aman yang ditunjukkan pada babak-babak filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*, menunjukkan sultan muhammad Al-fatih menjaga keselamatan dan kesejahteraan kerajaan semasa pemerintahannya untuk mengelak dari berlakunya sebarang konflik dari dalam mahupun luar Kerajaan Uthmaniyah.

Unsur kepimpinan yang dapat diperlihatkan pada gambar rajah 19 dan gambar rajah 20 adalah keadilan seorang pemimpin yang memikirkan kesejahteraan dan keamanan kerajaannya daripada bertekuk lutut kepada musuh. Melalui teori Humanistik iaitu keperluan rasa aman perlu ada pada seorang pemimpin bagi menjauhi pergolakan dari dalam kerajaan hingga menyebabkan musuh-musuh Islam mengambil kesempatan. Babak-babak pada rajah 19 dan 20 merupakan babak yang dapat diperlihatkan tanggungjawab seorang pemimpin dalam menjaga keamanan dan kesejahteraan kerajaan dari musuh-musuh Islam dan pengkhianatan dari dalam.

4.3.3 *Belonginess* atau keperluan sosial

Keperluan sosial merangkumi hasrat dan keperluan individu dalam bersosial, berkomunikasi dan membina hubungan dengan orang lain. Keperluan sosial ini juga adalah satu dari piramid bertingkat keperluan Abraham Maslow. Keperluan ini merupakan unsur penting bagi pembentukan karakter atau kepribadian dan perkembangan diri manusia dalam kesejahteraan serta psikologi seseorang. Antara contoh keperluan sosial adalah cinta, kasih sayang, jalinan kekeluargaan

serta pertemanan dan jalinan perhubungan lingkungan masyarakat. Keperluan tingkat ketiga ini akan diperoleh setelah memenuhi keperluan peringkat pertama dan kedua iaitu *physiological need* atau keperluan fisiologi dan *safety* atau keperluan rasa aman.



Gambar Rajah 21: Tangkapan Layar
(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*, 2012: Minit 5:12)

Pada minit 5:12 menunjukkan babak Sultan Muhammad Al-Fatih beradu pedang dengan Hasan sebagai sesi latihan meningkatkan kemahiran berpedang, kekuatan fisik dan ketangkasan sebagai satu bentuk persediaan ketika bertempur dengan musuh. Hal ini kerana pada babak tersebut memperlihatkan Sultan Muhammad Al-Fatih dan Hasan menjalinkan hubungan persahabatan yang memberikan manfaat kepada dirinya serta rakannya. Perkara ini juga merupakan salah satu keperluan sosial yang terdapat pada babak ini iaitu persahabatan.



Gambar Rajah 22: Tangkapan Layar
(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*, 2012: Minit 18:47)

Pada minit 18:47 menunjukkan sultan Muhammad Al-Fatih berbincang dengan petinggi kerajaan sebagai penasihat mengenai tindakan yang dibuat oleh sultan sambil bermain permainan catur.

“Baginda sultan, aku tahu setiap tindakan baginda pasti memiliki alasan. Namun, mengembalikan jabatan Halil Pasha dan berkompromi dengan Konstantin menimbulkan kekecewaan penduduk. Ini dianggap sebagai kelemahan. Aku takut, kita tak bisa merebut kepercayaan rakyat dan pasukan kita, jika seperti itu kita akan mendapatkan masalah serius.”

(Sultan Muhammad Al-Fatih, 2012: minit 18:47)

“Pemerintahan bukanlah tempat untuk memamerkan kekuasaan, Zaganos. Dia hanyalah alat untuk melindungi kepentingan mereka, mensejahterakan mereka dan membangun masa depan untuk mereka. Itulah yang membuat sultan berkuasa. Jangan khawatir. Bila waktunya tiba, pasukan dan rakyatku akan mengerti mengapa keputusan ini aku ambil.”

(Sultan Muhammad Al-Fatih, 2012: minit 18:47)

Dialog percakapan Zaganos dan Sultan Muhammad Al-fatih menunjukkan hubungan antara penasihat dengan raja ataupun ketua yang membincangkan kesejahteraan kerajaan. Babak ini memperlihatkan keprihatin Zaganos kepada Sultan Al-Fatih dengan keputusan yang diutarakan olehnya untuk berdamai dengan Konstantin bertengahkan Halil Pasha. Sultan juga menyampaikan hasratnya membuat keputusan tersebut sebagai langkah pertama untuk membesarkan lagi kerajaan dengan menakluki Kota Konstantinopol sebagai salah satu taktik yang dirancang olehnya. Hasrat sultan Al-Fatih melakukan perdamaian dengan Konstantin hanya diketahui oleh Zaganos dan sultan mempercayainya dengan mengambil nasihat yang diberikan.



Gambar Rajah 23: Tangkapan Layar
(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*, 2012: Minit 1:21:32)

Pada minit 1:21:32 menunjukkan babak Sultan Muhammad Al-Fatih memeluk anaknya dan memberikan surat kepada isterinya sebelum berangkat ke medan perang bagi menakluki Kota Konstantinopel. Sultan Muhammad Al-Fatih meninjau zaman kanak-kanaknya kurang mendapat kasih sayang ayahnya yang terlalu sibuk dengan urusan kerajaan. Sultan Muhammad Al-Fatih tidak ingin perkara yang sama berulang kepada putera lelakinya yang pernah terjadi pada zaman kanak-kanaknya. Sebelum beliau berangkat ke medan peperangan beliau turut melafazkan rasa cinta kepada isterinya dengan gumbalan ayat puisi diberikan dalam bentuk surat. Perkara ini menunjukkan sebagai satu penulisan terakhir sultan dalam mengungkapkan rasa cinta kepada isterinya, jika sultan syahid semasa penaklukan Kota Konstantinopel. Rasa cinta itu mampu membentuk jati diri dan keperluan seseorang bagi menyemai semangat ke atas individu tersebut.

Pada babak-babak yang terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* unsur kepimpinan toleransi dapat diperlihatkan dan dikaitkan dengan keperluan sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana gambar rajah 21, 22 dan 23 menunjukkan toleransi Sultan Muhammad Al-Fatih kepada sahabatnya iaitu

Hasan, petinggi kerajaan dan keluarga sebelum sampai ke puncak jalan penceritaan iaitu peperangan dengan Kota Konstantinopel. Toleransi seorang pemimpin amat diperlukan dalam kehidupan sosial manusia bagi mendapatkan sebarang maklumat-maklumat dan perhubungan antara manusia bagi memperoleh kepercayaan. Begitu juga Sultan Muhammad Al-Fatih yang bertoleransi dengan orang disekelilingnya bagi memperoleh kepercayaan dan membina hubungan bagi mendapatkan sebarang maklumat-maklumat penting demi keamanan dan kesejahteraan kerajaan.

Keperluan sosial yang dikemukakan oleh Abraham Maslow dapat difahamkan sebagai satu keperluan asas yang ada pada diri manusia. Babak-babak yang mengandungi keperluan sosial Abraham Maslow seperti hubungan sosial dengan petinggi kerajaan, rakyat, jalinan kerjasama dengan negara jiran, persahabatan dan kasih sayang telah menunjukkan Sultan Muhammad Al-Fatih memenuhi keperluan sosial dengan perbuatan ataupun tingkah laku yang ditunjukkan dalam filem. Keperluan sosial ini perlu ada pada diri seseorang manusia kerana keperluan sosial ini akan membantu seseorang itu menaikkan keyakinan diri, hubungan baik dengan komuniti atau pasangan dan rasa cinta ataupun kasih sayang kepada manusia atau rakyat di bawah pemerintahan. Keperluan ini akan membantu seseorang itu dihargai dan dihormati sekaligus akan pergi ke peringkat keperluan selanjutnya iaitu *self-esteem* atau keperluan harga diri.

4.3.4 *Self-esteem* atau keperluan harga diri

Keperluan harga diri ini melibatkan keinginan rasa hormat orang lain hingga diterima oleh orang sekeliling. Bahkan, keperluan ini juga mencakup keinginan

memiliki rasa harga diri pribadi dan bersifat positif yang melibatkan kepercayaan pada kemampuan sendiri dan rasa mandiri. Dengan kata mudahnya, harga diri merupakan suatu bentuk apresiasi terhadap diri sendiri dan pengakuan dari orang lain. Prestasi, pencapaian dan interaksi dengan orang sekeliling mampu memenuhi keperluan harga diri. Jika keperluan ini terpenuhi sudah pasti individu tersebut akan ke tahap terakhir atau puncak piramid teori Humanistik berdasarkan Abraham Maslow iaitu aktualisasi diri.



Gambar Rajah 24: Tangkapan Layar
(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*, 2012 Minit 24:45)

Pada minit 24:45 menunjukkan babak Sultan Muhammad Al-Fatih bertemu dengan datuknya yang bernama Osman di dalam mimpinya. Alur penceritaan yang ditunjukkan pada minit 24:45 adalah ketika datuk Sultan Muhammad Al-Fatih menceritakan sejarah leluhurnya yang ingin membina sebuah empayar Uthmaniyah sebagai negara terkuat. Osman datuk kepada Sultan Al-Fatih memperihalkan lagi bahawa keinginan leluhur sebelumnya akan tercapai dengan pemerintahan yang dilakukan oleh Sultan Muhammad Al-Fatih itu sendiri. Sehingga Sultan Al-Fatih mendapat pengiktirafan oleh datuknya iaitu Osman disebabkan sabda Rasulullah sebagai seorang pemerintah dan komander ketenteraan untuk menakluki Kota Konstantinopel.



Gambar Rajah 25: Tangkapan Layar
(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*, 2012: Minit 2:03:53)

Pada minit 2:03:53 menunjukkan babak Sultan Muhammad Al-Fatih bersama ahli ilmu sekaligus guru kepada sultan Al-Fatih. Guru Sultan Muhammad Al-Fatih memberikan kata-kata pendukung semangat kepadanya untuk tidak mudah mundur dan jatuh disebabkan kegagalan demi kegagalan sepanjang menakluki Kota Konstantinopol.

Berdasarkan teori Humanistik Abraham Maslow iaitu keperluan harga diri dapat dilihat melalui dua babak diatas yang menunjukkan Sultan Muhammad Al-Fatih tidak berdiri dengan sendiri, melainkan mendapat pengiktirafan dan penghargaan dari individu-individu yang mengenalinya iaitu datuk dan guru Sultan Muhammad Al-Fatih yang memberikan kata-kata semangat dan kepercayaan kepada Sultan Al-Fatih sebagai seorang pemimpin dan panglima tentera yang berkaliber sebelum dan semasa penaklukan Kota Konstantinopol.

Unsur kepimpinan berani dan gagah dapat dikaitkan dengan keperluan harga diri disebabkan Sultan Muhammad Al-Fatih telah menempuh pelbagai rintangan semasa proses penaklukan ke Kota Konstantinopol. Babak dalam filem tersebut menunjukkan Sultan Muhammad Al-Fatih mempunyai

keberanian dan gagah dalam memegang jawatan sebagai pemimpin kerajaan dan memberi arahan untuk melakukan segala persiapan bagi penaklukan kota tersebut. Datuk dan Guru Sultan Muhammad Al-Fatih memainkan peranan penting pada harga diri Sultan Al-Fatih. Hal ini dikatakan demikian kerana dua sosok ini memberikan kata-kata semangat kepada Sultan Al-Fatih untuk tidak berputus asa dan memberi keyakinan bahawa dialah merupakan sosok pemimpin yang akan membebaskan Kota Konstantinopel yang terdapat dalam sabda Rasulullah SWT.

4.3.5 *Self-actualization* atau keperluan aktualisasi diri

Keperluan aktualisasi diri merupakan peringkat tertinggi yang dikemukakan oleh Abraham Maslow, merujuk kepada usaha manusia bagi mencapai potensi diri ke tahap maksimum dan menjadi versi terbaik pada diri. Konsep ini adalah bahagian teratas dalam hierarki keperluan Abraham Maslow yang terdiri daripada lima tingkat keperluan.



Gambar Rajah 26: Tangkapan Layar

(Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*, 2012: Minit 2:09:33)

Pada minit 2:09:33 menunjukkan babak Sultan Muhammad Al-Fatih memberikan kata-kata semangat kepada bala tenteranya dengan segala ilmu

yang dipelajari dari guru dan ayahnya. Dalam babak ini juga dapat dilihat guru Sultan Muhammad Al-Fatih berdiri di sampingnya sepanjang hujah demi hujahan diberikan kepada bala tentera untuk meningkatkan moral mereka. Babak ini telah memperlihatkan potensi diri Sultan Muhammad Al-Fatih berdasarkan teori Humanistik iaitu keperluan aktualisasi diri. Hal ini dikatakan demikian kerana semasa permulaan jalan penceritaan merupakan alur peningkatan keperluan yang diperlukan pada individu untuk sampai ke tahap tertinggi keperluan yang terdapat dalam piramid Abraham Maslow.

Unsur kepimpin iaitu berilmu dikaitkan dalam keperluan aktualisasi diri teori Humanistik yang merupakan puncak tertinggi individu bagi menjadi versi lengkap sebagai seorang pemimpin. Hal ini dikatakan kerana jalan penceritaan filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* telah menunjukkan tanggungjawab dan amanah yang dipegang sebagai seorang pemimpin Islam yang berkaliber. Perkara ini tidak dapat dinafikan bahawa Sultan Muhammad Al-Fatih merupakan salah satu pemimpin Islam terkemuka yang sering dijadikan perbincangan dunia disebabkan struktur pemerintahan yang telah berdiri selama ratusan tahun selepas penaklukan Kota Konstantinopel. Ketika itu Kota Konstantinopel merupakan pusat Islam dalam menyebarkan ajaran agama Islam hingga ke Asia Tenggara, salah satunya Kesultanan Melayu Melaka yang menjalin hubungan rapat dengan Kerajaan Uthmaniah. Aktiviti perdagangan dijadikan sebagai satu medium dalam menyebarkan ajaran agama Islam pada ketika itu sebelum Kerajaan Melaka dijajah oleh pihak British.

4.4 Menilai ciri-ciri pemimpin yang terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* diaplikasikan dalam konteks kepimpinan masa kini.

Era ledakan teknologi masa kini, banyak memperlihatkan ciri-ciri kepimpinan yang di tunjukkan oleh pemimpin dalam media sosial mahupun media cetak. Justeru, filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* mengisahkan perjalanan kepemimpinan yang luar biasa, khususnya semasa penaklukan Konstantinopel pada tahun 1453. Melalui watak dan perwatakan yang dibawa dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* telah memperlihatkan ciri-ciri kepemimpinan yang tidak hanya relevan dalam konteks sejarah tetapi mampu memberi inspirasi dan panduan untuk diaplikasikan dalam konteks kepimpinan masa kini. Melalui analisis yang diperolehi daripada filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* terdapat beberapa ciri-ciri kepimpinan yang sesuai serta dapat dijadikan sebagai satu ikutan kepada pemimpin masa kini.

4.4.1 Pemimpin yang taat

Seorang pemimpin yang taat memainkan peranan penting dalam membina hubungan saling mempercayai antara pemimpin dan yang dipimpin. Seorang pemimpin yang taat sudah pasti akan memasukkan elemen-elemen keagamaan dalam struktur pemerintahannya. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap pemerintahan dari zaman dahulu hingga zaman sekarang ada memasukkan elemen keagamaan dalam struktur pemerintahan. Contohnya, Kerajaan Rom yang berdiri selama ratusan tahun, agama Kristian ada picu utama dalam pemerintahan hingga menyebabkan rakyat-rakyatnya begitu taat dan menghormati pemimpin mereka.

Seterusnya, Sultan Muhammad Al-Fatih sendiri menjadikan agama Islam yang berpandukan al-Quran dan Hadis sebagai tunjang utama dalam

pemerintahan. Kenyataan ini tidak dapat dinafikan kerana pemerintahan di bawah Sultan Muhammad Al-Fatih menyebabkan empayar Kerajaan Islam ketika itu berdiri megah dan berpotensi menyebarkan ajaran agama hingga ke Asia Tenggara, salah satunya Kerajaan Melaka. Disebabkan perkara itu, Kerajaan Melaka menjadi pusat utama dalam penyebaran ajaran agama Islam di Asia Tenggara melalui perdagangan hingga munculnya karya-karya sastera seperti Undang-Undang Laut Melaka, Hikayat Hang Tuah dan Sulalatus Salatin.

Justeru, filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* dapat dijadikan sebagai satu contoh dan panduan kepada pemimpin masa kini dalam mencorakkan sistem pemerintahan bertunjangkan ajaran agama Islam. Walaupun negara Malaysia ini mempunyai kepercayaan agama masing-masing, ianya tidak menyebabkan impak yang besar kepada masyarakat, melainkan adanya pihak yang ketiga iaitu menjadikan sentimen keagamaan sebagai perkara yang sensitif sewaktu pemilihan raya.

Sinar Harian oleh Nurul Huda Husain pada 12 Januari 2024, '*Elak mengapi-apikan isu berbangkit melibatkan agama dan kaum*' yang telah diperkatakan oleh Profesor Madya Dr. Mohd Yusri Ibrahim, ketua penyelidik Ilham Centre. Kenyataan yang diusulkan oleh beliau untuk tidak menjadikan elemen agama dan kau, ini sebagai satu keuntungan dalam bidang politik. Kenyataan ini tidak dapat dinafikan kerana setiap kali pilihan raya berlangsung, mana-mana parti sudah pasti akan memanipulasi dengan sentimen 2R iaitu kaum dan agama. Bahkan beliau juga ada mengatakan tindakan Koo Ham yang memberikan cadangan untuk memasukkan wakil bukan Islam dalam jawatankuasa perundangan Islam menyebabkan perkara ini kelihatan lebih serius. Hal ini dikatakan demikian kerana, kereta dan rumah Koo Ham terbakar

disebabkan cadangan yang dikemukakan oleh Koo Ham sendiri. Rentetan itu, Profesor Madya Dr. Mohad Yusri Ibrahim memasukkan kata-kata bidalan iaitu “yang menang jadi arang, yang kalah jadi abu”. Kata-kata yang dilontarkan oleh beliau menunjukkan bahawa jika perkara ini masih berterusan maka perbalahan ini dikhuatiri menjadi lebih besar.

Melalui pernyataan ini dapat dilihat seorang pemimpin tidak akan menjadikan sentimen agama sebagai satu permainan politik demi meraih undian dari masyarakat. Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* ada memperlihatkan seorang pemimpin itu, haruslah mempunyai asas-asas agama dan kepribadian yang baik untuk dijadikan sebagai ikutan bagi generasi-generasi muda.

Seorang pemimpin yang taat sudah pasti mengambil serius dalam struktur pemerintahannya. Hal ini kerana Sultan Muhammad Al-Fatih sendiri mengetahui balasan kepada pemimpin yang tidak menjalankan amanah dengan baik. Justeru, pemimpin masa kini mengambil inti pati yang unsur kepimpinan yang ada dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* iaitu taat dalam melakukan ibadah dan mengambil serius dalam pemerintahan dengan berlandaskan al-Quran dan Hadis. Bahkan dalam filem itu juga, ada satu sosok yang mahir dalam ilmu agama. Pemimpin masa kini juga boleh mempraktikkan dengan berpandukan alim ulama sebagai tempat rujukan ketika mengalas amanah yang begitu besar sebagai seorang pemimpin.

4.4.2 Pemimpin yang berani

Seorang pemimpin tidak hanya berani dalam menghadapi cabaran tetapi mengubahnya sebagai satu peluang yang memberikan impak kepada kesejahteraan rakyat dan negara di bawah pimpinannya. Pemimpin juga

haruslah mempunyai visi yang jelas untuk membawa masa depan negara dengan keputusan dan risiko yang bakal dihadapi. Perkara ini dapat diambil daripada filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* yang berani membuat keputusan demi menjaga keamanan dan kesejahteraan pemerintahannya untuk tidak tunduk di bawah kepemimpinan Kerajaan Rom. keberanian yang ditunjukkan ketika menghadapi banyak kegagalan ketika menakluki Kota Konstantinopel dengan syahidnya tentera-tentera dan hancurnya armada laut untuk memasuki kawasan titik terlemah kota tersebut. Kegagalan demi kegagalan yang terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* dapat dijadikan sebagai satu panduan kepada pemimpin masa kini.

Malaysia Kini oleh Atriza Umar pada 26 Disember 2020, '*Seperti apakah kepemimpinan kini?*' dalam ulasan yang memperkatakan masih belum terlambat untuk melakukan perubahan kepada negara dengan memiliki seorang pemimpin yang berwibawa dengan mengutamakan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. Ulasan ini juga ada memetik Dr. Shafiq Nazem al-Ghabra merupakan seorang profesor sains politik di Universiti Kuwait memberikan pandangan bahawa sesebuah negara itu tidak akan dapat bertahan dari tekanan negara-negara besar serta negara-negara serantau disebabkan amalan rasuah. Melalui struktur ketenteraan, pemimpinlah yang gagal.

Beliau juga memberikan penjelasan bahawa keadilan sering diperlihatkan dalam dunia politik. Perkara ini turut dicegah oleh beliau kerana keadilan yang sebenarnya adalah kebebasan pribadi dalam membuat pilihan ke atas dirinya sendiri. Disebabkan perkara itu, krisis ini berada pada titik terlemah jika tidak mengambil sebarang tindakan dengan penerapan nilai kepemimpinan yang perlu ada pada seorang pemimpin. Penerangan yang diulaskan semakin

sampai kemuncak. Hal ini dikatakan demikian kerana inovasi ekonomi, politik dan sosial telah berkembang pesat mengikut peredaran zaman dengan ledakan teknologi dan perkembangan sains yang menjadi wadah baharu kepada dunia.

Perkara ini disebabkan pemimpin perlu menghadapi pelbagai rintangan untuk mempelajari dan menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi dan sains yang berkembang pesat. Selain itu, pemimpin juga harus menghadapi adat, budaya, agama dan kepercayaan yang ada dalam masyarakat. Contohnya, negara Malaysia yang mempunyai rakyat berbilang kaum dengan pelbagai kepercayaan, agama, adat dan budaya.

Melalui ulasan yang diberikan dapat difahamkan bahawa seorang pemimpin mengalas tanggungjawab yang begitu besar dalam menentukan hala tuju masa depan negara. Perkara dapat diperlihatkan dalam struktur pemerintahan yang pernah dibawa oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, merupakan mantan Perdana Menteri Malaysia keempat dan ketujuh. Antara keberanian yang pernah dilakukan oleh beliau adalah *Dawn Raid (Serbuan Subuh)*.



Gambar Rajah 27: Keratan Akhbar *News Straits Times*

Pada tahun 1981 telah dikejutkan kerajaan Malaysia berjaya ambil alih syarikat perladangan British iaitu Guthrie. Syarikat Guthrie berjaya diambil dalam masa empat jam untuk jatuh ke tangan Kerajaan Malaysia. Perkara ini berlaku setelah Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat. Rancangan ambil alih kuasa syarikat Guthrie diketuai oleh beliau sendiri dengan bantuan Tengku Razaleigh, Datuk Ismail, Tan Sri Khalid Ibrahim dan Bank NM Rothschild & Sons Ltd melakukan perbincangan mengenai strategi secara terperinci dengan membeli saham yang bermodalkan sebanyak 282 juta dollar. Pembelian saham dilakukan secara serentak sebelum bukanya *London Stock Exchange* (LSE) tanpa pengetahuan syarikat pihak British. Tindakan yang dilakukan oleh beliau menunjukkan nilai keberanian seorang pemimpin dalam menegakkan keadilan demi rakyat yang ditindas oleh pihak British. Operasi *Dawn Raid* ini telah menyebabkan syarikat-syarikat British di Malaysia mula memberikan perhatian dengan membuka terma-terma baharu dalam perundingan. Bahkan, 160 juta dollar telah diberikan oleh Kerajaan British untuk subsidi pelajar Malaysia yang sambung pelajaran di United Kingdom dan lapangan terbang Heathrow memberikan hak pendarat kepada MAS Airlines.

Melalui kenyataan ini, tidak dapat dinafikan sifat keberanian Tun Dr. Mahathir Mohamad mempunyai ciri-ciri kepimpinan seperti yang ditunjukkan dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*. Disebabkan itu, pemimpin masa kini boleh mengaplikasikan nilai keberanian yang terdapat pada filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* diaplikasikan dalam struktur pemerintahan seperti yang pernah dilakukan oleh Perdana Menteri Malaysia keempat dan ketujuh.

4.4.3 Pemimpin yang berilmu

Pemimpin berilmu ialah individu yang bukan sahaja menguasai ilmu pengetahuan, tetapi juga menguasai ilmu keagamaan yang dijadikan sebagai tunjang utama pemerintahan dalam membuat keputusan mengenai nilai-nilai kemanusiaan. Laman sesawang Jendela Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu Dewan Tamadun Islam dalam ulasan yang diberikan oleh Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2022) mengenai *Pemimpin dan Kepimpinan yang baik* dengan memasukkan sejarah Islam iaitu kepimpinan Rasullullah SAW menjadi contoh dalam penerangan ini. Menurutnya lagi, setiap pemimpin haruslah mempunyai ilmu pengetahuan. Hal ini kerana perkara tersebut amat penting serta menjadi syarat asas yang diperlukan pada pemimpin ketika menjalankan tanggungjawabnya. Ilmu yang dimaksudkan tidak hanya berfokus kepada ilmu agama, tetapi ilmu itu juga melibatkan pelbagai aspek seperti ilmu komunikasi, pengurusan, sahsiah, hal-hal berkaitan ekonomi dan sebagainya. Akhir ulasan ini memperlihatkan seorang pemimpin yang bertanggungjawab dalam menjalankan amanah, sudah pasti akan melaksanakan kebaikan pada dirinya dan orang dibawah pemerintahannya iaitu rakyat dan negara.

Malaysia Kini oleh Anual Bakri Haron pada 19 Februari 2015, membuat ulasan mengenai '*Keajaiban penampilan Nik Aziz*' dalam politik dan dakwah di Malaysia. Ulasan yang dibuat membincangkan keunikkan penampilan sifat arwah tuan guru Nik Aziz sebagai sosok pemimpin yang mampu memukau khalayak dengan lontaran kata-kata dari bibirnya. Pemergian arwah tuan guru Nik Aziz menyebabkan kesedihan seluruh rakyat Malaysia beragama Islam kerana hilangnya tokoh ilmuan yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan hingga mengubah negeri Kelantan yang dulunya mempunyai kisah silam gelap kepada

Serambi Mekah. Ulasan ini juga akan menceritakan sumbangan-sumbangan tuan guru Nik Aziz yang tidak diceritakan kepada khalayak. Hal ini dikatakan demikian kerana ahli-ahli politik tidak dapat menerima sentuhan dan perubahan yang dilakukan oleh Tok Guru Nik Aziz. Bahkan ahli-ahli politik ini melihat Islam itu hanya dibenarkan untuk berlegar-legar di rumah ibadat sahaja dan tidak melibatkan dalam struktur pemerintahan. Almarhum Tok Guru Nik Aziz pernah diharamkan memasuki kampus university untuk memberikan ucapan dan kata-kata kepada pelajar, lebih teruknya lagi beliau dikepung dan dihalang untuk memberikan ceramah, walaupun telah mendapatkan permit.

Sepanjang beliau menjadi menteri besar selama 23 tahun, tidak pernah satupun ucapannya muncul di rangkaian televisyen dan radio. Ulasan yang diberikan ini masih banyak lagi membincangkan ahli-ahli politik tidak menggemari dengan kata-kata pujian terhadap Tuan Guru Nik Aziz dalam memberi sumbangan kepada politik, ekonomi dan sosial kepada negara Malaysia. Kata-kata dan idea-idea yang diberikan oleh beliau sudah pasti adalah berkonsepkan ajaran agama Islam. Petikan ayat dari surah Al-A'raf. Ayat 96:

“Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertakwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkah langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat kami) itu, maka Kami siksa mereka disebabkan perbuatannya”.

(Surah Aal-A'raf, Ayat 96)

Petikan ayat al-Quran diatas, sering kali keluar dari bibir allahyarham Tuan Guru Nik Aziz. Hal ini dikatakan kerana, beliau yakin dan percaya segala usaha yang dilakukan adalah demi Islam dan menegakkan kebenaran. Akhir kata, usaha yang ditunjukkan oleh beliau adalah ciri-ciri kepimpinan Islam,

tetapi telah disangkal oleh ahli-ahli politik lain kerana tidak boleh menerima hakikat kebenaran terhadap perubahan yang dibawa oleh beliau.

Dalam kajian ini juga akan memasukkan sumbangan terbesar beliau yang jarang diceritakan kepada generasi masa kini mengenai sumbangan Tuan Guru Nik Aziz di negeri Kelantan hingga mendapat gelaran Serambi Mekah.



Gambar Rajah 28: Keratan Akhbar *The Straits Times*

Paris of Malaya adalah gelaran yang ada di negeri Kelantan sebagai pusat pelacuran terbesar di Asia Tenggara pada tahun 1950. Pelacur-pelacur ini ada diantara mereka dilatih pada umur 12 tahun, bahkan tidak semua diantara mereka berasal dari Kelantan, tetapi melibatkan seluruh semenanjung Malaysia pada ketika itu. Kemunculan pelacur-pelacur ini pada usia muda disebabkan berlakunya budaya masyarakat ketika itu iaitu kahwin muda atau dengan kata mudahnya kahwin bawah umur. Perkara ini tidak mengejutkan kerana nenek moyang kita dahulu mengamalkan konsep kahwin muda, hingga menyebabkan ada antara mereka memiliki anak ramai disebabkan kesuburan dan amalan kahwin muda itu sendiri. Tidak hairanlah nenek moyang kita mempunyai adik beradik mencecah sepuluh orang keatas.

Berbalik kepada isu Paris of Malaya di negeri Kelantan telah menimbulkan ketidakpuasan orang-orang Paris ketika itu. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka berpendapat bahawa bandar Paris lebih tinggi budaya dari negeri Kelantan untuk disamakan. Josephine Foss merupakan pegawai kebajikan negara British. Josephine memberi kenyataan bahawa anak-anak gadis yang ditindas oleh ibu-ibu ayam ini akan mendapat pulangan lumayan seperti dapat menetap di hotel-hotel mewah dan barang-barang kemas.

Kenyataan yang dibuat oleh Josephine telah menimbulkan ketegangan dengan masyarakat Melayu. Hal ini kerana kenyataan yang dibuat macam sengaja untuk memecah belahkan masyarakat Melayu. Bahkan, Isu ini pernah dibincangkan dalam dewan undangan negeri mengenai masalah pelacuran di negeri Kelantan oleh Nik Mohamed Ali. Beliau telah mengemukakan cadangan kepada pihak berkuasa iaitu Majlis Agama Negeri Kelantan untuk tidak menghukum pelacur-pelacur di negeri berkenaan, tetapi memberi peluang pekerjaan kepada mereka bagi meninggalkan dunia pelacuran, sekaligus mampu mengubah daya pemikiran mereka bahawa pelacuran itu bukan sahaja pekerjaan untuk mendapatkan keuntungan dalam menyara kehidupan seharian mereka. Cadangan yang dikemukakan oleh Nik Mohamed Ali telah menggambarkan sifat kepribadiannya bahawa hukuman kepada pelacur untuk disumbat ke dalam penjara, bukanlah jalan penyelesaian untuk mengurangkan isu ini, tetapi memberikan mereka peluang untuk mengubah hidup mereka dengan pekerjaan lain. Terdapat juga beberapa cerpen yang dihasilkan dengan memasukkan isu pelacuran yang berleluasa di negeri Kelantan. Antaranya, Kisah pelayaran Abdullah oleh Munshi Abdullah dan Temasha Tinta oleh A.Samad Ismail.

Kini semuanya hanya tinggal sejarah semenjak Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dibawah kepimpinan Allahyarham Tuan Guru Nik Aziz hingga menyebabkan ajaran agama Islam makin berkembang di Negeri Kelantan. Banyak sumbangan-sumbangan beliau terhadap Negeri Kelantan. Antaranya, penutupan panggung wayang, tempat arak dan tempat judi. Bahkan, beliau juga telah memperkenalkan Enakmen Kawalan Hiburan Negeri pada tahun 1998 bagi menerapkan nilai-nilai Islam dalam kalangan masyarakat pada setiap persembahan. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk mengelakkan berlakunya amalan-amalan khurafat yang diamalkan oleh nenek moyang terdahulu seperti mak yong, wayang kulit dan sebagainya. Sumbangan-sumbangan yang diberikan oleh beliau turut menyebabkan Negeri Kelantan mendapat gelaran 'Serambi Mekah'. Maka tidak hairanlah, Negeri Kelantan mempunyai pusat-pusat ajaran agama Islam yang meluas seperti Maahad Tahfiz, sekolah agama dan sebagainya. Jasa-jasa beliau membuatkan rakyat-rakyat di Negeri Kelantan makin mengenal Islam, hingga menyebabkan pemergian Allahyarham Tuan Guru Nik Aziz sebagai hari memilukan kepada seluruh rakyat Malaysia disebabkan jasa-jasa yang pernah dilakukan oleh beliau.

Kepimpinan yang diperlihatkan oleh Allahyarham Tuan Guru Nik Aziz, menunjukkan seorang pemimpin berilmu sudah pasti akan memberi kebaikan kepada rakyat dan negaranya hingga menyebabkan sumbangan-sumbangan yang dilakukan oleh beliau masih diingati pada masa kini. Beliau merupakan seorang pemimpin yang baik dan berilmu dengan memasukkan ajaran agama Islam dalam pemerintahannya yang bertunjangkan al-Quran dan Hadis.

BAB 5

RUMUSAN

5.1 Pengenalan

Bab ini adalah bab yang terakhir dalam penyediaan kajian ini. Bab ini merupakan rumusan yang dilakukan oleh pengkaji berdasarkan keseluruhan hasil dapatan kajian dan perbincangan yang melibatkan filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* didasari dengan penggunaan kitab *Tajus Salatin* dan teori Humanistik. Pengkaji juga menginterpretasikan implikasi dan cadangan untuk kegunaan pengkaji-pengkaji lain untuk mengisi kelopongan kajian ini pada masa akan datang.

5.2 Hasil Perbincangan

Kajian ini merupakan sebuah kajian berkaitan tontonan filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* untuk dianalisis mengenai unsur-unsur kepimpinan yang ditonjolkan dalam filem tersebut. Unsur-unsur kepimpinan yang terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* sesuai untuk ditonton kepada lapisan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat pelbagai intipati yang boleh diambil, terutamanya nilai-nilai ajaran agama Islam yang diterapkan dengan berpandukan al-Quran dan hadis. Susunan lapisan masyarakat amat digalakkan untuk ambil tahu filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* yang merupakan satu sosok pemimpin yang patut dicontohi. Filem ini merupakan kisah sejarah Islam yang pernah berlaku, cuma diceritakan semula dengan adaptasi dari syarikat perfileman negara Turkey. Walaupun ada babak-babak yang tidak harus dimasukkan tetapi intipati mengenai kepimpinan Sultan Muhammad Al-Fatih banyak ditunjukkan. Bahkan seruan jihad dalam filem ini juga menyebabkan jalan penceritaan kian sampai kemuncak dengan yakin dan kepercayaan terhadap hadis Nabi Muhammad SAW, bahawa Kota Konstantinopel akan jatuh ke tangan umat Islam hingga mencipta

sejarah sebagai satu empayar Kerajaan Uthmaniah yang bertahan selama ratusan tahun dengan penyebaran ajaran agama Islam berkembang pesat hingga ke Asia Tenggara.

Kitab *Tajus Salatin* oleh Bukhari Al-Jauhari digunakan dalam kajian ini sebagai panduan bagi mencapai objektif pertama. Unsur-unsur kepimpinan yang terdapat dalam filem akan di senaraikan lalu didasari dengan kitab *Tajus Salatin* yang berfokuskan dari fasal pertama hingga fasal ketiga. Hal ini dikatakan demikian kerana unsur-unsur kepimpinan yang diperolehi akan diulaskan dengan lebih terperinci melalui pemahaman pengkaji yang bersumberkan dari rujukan kajian-kajian lepas disertai pula hadis Nabi dan ayat-ayat al-Quran untuk mengukuhkan lagi kajian ini. Hasil rumusan dari objektif pertama telah menyenaraikan unsur-unsur kepimpinan yang ada terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* iaitu ketaatan, berani, adil, berilmu, bertaqwa, gagah dan toleransi. Babak-babak yang terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* dijadikan sebagai bukti utama untuk mengukuhkan lagi kajian ini dengan membuat tangkapan layar pada filem tersebut bagi memperincikan lagi perbuatan yang dilakukan oleh Sultan Muhammad Al-Fatih dari awal hingga akhir jalan penceritaan. Tangkapan layar dilakukan dengan mengambil babak-babak penting sahaja untuk dikaitkan dengan unsur-unsur kepimpinan yang disenaraikan dengan memasukkan fasal pertama hingga fasal ketiga daripada kitab *Tajus Salatin*.

Seterusnya, objektif kedua adalah mengenai analisis unsur-unsur kepimpinan yang ditonjolkan dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* berdasarkan teori Humanistik dengan menggunakan pendekatan Abraham Maslow iaitu keperluan bertingkat. Penggunaan teori ini akan memperlihatkan lagi karakter seorang pemimpin dengan unsur-unsur kepimpinan yang ditonjolkan dalam filem menggunakan pendekatan Abraham Maslow untuk sampai ke tingkat tertinggi keperluan teori Humanistik iaitu keperluan aktualisasi diri. Hal ini dikatakan demikian kerana

keperluan aktualisasi diri menjadi dasar pemahaman terhadap motivasi kepada individu dalam mencapai potensi pribadi. Bahkan penggunaan teori ini juga dapat dilihat dari segi psikologi pendidikan iaitu sosok pemimpin dapat mempelajari dengan mendapat dukungan penuh dari orang berilmu untuk dijadikan sebagai panduan seorang pemimpin dalam menjalankan struktur pemerintahan mengikut ajaran agama Islam, seperti yang terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*.

Objektif yang terakhir dalam kajian ini adalah menilai ciri-ciri pemimpin yang terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* dalam konteks kepemimpinan masa kini. Objektif ini memainkan peranan memberi implikasi ataupun impak kepada penonton setelah menonton filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*. Bahkan kajian yang dilakukan ini juga didasari dengan penggunaan kitab *Tajus Salatin* dan teori Humanistik untuk memasukkan elemen-elemen kepemimpinan yang ada terdapat pada filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* diaplikasikan dalam konteks kepemimpinan masa kini untuk dipelajari dan diamati.

Justeru, keseluruhan hasil pembincangan ini akan memberikan impak yang begitu besar terhadap kajian yang dilakukan. Hal ini demikian kerana kajian ini menggunakan kitab *Tajus Salatin* dan teori Humanistik sebagai tunjang utama dalam membantu mendapatkan hasil dapatan kajian mengenai unsur-unsur kepemimpinan yang terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih*, lalu unsur kepemimpinan yang ditonjolkan itu akan dimasukkan dalam kajian dengan bersumberkan ayat-ayat suci al-Quran dan hadis bagi mengukuhkan kajian yang dilakukan.

5.3 Implikasi

Kajian ini dapat memberikan impak kepada pengkaji-pengkaji lain yang menggunakan kitab *Tajus Salatin* dan teori Humanistik untuk melihat potensi seseorang individu dengan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji lain. Unsur kepimpinan dalam kajian yang dilakukan menggunakan filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* sebagai medium untuk melihat watak dan perwatakan yang dibawa semasa dalam proses penaklukan Kota Konstantinopel. Objektif ketiga dalam kajian ini merupakan implikasi kajian yang dibincangkan secara terperinci dengan memasukkan beberapa contoh dari kisah-kisah yang pernah berlaku untuk menilai kepimpinan yang terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* dapat dibawa masuk untuk melihat konteks kepimpinan masa kini. Kajian ini juga memetik beberapa kisah sejarah yang pernah berlaku dalam negara Malaysia seperti *Dawn Raid*, *Paris of Malaya* dan perkara-perkara yang pernah menggemparkan Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana kisah-kisah yang disenaraikan melalui objektif yang ketiga telah menepati nilai-nilai yang perlu ada pada seorang pemimpin. Perkara ini juga dapat membuka mata masyarakat terutamanya generasi muda yang terlalu leka dengan penggunaan teknologi di sekeliling mereka, hingga menyebabkan generasi muda mengabaikan perkara-perkara penting seperti sejarah penubuhan Malaysia, kisah-kisah yang pernah menggemparkan Malaysia dan isu-isu semasa dalam serta luar negara.

5.3.1 Individu

Kajian ini dapat diterapkan dalam jati diri individu yang diberikan amanah dan tanggungjawab untuk memimpin suatu organisasi ataupun negara dengan berlandaskan ajaran Islam. Pentingnya kajian ini adalah individu dapat mempelajari dan memahami isi kandungan yang terdapat dalam kitab *Tajus*

Salatin mengenai fasal 1, fasal 2 dan fasal 3 yang telah diberikan penerangan secara terperinci terhadap unsur-unsur kepimpinan yang perlu ada pada seorang pemimpin. Teori Humanistik Abraham Maslow merupakan teori psikologi daripada barat untuk mengenal pasti tahap keperluan teori Humanistik pada diri. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini telah didasari dengan penggunaan teori Humanistik untuk memberi pemahaman kepada individu terhadap proses kemenjadian pemimpin yang berkaliber.

5.3.2 Masyarakat

Unsur-unsur kepimpinan ini haruslah diterapkan dalam jati diri masyarakat terutamanya, kalangan generasi muda. Hal ini kerana mereka merupakan pewaris yang akan menjadi seorang pemimpin pada masa akan datang. Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* dapat dijadikan sebagai satu medium kepada generasi muda dengan memperlihatkan watak dan perwatakan seorang pemimpin untuk dijadikan sebagai tauladan yang boleh diikuti oleh mereka. Malahan pengkaji-pengkaji lain dapat menggunakan kajian yang dijalankan ini untuk mengisi kepongkongan dengan melibatkan penggunaan teori-teori yang sesuai, selain teori Humanistik. Kitab *Tajus Salatin* yang digunakan dalam kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji-pengkaji lain dengan memperincikan lagi data-data sokongan serta melibatkan penggunaan fasal-fasal dalam kitab tersebut.

5.3.3 Negara

Kajian yang dilakukan dapat menjadi contoh teladan kepada bakal pemimpin generasi baharu dengan berlandaskan kitab *Tajus Salatin*, al-Quran dan Hadis bagi memberi pemahaman dengan lebih jelas dan terperinci untuk menjadi

seorang pemimpin yang bertanggungjawab dan amanah. Kitab *Tajus Salatin* dapat digunakan dalam struktur pemerintahan terutamanya kepada pemimpin-pemimpin yang diberikan tanggungjawab dalam memacu masa depan negara. Bahkan kajian ini telah menggunakan filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* sebagai satu medium yang baik dan memberi pemahaman dengan lebih jelas.

Nilai-nilai kepimpinan yang telah disenaraikan dapat diambil serba sedikit dalam proses pembelajaran pada diri seorang pemimpin. Pemimpin yang dimaksudkan bukan sahaja berfokuskan kepada pemerintah, tetapi melibatkan organisasi-organisasi syarikat yang ada di negara Malaysia bagi mempertingkatkan kualiti diri dan orang-orang bawahannya. Secara tidak langsung, kajian ini juga dapat dijadikan sebagai satu pembelajaran untuk membentuk kepribadian diri.

5.4 Cadangan

Hasil dapatan dalam kajian ini, pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan yang perlu dilakukan untuk mempertingkatkan lagi proses pembelajaran dan jati diri individu bagi mengalas tanggungjawab sebagai seorang pemimpin. Hal ini dikatakan demikian kerana filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* adalah satu medium yang digunakan dalam kajian ini dengan mengeluarkan unsur-unsur kepimpinan yang ditonjolkan dalam filem tersebut, lalu untuk dipraktikkan dalam kalangan masyarakat dan pemimpin masa kini. Justeru beberapa cadangan yang bertepatan dengan kesesuaian daripada kajian yang dijalankan melalui hasil dapatan kajian.

5.4.1 Peranan Kerajaan Malaysia memasukkan unsur-unsur kepimpinan dalam silibus pembelajaran.

Peranan Kerajaan Malaysia dalam memasukkan unsur-unsur kepimpinan dalam silibus pembelajaran untuk didikan lebih awal dalam membentuk jati diri anak-anak muda. Hal ini dikatakan demikian kerana pembelajaran di sekolah rendah dan menengah kurang diterapkan nilai-nilai kepimpinan dalam diri mereka, hingga menyebabkan mereka mengalami kesukaran untuk memimpin kumpulan ketika menjalankan tugas yang telah diberikan. Pembentukan jati diri dengan memasukkan elemen-elemen kepimpinan dalam pembelajaran akan membentuk diri mereka berdaya saing dan berkualiti untuk generasi akan datang. Perkara ini akan mencerminkan kepelbagaian dan keadilan serta dapat memastikan unsur kepimpinan mudah difahami dalam kalangan lapisan masyarakat. Tindakan yang sebegini sudah pasti akan melahirkan masyarakat berkualiti dari pelbagai latar belakang yang berbeza.

Penglibatan unsur kepimpinan dalam silibus pembelajaran juga mampu memberi peluang kepada pelajar untuk memahami nilai-nilai etika, integriti dan tanggungjawab sebagai seorang pemimpin, tidak kiralah melibatkan kerja berkumpulan dan membentuk potensi diri dalam diri mereka. Peranan kerajaan juga boleh memastikan bahawa pembelajaran mengenai kepimpinan tidak hanya memberikan pengetahuan semata tetapi mampu membentuk sikap dan nilai yang positif. Hal ini dikatakan demikian kerana membentuk generasi pemimpin yang tidak hanya cemerlang dalam pengetahuan tetapi juga mempunyai integriti, amanah dan tanggungjawab yang peduli kepada rakyat dan pembentuk negara. Peranan kerajaan dalam menguatkuasakan pendekatan ini merupakan satu strategik bagi membina masyarakat yang berdaya saing,

cekap dan penuh kepimpinan. Perkara ini adalah mengikut kesesuaian perkembangan dunia moden yang dinamik, cadangan ini merupakan satu langkah dalam pembentukan generasi yang mampu menghadapi cabaran, mempunyai keyakinan dan kecekapan untuk menempuh pembangunan negara pada masa depan.

5.4.2 *Kitab Tajus Salatin* sebagai panduan untuk kegunaan struktur pemerintahan

Kitab Tajus Salatin dapat dijadikan sebagai panduan berharga mengenai prinsip-prinsip yang mendalam terhadap kepimpinan pemimpin pada struktur pemerintahan suatu negara. Kitab ini menekankan tanggungjawab dan amanah seorang pemimpin ketika diberikan jawatan oleh kepercayaan rakyat dalam memacu masa depan negara. *Kitab Tajus Salatin* dapat melihat struktur pemerintahan itu sebagai suatu alat bagi menegakkan keadilan dan kesejahteraan rakyat. Sedia maklum fasal-fasal yang terkandung dalam kitab *Tajus Salatin* banyak dikaitkan dengan ajaran agama Islam. Kajian demi kajian harus dilakukan untuk mengupas dengan lebih mendalam mengenai fasal-fasal yang terkandung dalam kitab *Tajus Salatin* untuk digunakan sepenuhnya dalam struktur pemerintahan negara yang melibatkan ekonomi, politik dan sosial.

Selain itu, kitab *Tajus Salatin* dapat memberikan panduan mengenai tugas dan tanggungjawab yang harus dilaksanakan oleh setiap lapisan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana menekankan pemimpin untuk mendengar suara rakyat, memberi mereka peluang membuat keputusan dan menjalankan amanah yang diberikan dengan adil. Bahkan, kitab ini dapat memberikan penekanan yang seimbang dalam proses pembentukan negara dari

berbagai aspek. Melalui cadangan ini, struktur pemerintahan dapat menjadi suatu alat untuk mewujudkan masyarakat seimbang, sejahtera dan harmoni dengan menjadikan kitab *Tajus Salatin* sebagai panduan kepada pemimpin dan masyarakat.

5.4.3 Peranan pengkaji lain terhadap kajian yang dijalankan

Melalui kajian ini, pengkaji lain dapat menggunakan kajian yang dijalankan sebagai rujukan pada masa akan datang. Pengkaji-pengkaji lain dapat mengupas dengan lebih mendalam lagi mengenai fasal-fasal yang terkandung dalam kitab *Tajus Salatin* untuk mengembangkan lagi kajian mengenai kepimpinan ini. Perkara ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pengkaji lain mengenai kajian ini pada masa akan datang. Bahkan kajian ini juga bersesuaian untuk mengaitkan isu-isu semasa yang melibatkan konteks kepimpinan masa kini samada secara menyeluruh ataupun tidak menyeluruh. Justeru, kajian ini akan menjadi rujukan kepada pengkaji lain yang melibatkan elemen-elemen kepimpinan dan mengkaji potensi diri seseorang. Diharapkan pengkaji lain dapat mengisi kekosongan yang tidak sepenuhnya dijawab oleh pengkaji dengan melibatkan penggunaan teori lain tetapi penggunaan kitab *Tajus Salatin* sebagai tunjang utama yang hendak dijalankan.

MALAYSIA

KELANTAN

5.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengkaji berharap kajian yang dijalankan ini dapat memberikan manfaat kepada semua lapisan masyarakat dan pihak berwajib untuk memberi sokongan terhadap kitab *Tajus Salatin* sebagai panduan kepada individu yang mempunyai potensi sebagai seorang pemimpin. Filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* merupakan satu medium yang boleh diambil kerana melibatkan sejarah kepimpinan Islam yang diketahui semua umat Islam. Perkara ini tidak dapat dinafikan, Sultan Muhammad Al-Fatih telah melakar sejarah ketika menaklukkan Kota Konstantinopel yang utuh selama ratusan tahun. Bahkan, teknik peperangan yang pertama kali dilakukan oleh Sultan Muhammad Al-Fatih ketika membawa 70 buah kapal perang melintasi gunung untuk sampai ke titik terlemah Kota Konstantinopel pada ketika itu serta penggunaan meriam untuk menjatuhkan tembok kota tersebut. Kajian ini juga didasari dengan teori Humanistik bagi melihat potensi diri seorang pemimpin yang terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* untuk menjadikan kajian ini sebagai salah satu kajian ilmiah bagi kegunaan ramai. Melalui kajian ini juga dapat difahamkan nilai-nilai kepimpinan yang terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* boleh dibawa keluar untuk dipraktikkan dalam struktur pemerintahan pada masa kini. Hal ini dikatakan demikian kerana mendapati pemimpin-pemimpin Malaysia yang sebelumnya menunjukkan nilai-nilai kepimpinan ketika negara Malaysia berada dalam kegawatan ekonomi, diserang wabak penyakit merbahaya dan sebagainya. Justeru, kajian unsur-unsur kepimpinan yang terdapat dalam filem *Sultan Muhammad Al-Fatih* didasari dengan penggunaan kitab *Tajus Salatin* dan teori Humanistik adalah salah satu kajian yang perlu dipandang lebih dan diteliti oleh pengkaji lain untuk mengisi segala kepongkangan ke atas kajian yang telah dijalankan.

RUJUKAN

- Atriza, U. (2020, Disember 26). Seperti apakah kepemimpinan kini?. *Malaysia Kini*. Online <https://www.malaysiakini.com/news/556577>
- Anual Bakri Haron. (2015, Februari 19). Keajaiban Penampilan Nik Aziz. *Malaysia Kini*. Online. <https://www.malaysiakini.com/news/289716>
- Adnan, T. S. N. S. T., & Yaacob, M. F. C. (2022). Interaksi Sosioekonomi Dalam Cerita Rakyat *Kilatan Emas* mencetus revolusi kepemimpinan terhadap kanak-kanak dan remaja. *Mahawangsa*.
- Abidin, M. M. Z., & Rasit, R. M. (2018). Analisis mesej dakwah dalam Filem *Munafik* (2016). *Fikiran Masyarakat*, 6(1), 23-29.
- Amir, A. N. (2021). Kepimpinan wanita menurut perspektif Hamka. *Manthiq*, 5(2).
- Amalia, N., & Yulianingsih, S. (2020). Kajian psikologis humanistik Abraham Maslow pada tokoh utama dalam novel *Surat Dahlan* karya Khrisna Pabichara. *Imajeri: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 2(2), 149-156.
- Ali, A. H., & Malik, A. (2021). Ciri-ciri Bijaksana Bendahara Tun Perak dalam Pembentukan model kepemimpinan berintegriti: *PENDETA*, 12(1), 26-39.
- Aksoy, F. (2012). *Fetih 1453: Sultan Muhammad Al-Fatih*. Aksoy Film Production.
- Hamzah, S. N. Pencitraan polemik ekonomi orang melayu dalam Filem *Abang*.
- Hamjah, S. H., Zur Raffar, I. N. A., & Rasit, R. M. (2014). Filem dan gaya kepimpinan keluarga Melayu: Analisis dari perspektif Islam 1.
- Hashim, H., Aziz, J., & Ibrahim, F. (2014). Filem dan revolusi teknologi: Persepsi penggunaan cgi dari aspek estetik & kreativiti. *Jurnal Komunikasi*, 30(1), 104-105.
- Hassan, F., & Yusoff, S. H. (2019). Membangunkan tema filem berunsur islam melalui filem *Bisik Pada Langit*. *AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*.
- Ismail, C. Z., Aziz, W. A. W. A., Zulkipli, M. F. I. M., & Mat, A. C. (2018). Filem sebagai media pengajaran kor-sispa di universiti awam. *e-Academia Journal*, 7(1).
- Imuda, R. (2023, January 20). *Ulasan. Apa maksud Masyarakat Madani Anwar Ibrahim*. Malaysiakini. Online. <https://www.malaysiakini.com/news/652299>
- Kurniawan, A. (2021, November 25). *Pengertian kepemimpinan beserta Fungsi dan Tujuannya*. Didapati Merdeka.com.
- Kechot, A. S., & Jamal, D. H. D. (2012). Pengurusan badan bukan kerajaan (NGO) perfileman: Gaya komunikasi kepimpinan dan kesannya kepada ahli organisasi. *Jurnal Pengurusan*, 34, 151-162.

- Kholil, N. I. (2022). *nilai-nilai kepemimpinan dalam kisah al-quran, kajian atas kisah thalut dalam qs. al-Baqarah ayat 246-252*. Doctoral dissertation, Institut PTIQ Jakarta.
- Lukman, R. A. (2019). Kondisi hierarki bertingkat pada tiga tokoh dalam novel *Bulan Di Langit Athena* karya Zhaenal Fanani Kajian Teori Kepribadian Humanistik Abraham Maslow. *Skripsi. JBSI FBS Unesa*, (5)2. 1-6
- Maryam Syafiqa Mohd Sayuti & Jamilah Omar (2017). *Nilai Kepimpinan Pembesar Empayar Melayu Melaka Kajian Berasaskan Teks Sulalatus Salatin*. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 5(1), 171-192.
- Menteri Malaysia, P. P. (2023). Amanat Perdana Menteri Yab Daro, Seri Anwar Ibrahim Membangun Malaysia Madani. Pmo.gov.my. <https://www.pmo.gov.my/>
- Misrom, A., & Rasit, R. M. (2016). Tahap penontonan filem genre dakwah dalam kalangan audien Malaysia. *Al-Hikmah*, 8(1), 85-101.
- Mansor, R., & Mohd Hamzah, M. I. (2015). Kepimpinan berkualiti: perspektif mengenai kompetensi yang diperlukan untuk memimpin dengan berkesan. *Jurnal Pengurusan*, 45.
- Mu'ammam, A. (2019). Kualifikasi Pemimpin dalam Tafsir Al-Azhar. *Journal of Islamic and Law Studies*, 3(2).
- Nurul, H. S. (2024, Januari 12). Elak mengapi-apikan isu berbangkit libat agama, kaum. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/>
- Nurfitri, H. (2014, March 18). *Muhammad al-Fatih, Penakluk Konstantinopel - Cerita kisah cinta penggugah jiwa*. KisahMuslim.
- Rahmawati, N. (2018). Aspek Hierarki Kebutuhan Bertingkat Tokoh Utama Dalam Novel Vegetarian Karya Han Kang: Kajian Teori Psikologi Humanistik Abraham Maslow. *Jurnal Sapala*, 5(1), 3-5.
- Rasit, R. M., Misrom, A., & Islam, F. P. (2016). Analisis elemen patuh syariah dalam filem *Nur Kasih the Movie* (2011) berdasarkan teori filem Ar-Risalah. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 32(1), 580-602.
- Rostanawa, G. (2019). Hirarki Kebutuhan Tokoh Utama dalam Novel Pulang dan Laut Bercerita Karya Leila S. Chudori (Kajian Psikologi Humanistik Abraham Maslow). *ELite Journal: International Journal of Education, Language, and Literature*, 1(2).
- Sualman, P. D. D. I. (2023). *Memahami konsep Malaysia Madani*. Utusan Malaysia. Online. <https://www.utusan.com.my/>
- Saputri, L. F. (2022). Analisis aspek pemenuhan tokoh sukab dalam novel *Sepotong Senja Untuk Pacarku* karya Seno Gumira Ajidarma: Kajian Teori Humanistik. *MATAPENA: Jurnal Keilmuan Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*, 5(1), 1-15.

- Silviandari, N. P., & Noor, R. (2023). *Kepribadian Tokoh Meirose dalam Film Surga yang Tak Dirindukan (Kajian Psikologi Humanistik Abraham Maslow)*. Diglosia: Jurnal Kajian Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya, 6(1), 1-12.
- Sakdiah, S. (2016). *Karakteristik Kepemimpinan Dalam Islam (Kajian Historis Filosofis) Sifat-Sifat Rasulullah*. Jurnal Al-Bayan: Media Kajian dan Pengembangan Ilmu Dakwah, 22(1).
- Saravanan P. Veeramuthu (2019). *Kepemimpinan dalam novel Perang Sangkil: Satu bacaan Pendekatan Pengurusan*. Asian People Journal (APJ), 2(1), 169-182.
- Samallo, D. J. A. (2012). Motif Pelaku Kejahatan dalam “Moeru”, bagian dari karya Higashino Keigo yang berjudul “Tantei Galileo”, Teori Psikologi Humanistik Abraham Maslow. *Students e-Journal*, 1(1), 2.
- Suhaimi, M. J. (2018, March 26). Dawn Raid: Peristiwa kerajaan Malaysia merampas Guthrie daripada penjajah British. *Illuminasi*. Online. <https://iluminasi.com/>
- Sulaiman S., & Neviyarni, S. (2021). *Teori Belajar Menurut Aliran Psikologi Humanistik Serta Implikasinya Dalam Proses Belajar dan Pembelajaran*. Jurnal Sikola: Jurnal Kajian Pendidikan dan Pembelajaran, 2(3), 220-234.
- Suprobo, N. (2008). Teori Belajar Humanistik. *Tersedia [online]: http://novianasuprobo.wordpress.com/2008/06/15/teori-balajar-humanistik*.
- Utami, E. N. (2020). Teori Belajar Humanistik Dan Implementasinya Dalam Pelajaran Pendidikan Agama Islam. *Jurnal MUDARRISUNA: Media Kajian Pendidikan Agama Islam*, 10(4), 571-584.
- Yusuf, M. (2019). Kajian Teoritik Pengembangan Pembelajaran Bahasa Arab Berbasis Humanistik Di Madrasah Ibtida'iyah. *Jurnal Shaut Al-Arabiyah*, 7(2), 132-146.
- Yusoh, M. H., & Aziz, J. (2018). Pemerksaan Watak Wanita Dalam Filem Berunsurkan Islam: Kajian Kes" Ketika Cinta Bertasbih". *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(1).
- Yusof, A., Abd Rahim, R. A., Kadir, N. A. A., & Dahlal, N. H. M. (2010). Konsep Feminisme Islam di dalam Filem Ketika Cinta Bertasbih. *Journal of Al-Tamaddun*, 5(1), 131-147.
- Yusof, A. M., & Zakaria, N. (2021). Ciri-Ciri Kepimpinan Dan Kesannya Dalam Tuhfat Al-Nafis Karya Raja Ali Haji. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4 (13), 24-36.
- Zain, R. M., & Affendi, N. R. N. M. (2018). Karisma Wanita dalam Novel Nenek Karya Razali Endun: Women's Karisma in Grandma Karya Razali Endun. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 5(1), 44-54.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2022, Disember 21). Pemimpin dan kepimpinan yang baik. *Dewan Tamadun Islam*. Jendela Dewan Bahasa & Pustaka. <https://dewantamadunislam.jendeladbp.my/2022/12/21/4708/>